

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 13

Selasa

10 April 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 26)
USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat)</i>	(Halaman 26)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 10 April 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah galakan insentif tambahan yang diberikan kepada penduduk-penduduk di taman perumahan menubuhkan Kawasan Rukun Tetangga dan seterusnya menjalankan Skim Rondaan Sukarela memandangkan ianya cara yang berkesan dalam memupuk perpaduan dan mengurangkan kes jenayah di taman-taman perumahan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan ini dijawab sekali dengan soalan oleh Yang Berhormat bagi Kapit iaitu nombor 20 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan indeks konflik pada tahun 2006, iaitu 36 kes per sejuta penduduk membuktikan bahawa tahap perpaduan masyarakat Malaysia adalah terpelihara. Dari segi tahap perhubungan kaum, pemantauan menunjukkan bahawa keadaan adalah baik walaupun masih banyak usaha yang perlu dipertingkatkan. Walaupun negara kita akan merayakan 50 tahun kemerdekaan, masih terdapat isu-isu yang boleh mencetuskan perbalahan dan seterusnya mengakibatkan konflik jika perkara-perkara ini tidak ditangani dengan bersungguh-sungguh.

Kerajaan mengharapkan semua pihak memikul tanggungjawab bersama untuk mencari penyelesaian terbaik dan boleh diterima oleh semua pihak. Keadaan rundingan berasaskan konsep menang-menang adalah cara terbaik bagi mengatasi sebarang isu. Di samping itu, masyarakat Malaysia perlu mengutamakan kerjasama dan meningkatkan kefahaman dan bukan menimbulkan perbezaan. Kekuatan dibentuk melalui nilai-nilai kesamaan kaum, budaya dan agama seperti kata pepatah, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Sikap sederhana, hormat-menghormati, toleransi dan *accommodation* atau timbang terima hendaklah sentiasa dipupuk dan diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan kerjasama dan persefahaman serta memperkukuhkan nilai-nilai murni yang dimaksudkan, kerajaan sentiasa merancang dan merangka strategi serta pendekatan yang komprehensif di bawah Rancangan Malaysia

Kesembilan untuk menubuhkan lebih banyak Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara dengan sasaran 1,000 Kawasan Rukun Tetangga dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan. Selain itu, kerajaan juga akan memperluaskan penubuhan Skim Rondaan Sukarela atau SRS dengan sasaran 1,500 dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membantu mencegah dan mengurangkan kejadian jenayah di dalam kawasan perumahan.

Kerajaan sentiasa mengkaji insentif yang diberi dari masa ke semasa di bawah Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga 2006-2010. Setiap Kawasan Rukun Tetangga yang baru ditubuhkan akan menerima geran sebanyak 7,200 setahun, iaitu akan berkuat kuasa pada tahun 2007 dan peningkatan ini adalah peningkatan sejumlah RM200 sebulan. Di samping itu, setiap Kawasan Rukun Tetangga turut menerima peruntukan tambahan pelaksanaan aktiviti mengikut keutamaan dan jenis-jenis aktiviti yang dilaksanakan. Kerajaan turut menggalakkan setiap Kawasan Rukun Tetangga sedia ada menubuhkan Skim Rondaan Sukarela dalam usaha mencegah jenayah dan mewujudkan kawasan kediaman yang selamat.

Sehingga 31 Mac 2007, sejumlah 634 Skim Rondaan Sukarela ditubuhkan di seluruh negara. Untuk tujuan tersebut, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM2,500 untuk tujuan pembekalan alat-alat rondaan seperti baju, *vest*, baju hujan, cota atau rotan, wisel, lampu suluh dan peti keselamatan iaitu *first aid*, dengan izin, kepada peronda-peronda. Kerajaan juga telah memutuskan menambahkan geran SRS ini daripada yang sedia ada iaitu jumlah RM2,500 ke RM5,000 setahun dan perkara ini sedang dalam peringkat pemprosesan oleh pihak Perbendaharaan.

Sebagai penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dan peronda-peronda sukarela yang sanggup berkorban tenaga dan masa untuk menjalankan kewajipan sebagai rakyat Malaysia yang turut bersama-sama menjaga keamanan dan keselamatan tempat tinggal, kerajaan menyediakan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok. Kerajaan juga berharap rakyat akan bertindak sebagai mata dan telinga, dan menyalurkan maklumat berguna kepada pihak berkuasa. Usaha kerajaan tidak akan berhasil tanpa sokongan padu semua rakyat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab kita bersama. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu dan terima kasih juga di atas cadangan kerajaan untuk menaikkan geran *one-off* daripada RM2,500 kepada RM5,000 setahun. Tetapi saya juga berharap kerajaan dapat menimbang untuk memberikan cuti gantian kepada kakitangan kerajaan dan juga swasta yang menjalankan tugas SRS ini. Saya cadangkan kalau boleh semua KRT digalakkan menubuhkan SRS ini memandangkan kejadian jenayah yang sekarang ini agak membimbangkan terutamanya di kawasan-kawasan perumahan. Kajian telah dijalankan oleh pihak polis di mana ada KRT, khususnya ada rondaan SRS, jenayah menurun dari 40% ke 50%. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rembau atas keprihatinan dan sokongan yang diberi kepada Rukun Tetangga serta SRS. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah menetapkan supaya dalam penubuhan 1,000 unit Rukun Tetangga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kawasan-kawasan yang baru diwajibkan untuk menubuh rondaan sukarela atau SRS, dengan adanya insentif-insentif yang sedia ada tersebut.

Mengenai dengan cuti gantian, pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara sedang mengemas kini pandangan-pandangan tersebut seperti mana telah disampaikan oleh pihak umum. Kita berharap bahawa dalam laporan yang dapat dibentangkan dalam sesi kali ini, pandangan berkaitan dengan soal cuti itu dapat nanti disampaikan kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. SRS mungkin boleh mengurangkan jenayah tetapi dari segi pengisian untuk memupuk perpaduan, saya rasa kementerian kena memantau program yang dicadangkan dilaksanakan oleh RT-RT yang ada. Umpamanya dari segi mengadakan acara bola sepak, sejauh mana perpaduan ini boleh diwujudkan melalui program yang sedemikian.

Soalan saya, pertama, peruntukan yang diberi kepada unit RT tidak mencukupi dan perlu dilihat oleh kementerian. Kedua, adakah kementerian juga terus menerus memantau cadangan program-program yang dikemukakan oleh unit-unit RT sebelum ia dilaksanakan.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih di atas soalan oleh Yang Berhormat bagi Beluran yang juga sentiasa menyokong program-program RT di kawasan beliau. Untuk makluman Dewan yang mulia, sememangnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Jabatan Perdana Menteri sentiasa memantau program-program yang dilaksanakan oleh pihak Rukun Tetangga. Atas dasar itu kita mengadakan misalnya, Anugerah Kualiti Rukun Tetangga di mana kita memberi anugerah kepada RT-RT yang kreatif dari segi program dan pelaksanaannya juga dari segi sasaran program-program tersebut.

Dari segi perihal peruntukan, kerajaan sedia maklum bahawa peruntukan baru sahaja disemak dan ditambah seperti geran RT daripada RM400 sebulan ke RM600 sebulan serta juga geran-geran lain dan juga geran untuk SRS yang disentuh tadi telah pun dipertingkatkan dua kali ganda. Kerajaan akan terus mencari jalan untuk menambah peruntukan-peruntukan yang ada berasaskan kepada kreativiti program-program tersebut. Harus juga ditekankan bahawa RT-RT ini adalah badan NGO kerajaan dan mereka adalah badan sukarela dan harus juga antara faktor yang kita lihat dari segi memberi anugerah kecemerlangan kepada RT-RT ialah kemampuan mereka mencari dana di luar daripada peruntukan kerajaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan peranan sukan, pihak JPM dan JPNIN mempunyai program yang khusus bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan di

bawah program Rakan Muda, Jiran Muda dan ini pun dibuktikan pada tahun yang lalu boleh menjadi jambatan yang penting untuk memupuk perpaduan khususnya di kalangan belia-belia kita. Terima kasih.

2. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Penerangan menyatakan, sejajar dengan dasar kerajaan menambah baik modal insan, apakah pihak kementerian akan memperbanyakkan lagi program-program yang berunsurkan ilmu sama ada di televisyen atau radio yang sekarang ini amat berkurangan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang prihatin kepada dasar kerajaan untuk menambah baik modal insan. Justeru RTM sebagai media rasmi kerajaan turut menyokong usaha tersebut dengan menggunakan pelbagai pendekatan melalui siaran radio dan televisyen. Usaha ini bertujuan menimbulkan kesedaran dan membuka minda masyarakat akan kepentingan setiap mereka sama ada sebagai pentadbir, pengurus, usahawan, pekerja malah golongan pelajar juga perlu menjadi insan yang berkualiti dalam setiap bidang yang mereka ceburi. Bagi ibu bapa juga mereka turut mempunyai peranan memotivasikan ahli-ahli keluarga agar menjadi insan yang berkualiti. Seruan pemimpin tentang kepentingan modal insan ini sering diselitkan dalam siaran berita di samping topik modal insan itu turut dibincangkan. Walaupun tidak ada rancangan khusus setiap minggu, tetapi perkara menyentuh aspek modal insan turut dibicarakan atau diselitkan di dalam pelbagai rancangan sedia ada. Ini termasuk melalui *Bicara, Selamat Pagi Malaysia, Helo on 2, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, 60 Minit Bersama Menteri, Debat Perdana* dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan bercorak pengetahuan, ilmu dan pendidikan ini masih menguasai peratusan yang tinggi dalam kategori rancangan-rancangan yang disiarkan dalam RTM 1 dan RTM 2. Walaupun berbentuk hiburan dan drama tetapi pelbagai mesej berkaitan dengan pembangunan modal insan, pembentukan nilai-nilai murni, amalan berbudi bahasa dan berhemah tinggi turut diselit secara halus tetapi berkesan seperti melalui sketsa *Salam Pantai Timur* dan sebagainya. Bagi rancangan radio pula peratusan kandungan siarannya adalah 30% berita dan maklumat dalam bentuk kapsyen dan 70% hiburan yang bermesej.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian yang telah menyusun program-program yang melibatkan rakyat, penambahan modal insan dan Islam Hadhari. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita kadang-kadang dapat lihat slot-slot ataupun drama-drama ataupun cerita-cerita yang lebih banyak mirip menimbulkan masalah daripada untuk membentuk modal insan yang akan mewarisi negara kita ini. Contohnya drama-drama yang selalunya bergaduh, berebut

harta, drama yang membenci antara aku sama aku dan juga iri hati di antara satu sama lain. Ini secara tidak langsung akan membawa pengaruh kepada kanak-kanak.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat satu ketika dahulu, ada rancangan radio ke sekolah-sekolah. Kalau masih ada, bagus. Kalau tidak bolehkah TV ke sekolah-sekolah pun diadakan supaya di waktu persekolahan program-program TV yang melibatkan antara sekolah dengan stesen-stesen televisyen. Selain daripada RTM, stesen-stesen swasta juga harus memainkan peranan untuk menyahut seruan kerajaan iaitu membina modal insan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada drama-drama yang kadang-kadang memang ada pergaduhan antara ahli-ahli keluarga tetapi kalau kita menonton pada keseluruhannya mesti tengok akhirnya, mesejnya. Kalau tidak gaduh tidak ada seninya. Walaupun pada mulanya gaduh tetapi akhirnya, mesejnya ialah semuanya harmoni dan sebagainya. Kalau semua tunjukkan keluarga yang baik-baik akan ada orang yang kata ini bukan satu realiti dan sebagainya. Jadi orang tidak mahu tengok lagi sebab bosan. Itulah, kadang-kadang mesti lihat pada keseluruhannya dan apa mesej akhirnya barulah kita dapat satu ...

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab dinamakan drama, bukan?... [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan radio pendidikan dan sebagainya itu adalah di bawah bidang Kementerian Pelajaran. Kalau tidak silap ini adalah melalui ASTRO dan lain-lain siaran yang sedia ada. Kalau tidak silap saya ada dua universiti yang mempunyai radio sendiri seperti PutraFM yang dikendalikan oleh Universiti Putra Malaysia dan UFM di bawah UiTM dan sebagainya. Tetapi kita akan terus memainkan peranan untuk membina modal insan melalui drama dan melalui berita dan lain-lain program yang sedia ada.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dinafikan bahawa pengajaran dan pelajaran boleh didapati daripada televisyen ataupun media elektronik. Tetapi dalam kita mempromosikan pembacaan di negara ini yang mana rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun, adalah didapati bahawa penyelidikan di Eropah dan di Amerika menunjukkan percanggahan berlaku apabila program-program yang mengghairahkan sebagai *reality show*, banyak ditayangkan di dalam televisyen, bercanggah dengan kehendak kerajaan untuk mempromosikan mendapatkan ilmu ataupun kajian ilmu melalui membaca. Tidak boleh dinafikan juga bahawa membaca adalah satu cara yang unggul dan ulung untuk mendapat ilmu. Jadi adakah kajian dibuat oleh pihak kementerian iaitu bekerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran supaya universiti-universiti membuat penyelidikan. Kesan *reality TV* ataupun program TV yang mengghairahkan ini daripada kita mempromosikan pembacaan dan mendapatkan ilmu di negara ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Untuk memperoleh ilmu ada melalui beberapa keadaan.

Yang pertama, mungkin kita menggunakan mata, kalau boleh menggunakan telinga lebih baik. Kalau ada *reality show*, pun gunakan mulut. Jadi, melalui keadaan seperti ini, kita dapat memperoleh lebih banyak maklumat. Tetapi memang ada satu perhubungan yang boleh dikatakan yang sinergi di antara media-media elektronik seperti televisyen dan juga buku-buku. Seperti buku-buku, *The Da Vinci Code* sebagai satu contoh. Mungkin melalui buku itu mereka hendak lebih menonton televisyen dan program, dan sebagainya. Sebaliknya kalau kita ada beberapa siri-siri dokumentari, yang boleh memperkatakan berkenaan buku itu, kadang-kadang mereka boleh mempercayai buku. Jadi, memang kita boleh menggunakan media elektronik untuk menggalakkan mereka membaca buku dan bersetuju bahawa buku-buku adalah satu cara untuk kita memperoleh lebih banyak ilmu yang boleh menambahkan modal insan. Sekian, terima kasih.

3. Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah langkah-langkah kawalan harga yang diambil oleh kementerian dalam Promosi Jualan Murah, Jualan MEGA, Jualan Akhir Tahun, Jualan Penghabisan Stok dan jualan murah yang lain oleh pasar raya dan gedung-gedung komersial di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyedari bahawa langkah kawalan terhadap harga semasa Promosi Jualan Murah, Jualan MEGA, Jualan Akhir Tahun, Jualan Penghabisan Stok dan jualan murah perlu dipantau bagi menjamin hak pengguna terpelihara. Dalam hal ini, peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Perintah Perihal Dagangan Harga Jualan Murah 1997, telah digunakan untuk memantau pasar raya dan gedung komersial yang menjalankan aktiviti tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah:-

- (i) para peniaga hendaklah menunjukkan harga terdahulu barang-barang tersebut di samping harga jumlah murah yang hendak ditawarkan;
- (ii) harga barang-barang yang ingin ditawarkan semasa jualan murah hendaklah harga terendah yang ditawarkan terdahulu selama tempoh berterusan tidak kurang daripada 28 hari daripada tempoh 6 bulan sebelum bermulanya jualan murah;
- (iii) para peniaga juga bertanggung jawab memastikan bahawa barang-barang yang ditawarkan dengan harga jualan murah merupakan barang-barang yang mempunyai kualiti boleh dagang, munasabah dan layak untuk tujuan jualan murah; dan
- (iv) para peniaga juga hendaklah menyenggara satu rekod yang benar dan lengkap berkenaan harga barang-barang bagi tempoh 6 bulan di premis berkenaan.

Sebarang petunjuk palsu semasa mengadakan jualan tersebut akan diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita telah mendengar jawapan yang begitu cantik, peraturan-peraturan yang begitu tersusun untuk dilaksanakan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, secara realitinya nampaknya jualan murah ini berlaku setiap hari dan iklan-iklan yang meliputi hingga 4 atau 5 muka surat akhbar, menggambarkan bahawa jualan ini sentiasa berlaku saban hari. Terutama di pasar-pasar *hypermarket* yang besar.

Saya ingin bertanya, adakah benar jualan murah ini benar-benar memberi keuntungan atau harga yang baik kepada pengguna? Memandangkan ia berlaku saban hari dan tiada pemantauan daripada pihak kementerian.

Perkara yang kedua yang saya ingin tanyakan ialah, sekarang bukan pasar raya sahaja membuat promosi jualan murah, malah syarikat kereta, padang-padang golf, menjual perkhidmatan mereka secara promosi. Adakah kementerian juga mengawal badan-badan ini daripada mengenakan penawaran yang tidak sebenarnya memberi keuntungan kepada pengguna? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Hulu Langat yang prihatin dalam perkara ini. Memang kementerian saya daripada Jabatan Penguat Kuasa sentiasa memantau keadaan jualan murah. Sesuatu tempat hanya boleh mengadakan jualan murah sebanyak 6 kali dalam satu tahun. Tidak melebihi itu dan mereka juga hanya dibenarkan menjual selama satu bulan, tiap-tiap sekali. Mereka juga perlu mendapatkan kebenaran daripada kementerian sebelum mereka boleh mengadakan jualan murah.

Bagi tahun 2006 sahaja Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai daripada kementerian saya telah pun memeriksa sebanyak 44,970 kali tempat-tempat yang ada jualan murah supaya menentukan ia mengikut semua lunas-lunas atau peraturan yang dikenakan, supaya ia memang menjadi barang-barang yang dijual murah. Kita juga akan semak harga barang-barang 6 bulan sebelum itu. Jadi pemeriksaan ini dijalankan supaya pengguna-pengguna tidak tertipu. Semasa itu kita juga mendapati sebanyak 242 kes dan kita telah menyita barang-barang yang bernilai RM680,666.64 dan kita juga telah mendenda sebanyak 167 peniaga kerana tidak mengikut peraturan dan dikenakan kompaun sebanyak RM253,270.00.

Jualan murah bukan macam *hypermarket*, ada iklan-iklan yang menunjukkan ia mengurangkan harga barang, ia kata ia jual dengan harga yang kurang, bukan jualan murah. Kalau jualan murah, ia mesti menyatakan sebut harga dahulu berapa, harga sekarang berapa dan juga mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan kementerian akan sentiasa

memantau kedudukan ini. Macam di *golf club* dan lain-lain, apa yang buat peniagaannya tidak baik, ahli-ahlinya tidak masuk, so ia hanya mengurangkan harga. Itu bukan jualan murah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kami semua tahu bahawa ada pemantauan yang telah dibuat oleh kementerian iaitu apabila harga *special sale* dan sebagainya. Tetapi saya hairan, kebanyakan *MEGA Sale* ini, nampak macam tiap-tiap kali ada *MEGA Sale*. Saya hairan macam mana walaupun Yang Berhormat ada mengatakan ada dibenarkan 6 kali setahun dan juga di beberapa *megamall* ini, ada juga CD-CD yang terlampau dengan izin, *pirated*, barang-barang dijual. Kita baru-baru ini membaca di dalam surat khabar ada dua anjing, Lucky dan Flo yang *very effective*.

Adakah kerajaan akan mengadakan ataupun sediakan lebih anjing-anjing itu supaya untuk lebih efektif dalam kenal pasti *pirating* dalam CD dan DVD. Adakah setakat ini, dua anjing ini telah membuat kerja yang ditugaskan dengan baik dan apakah kerajaan ingin mengadakan pengimportan atau anjing-anjing dalam negara supaya ia juga dapat menolong dalam proses ini?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ya.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Memang kementerian sentiasa memantau jika kedai-kedai ada jualan, dia kumpulkan VCD dan lain-lain untuk jual dengan harga yang murah, itu bukan jual murah. Tetapi mereka tidak dibenarkan jual VCD atau DVD yang haram, yang *pirated version of VCD*, dengan izin, tetapi jika macam Flo dan Lucky, yang baru-baru ini di bawa dan bantu kementerian saya, memang dalam keadaan yang tertentu. Macam kereta-kereta, apabila ada VCD dalam kereta, kita tidak dapat tahu mana satu kereta yang ada VCD tapi Lucky dan Flo dapat cium mana barang itu, dia duduk di situ dan dia bagi isyarat bahawa ada VCD dalam itu. Jadi, kita buka itu tempat memang ada VCD dalam kereta itu. Ini memang boleh bantu kementerian saya.

Kementerian saya juga bercadang untuk mengadakan satu unit sendiri dan kita juga ada minta Pegawai-pegawai Penyiasat, bolehkah kita melatih anjing-anjing itu dalam negeri dan ia boleh digunakan dalam keadaan seperti ini. Kementerian saya memberi jaminan bahawa kita akan mengambil segala tindakan untuk menghapuskan jualan *pirated goods* dan barang-barang tiruan juga. Apa yang kita perlu adalah bantuan daripada pengguna-pengguna supaya jangan beli barang-barang ini. Jika pengguna-pengguna tidak bekerjasama, sama ada Lucky atau Flo, mana-mana pun kita tidak boleh hapuskan perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Kota Belud.

4. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah yang diambil untuk mengawal pembangunan pusat-pusat komersial di bandar-bandar besar yang kini dikatakan melebihi permintaan, dan sebaliknya mengimbangi dengan pembangunan projek-projek perumahan kos rendah dan sederhana untuk menangani masalah setinggan sejajar dengan objektif setinggan sifar yang ditetapkan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum* dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud yang telah mengemukakan soalan kepada Kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bertanggungjawab secara langsung dengan pembangunan projek komersial.

Kementerian ini telah memperkenalkan Dasar Pemandaran Negara atau pun DPN yang mencadangkan pembangunan pemandaran yang efisien. Selain daripada itu, terdapat instrumen kawalan lain seperti berikut: yang pertama, Rancangan Fizikal Negara; yang kedua, Rancangan Tempatan, dan yang ketiga, Piawai Perancangan Kawasan Perdagangan GPBD 11/97. Dalam usaha memantau sistem Perancangan Rancangan Tempatan RT dan penggunaan garis panduan dan piawai rancangan yang telah digubal, kerajaan negeri dan PBT perlu mewartakan semua RT supaya *legally binding* dan dipatuhi.

Untuk mengatasi masalah setinggan pula, kementerian ini menggunakan pendekatan seperti projek perumahan rakyat atau PPR dan mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri. Sebagai contoh di Kuala Lumpur, sebanyak lebih kurang 15,273 keluarga setinggan telah dipindahkan dan ditempatkan di projek perumahan rakyat atau PPR yang disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara.

Bagi negeri Selangor pula, pihak kerajaan negeri dengan usaha sama pihak swasta telah memberikan potongan harga sejumlah RM7 ribu dari harga sebenar, iaitu RM42 ribu yang menjadikan harga jualan rumah kos rendah di Selangor turun kepada RM35 ribu.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2006, ada tiga projek perumahan rakyat, PPR bersepadu telah disiapkan di Sabah iaitu di kawasan Tawau - PPR Balong Satu, Kota Kinabalu, PPR Kampung Warisan di Inanam Laut dan Sandakan iaitu PPR Batu Empat. Lima lagi PPR Bersepadu dan lapan PPR, di Sabah sedang dalam peringkat perancangan dan pembinaan serta dijangka siap di antara tahun 2007 hingga 2009.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Belud.

Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dapat faham jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri. Bagaimana pun saya berpendapat, kerajaan juga mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Pertama, oleh kerana kerajaan berkuasa menentukan *zoning* kawasan-kawasan yang tertentu; kedua, kerajaan juga boleh menentukan penggunaan tanah atau pun *land use*. Jadi, apakah kerajaan tidak ambil tindakan untuk memberi garis panduan kepada semua PBT untuk menentukan agar kawasan-

kawasan tertentu itu di rizab untuk perumahan-perumahan mampu milik atau pun perumahan sederhana. Ini kerana kita tidak mahu rumah-rumah mereka ini di tempatkan di pinggir bandar semata-mata. Maka oleh itu kalau kita hanya serahkan kepada pemilik, mereka akan mahu maksimum *return*, pulangan yang maksimum. Oleh itu, apakah kerajaan bercadang membuat satu garis panduan untuk diagihkan kepada semua PBT di seluruh negara?

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini semua tahu bahawa kuasa berkenaan penggunaan tanah itu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Walau bagaimana, pun sepertimana yang saya telah sebutkan dalam jawapan, bahawa kita ada rancangan tempatan yang kita minta supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan. Apabila rancangan tempatan ini diwujudkan, ia adalah termasuk tentang pembinaan, perumahan, pembinaan komersial dan lain-lain lagi yang patutnya diseimbangkan di pihak perancangan kerajaan tempatan.

Apabila rancangan tempatan ini telah disediakan dan dibawa, dipamerkan untuk pandangan dan bantahan orang ramai, kemudiannya apabila dipersetujui dan diwartakan oleh kerajaan negeri maka rancangan tempatan tersebut akan berkuat kuasa. Dan semua pihak mestilah patuh kepada rancangan tempatan tersebut. Ini kita menggalakkanlah di pihak kementerian melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Persekutuan, kita telah meminta supaya semua kerajaan negeri meminta Kerajaan Tempatan mereka meluluskan rancangan tempatan ini agar dapat dipatuhi. Bukan sahaja meluluskan tetapi mewartakannya agar ia dapat berkuat kuasa dan dipatuhi oleh semua pihak.

Dengan demikian, kawalan dapat dilaksanakan. Kita memintalah supaya semua pihak kerajaan negeri, mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang telah pun siap rancangan tempatan mereka, memastikan rancangan tersebut diwartakan supaya dapat dipatuhi oleh semua pihak. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima Kasih Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya kementerian, adakah Dasar Setinggalan Negara ke arah setinggalan sifar telah dibentuk oleh kerajaan. Walaupun tanah urusan kerajaan negeri seperti Yang Berhormat bagi Kota Belud telah sebutkan tadi, garis panduan pembangunan tanah di satu kawasan, saya ambil contoh di kawasan N11, Ijuk. Kampung Seri Aman diserahkan kepada pemaju tetapi kampung di sebelahnya setinggalan juga, Kampung Seri Sentosa diberikan lot, jadi ada *double standard*. Soalannya, seperti yang saya bangkitkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Dasar Setinggalan Sifar Negara, ialah dengan kita mengambil keputusan supaya membina rumah-rumah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dengan membina rumah-rumah PPR dengan memindahkan setinggalan-setinggalan yang sedia ada

di dalam bandar. Kerana kita dapati banyak terdapat iaitu lebih 90 ribu setinggan-setinggan di dalam bandar-bandar besar di seluruh negara ini.

Apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ialah menyediakan rumah-rumah ini dengan kerajaan-kerajaan negeri agar setinggan-setinggan yang ada di dalam bandar ini dapat kita pindahkan. Tetapi di peringkat kerajaan negeri pula, kalau di kawasan-kawasan luar dari bandar itu, kerajaan-kerajaan negeri juga mempunyai program-program mereka. Seperti di Selangor kita tahu bahawa hampir selesai sudah masalah-masalah setinggan di dalam negeri Selangor tersebut.

5. Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, jumlah bilangan pelabur yang melabur di negara ini pada tahun 2005 hingga 2006, dan apakah jenis pelaburan dan berapakah jumlah kewangan pelaburan yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pada 12 April 2007 dan juga Yang Berhormat bagi Serdang pada 26 April 2007, kerana ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2005 ialah RM31 bilion yang melibatkan 1,027 projek perkilangan. Dan pada tahun 2006 ialah RM46 bilion bagi 1077 projek perkilangan. Pelaburan tersebut tertumpu pada sektor-sektor utama berikut:

- (i) produk *electrical* dan elektronik;
- (ii) produk petroleum;
- (iii) produk kimia;
- (iv) produk logam asas; dan
- (v) perkilangan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan asing di sektor perkilangan bagi tahun 2004 ialah RM13.1 bilion ataupun 45.6%. Tahun 2005 ialah RM17.9 bilion atau 57.8% dan tahun 2006 ialah RM20.2 bilion iaitu 44%. Jumlah pelaburan asing di Malaysia berbanding dengan beberapa negara jiran adalah:

Negara	2004 (RM/bilion)	2005 (RM/bilion)	2006 (RM/bilion)
Malaysia	13.1	17.8	22 4.7
Indonesia	7.2	23.1	(hingga suku tahun pertama) 11.4

Thailand	5.3	15.2	(hingga suku tahun pertama) 37
Singapura	56.2	76.3	(hingga suku tahun pertama)

Jumlah pelaburan asing bagi setiap negeri untuk tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Pelaburan (RM/bilion)
Johor	13.5
Pulau Pinang	8.8
Kedah	8.1
Selangor	7.3
Sarawak	2.4
Terengganu	2.1
Melaka	2
Perak	1.7
Negeri Sembilan	1.2
Sabah	1.1
Kuala Lumpur	0.5
Perlis	0.06
Kelantan	0.03

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006 Malaysia telah mencapai prestasi terbaik dalam menarik pelaburan dalam sektor perkilangan. Pelaburan bernilai RM46 bilion telah diluluskan berbanding dengan RM31 bilion pada tahun 2005. Ini melebihi sasaran purata pelaburan tahunan berjumlah RM27.5 bilion yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Pelaburan bagi tahun 2007 dijangka meningkat pada kadar 7.7% seperti yang disasarkan dalam IMP3. Nisbah pelaburan asing kepada pelaburan domestik ialah 40-60.

Tuan Yang di-Pertua, 10 negara utama pelabur asing dan jumlah pelaburan di Malaysia bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006 adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah Pelaburan (RM/bilion)
Jepun	8.1
Amerika Syarikat	7.6
Belanda	5.5
Singapura	4.9
Australia	2.7
Korea	1.1
Carmen Island	1.1
Chinese Taipei	0.8
United Kingdom	0.7
British Virgin Island	0.7

Pelaburan asing pada tahun 2005 dan 2006 tertumpu pada sektor-sektor berikut:

- (i) *electrical* dan *electronic*;
- (ii) kimia dan produk kimia;
- (iii) produk logam asas;

- (iv) produk galian bukan logam;
- (v) pengilangan makanan;
- (vi) produk plastik;
- (vii) peralatan penganggaran dan saintifik;
- (viii) mesin; dan
- (ix) peralatan.

Ini sahaja. Sekian. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi soalan? Jawapan panjang.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Ya terima kasih kepada Setiausaha Parlimen dengan jawapannya begitu terperinci dan begitu panjang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, sebenarnya pelaburan keluar dalam negara FDI negara kita pada tahun 2005, sebenarnya mencecah USD3 bilion mengikut *ranking United Nations* tetapi FDI negara kita sebenarnya menduduki tangga yang ke-62 pada tahun 2005. Berbanding pada tahun 1990, negara kita menduduki tangga yang keempat.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Asia yang lain seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen sebenarnya telah mencatat peningkatan FDI yang begitu tinggi daripada negara kita. Sebagai contohnya negara China mencatat USD60 bilion, negara India USD10 bilion manakala negara kecil seperti Hong Kong dan Singapura dan begitu juga negara seperti Thailand dan Vietnam telah mendahului kita dari segi FDI. Negara Malaysia sebenarnya mengalami kejatuhan pengaliran masuk pelaburan, atau *the investment inflow*.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah faktor-faktor kejatuhan FDI negara kita dan mengapa dunia hari ini dengan izin, *is by passing Malaysia* dan adakah laporan CitiGroup, sebuah perbankan yang terbesar di dunia ini mengatakan dengan izin, "*One of the main reason why Malaysia was fast loosing it's competitiveness is that the NEP destructed the market*". Adakah laporan CitiGroup mempunyai kesahihannya? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa FDI Malaysia kurang daripada FDI negara-negara jiran. Sebenarnya seperti yang saya telah sebutkan dalam jawapan saya, kedudukan Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara Asian, kedudukan kita adalah tempat yang kedua selepas Singapura dan kalau Yang Berhormat benar-benar dengar jawapan saya, dalam jawapan, saya juga sebutkan FDI telah semakin bertambah di negara. Jadi adalah tidak benar bahawa FDI kita kurang ataupun kedudukan kita semakin teruk.

Ini memang tidak benar dan mengikut saya pun ada beberapa kajian seperti *The World Competitiveness Year Book 2006*, ia menyebutkan daripada 61 buah negara dikaji, kedudukan daya saing Malaysia telah meningkat ke tangga 23 pada tahun 2006 daripada tangga ke-28 pada

tahun 2005. Lagi satu kajian iaitu Laporan Bank Dunia 2007, dalam kajian ini, dari 175 buah negara yang dikaji, Malaysia mengekalkan kedudukan ke-25 dari segi kemudahan menjalankan perniagaan dengan izin, *ease of doing business* pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua saya rasa tidak adil jika kita hendak membandingkan negara kita dengan negara seperti China *because* negara China adalah sebuah negara yang begitu besar.

Jadi saya rasa kedudukan Malaysia dari segi FTA memang boleh diterima. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat bagi Puchong, selalu bangun...
[Ketawa]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tahniahlah kepada kementerian, MITI, telah mencatat lebih kurang RM46 bilion FDI dalam sektor *manufacturing* ataupun perkilangan. Tetapi soalan tambahan saya iaitu mengenai potensi peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat kita. Saya hendak tanya, apakah unjuran ataupun cara untuk mengira bagi potensi peluang-peluang pekerjaan untuk negara kita kerana sebagai contoh, Yang Berhormat, ini sumber daripada MIDA. Kemungkinan Yang Berhormat boleh memberi penjelasan mengenai kemusykilan ini, okey.

Sebagai contoh, tahun 2005, jumlah FDI di dalam *manufacturing* ialah sejumlah USD8.1 bilion, tetapi peluang pekerjaan yang telah..., *projection* nya ialah 114,000 pekerjaan. Tetapi untuk tahun 2006, FDI kita ialah USD12.5 bilion tetapi peluang pekerjaan kita ialah 88,000 sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Bagaimana kita hendak kira ini, Tuan Yang di-Pertua? Bagaimana cara untuk kita memberi satu unjuran kepada peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat kita ini?

Tuan Yang di-Pertua: Teknologi tinggi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Saya hendak kepastian daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, anggaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong telah menunjukkan negara kita telah berjaya menarik pelaburan dalam sektor *high tech* yang tidak perlu tenaga atau pekerja-pekerja yang banyak. Untuk mencapai matlamat ini, kita memberi insentif untuk kilang-kilang di negara kita pindah ke negara lain.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Kita ada ramai lagi pekerja asing yang kerja di kilang, ramai lagi!

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya, betul. Kita harap pada satu masa, kita boleh mencapai satu tahap yang mana kita tidak perlu pekerja asing lagi. Setakat ini kita kena terus

berusaha supaya kita dapat menarik lebih banyak industri, *high tech* ke negara kita. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]** minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah strategi untuk menarik kedatangan pelancong asing secara berterusan dan tidak terhad kepada *Visit Malaysia 2007* kerana sedar akan saingan hebat negara China yang menjadi destinasi pelancongan dunia menjelang Olimpik 2008.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, strategi yang digunakan sekarang untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini masih relevan walaupun selepas Tahun Melawat Malaysia 2007. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi menarik lebih ramai pelancong dari pasaran jarak jauh seperti United Kingdom, Amerika dan negara-negara Eropah yang menjadikan komposisi kedatangan pelancong ke negara ini lebih baik.

Selain itu, produk-produk pelancongan sentiasa ditingkatkan dan ditambah baik bagi memanjangkan tempoh pelancong berada di negara ini yang seterusnya meningkatkan pendapatan dalam sektor pelancongan. Tumpuan seterusnya adalah menarik pelancong asing ke negara ini dengan mempromosikan program mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran ataupun MICE, dengan izin, kepada mereka. Sekian.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya bagi pihak Yang Berhormat bagi Puchong sekali... *[Ketawa]* Kita percaya masyarakat ataupun pelancong datang ke Malaysia sebab produk-produk yang ada dan budaya hidup kita yang begitu mewah dengan kepelbagaian. Tetapi saya hendak bertanya kementerian, kita baru-baru ini diberitahu bahawa tempoh kempen ini akan dipanjangkan jika dipersetujui oleh Jemaah Menteri sehingga Ogos tahun hadapan.

Saya hendak tanya dua perkara. Apakah usaha kerajaan untuk mempertingkatkan kemasukan penerbangan ke negara ini, sebab setakat hari ini penerbangan kita hampir penuh, macam mana kita hendak mempertingkatkan pelancong, kalau jalan masuk ke negara ini, contohnya kalau di Johor itu, Tambak Johor sudah maksimum. Kita boleh memperbanyakkan lagi dengan mempertingkatkan jalan-jalan masuk ke Malaysia dan saya tidak nampak usaha kerajaan di samping mempromosi produk, menambah masuk penerbangan-penerbangan asing untuk kita memeriahkan lagi kemasukan pelancong di KLIA yang pada saya, kurang digunakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Memang kita tahu ada masalah yang tertentu yang dihadapi oleh penerbangan Malaysia iaitu MAS. Tetapi Kementerian Pelancongan selalu berbincang dengan Kementerian Pengangkutan dan juga MAS dan AirAsia. Kita memang akan cari jalan atau

berbincang dengan penerbangan yang lain supaya kita boleh memudahkan pelancong asing datang ke Malaysia.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Antara salah satu daripada produk pelancongan kita adalah *homestay*. Jadi soalan saya kepada kementerian, adakah pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia ini diberi penerangan berhubung dengan tempat-tempat *homestay* di negeri-negeri yang mempunyai suasana harmoni di kampung dan juga dengan sungai dan air terjun yang banyak di negara kita kerana kalau kita lihat di berita TV semalam, ada seorang pelancong yang mengunjungi Pesta Air di Langkawi telah kompelin berhubung dengan sungai yang begitu tercemar di Kuah, Langkawi. Jadi, apakah kementerian sering menguar-uarkan tentang produk *homestay* ini kepada pelancong daripada luar? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu program *homestay* adalah antara satu produk pelancongan yang kita ada. Produk-produk pelancongan yang lain ialah *ecotourism*, *edu-tourism*, *health tourism*, sukan, beli-belah, *marine*, *MICE*, *homestay* adalah satu program yang kita memang anjurkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, program *homestay* ini memang adalah satu program yang kita harap membawa pelancong asing yang datang ke Malaysia ini duduk bersama dengan rakyat Malaysia di luar bandar dan kita telah tubuh satu Jawatankuasa Penyelaras *Homestay* dan Kementerian Pelancongan telah melaksanakan usaha-usaha untuk menggalakkan penyertaan *homestay* itu supaya mereka diberi taklimat, diberi kursus dan macam mana mereka boleh menguruskan *Homestay Programme* ini dan memberi maklumat yang tepat kepada pelancong asing yang menyertai *Homestay Programme* ini.

7. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk mendokumentasikan tempat-tempat bersejarah dan bangunan-bangunan warisan di seluruh negara; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk setiap perayaan bagi tahun 2005, 2006 dan 2007.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:
Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab,

- (a) Bermula dari Mac 2006, sejak tertubuhnya Jabatan Warisan Negara, sejumlah 72 bangunan warisan dan tapak bersejarah di seluruh negara telah dipelihara oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan

Warisan. Ini meliputi bangunan-bangunan kerajaan dan persendirian, rumah-rumah ibadat serta pelbagai tapak dan monumen.

Di antaranya ialah seperti pembinaan semula rumah tradisional iaitu Rumah Tunku Fatimah Zaharah, Kota Bharu, Kelantan; kerja-kerja mengecat dan pengindahan di Jalan Laksamana Melaka; baik pulih rumah lama di Kompleks Warisan Lubok Acheh, Pulau Pinang; Tokong Hok Sun Keong, Teluk Intan, Perak; Rumah Tradisional Wat Chandra Chum Tat, Kampung Dalam, Tumpat, Kelantan; dan naik taraf Bukit Saint John di Melaka.

Semasa kerja-kerja pemeliharaan dilakukan, sebuah kajian terperinci turut dijalankan dan rekodnya disimpan di Jabatan Warisan Negara. Di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, buat kali pertamanya ada peruntukan terhadap Buku Daftar Warisan Kebangsaan yang memberikan peluang kepada satu tumpuan khusus terhadap kerja-kerja pendokumentasian yang meliputi tapak sejarah, objek dan warisan kebudayaan di bawahnya. Kesemua bahan-bahan dokumentasi tersebut boleh dirujuk oleh masyarakat umum melalui capaian laman web iaitu *internet* yang akan disediakan oleh Jabatan Warisan Negara dalam masa terdekat ini.

- (b) Jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk program Majlis Rumah Terbuka Malaysia bagi enam perayaan utama adalah RM2.5 juta pada tahun 2005, RM6.1 juta pada tahun 2006 dan anggaran perbelanjaan bagi enam Majlis Rumah Terbuka Malaysia tersebut bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM6.5 juta.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih untuk jawapan. Saya mengalu-alukan usaha yang telah dijalankan seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi jawapan yang saya ingin dapat ialah di seluruh negara, adakah ada satu polisi seperti di Pulau Pinang ataupun di Bukit Mertajam, lebih khas lagi di mana ada beberapa tempat yang sangat bersejarah seperti St. Anne's Church dan juga tokong, *temple*. Tempat-tempat ini adalah sangat bersejarah untuk penduduk tempatan di situ.

Jadi yang saya ingin tahu, sama ada kementerian mempunyai satu dasar untuk mendokumentasikan sahaja bukan untuk membina semula ataupun kerja-kerja yang lain tetapi untuk mendokumentasikan sejarah tempat-tempat itu. Yang pertama dan yang kedua, saya juga difahamkan bahawa pada Tahun Baru Cina ini, ada peruntukan telah diberi untuk meraikan

perayaan Tahun Baru Cina di Bukit Mertajam. Saya mendapati bahawa RM40,000 telah diperuntukkan. Bolehkah beri penjelasan, adakah ini benar? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih. Sebenarnya ada dua soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat walaupun satu sahaja yang dibenarkan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama iaitu pendokumentasian tentang tapak tanah bersejarah, monumen-monumen atau bangunan-bangunan berwarisan, setakat ini kementerian kita ada 181 yang telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976 di mana mengikut seksyen 125, Akta Warisan Kebangsaan 2005, ini telah menyatakan bahawa semua bangunan atau monumen yang telah didaftarkan di bawah Akta Benda Purba secara langsung akan terpakai diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 ini. Selain daripada itu, di inventori kami, di negara kita ada lebih kurang 20,000 yang kita akan semak, kita akan menilai dan meneliti sebelum kita mewartakan sebagai warisan kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, setakat ini yang di dalam senarai yang telah diwartakan untuk Pulau Pinang adalah 10, termasuk Gereja St. George, Georgetown dan lain-lain. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kita akan masukkan ke dalam senarai sebelum kita masukkan dalam Buku Daftar sebagai warisan kebangsaan atau sebagai warisan negara.

Untuk bahagian kedua iaitu perayaan Tahun Baru Cina, selain daripada keenam-enam perayaan Majlis Rumah Terbuka, kementerian saya pun ada bantuan untuk menyemarakkan kesenian dan kebudayaan di khalayak ramai. Untuk perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini di Bukit Mertajam, jangan cemburulah Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ini disalurkan kepada persatuan-persatuan NGO untuk membantu mereka merayakan atau meraikan Tahun Baru Cina supaya negara kita lebih ceria dan lebih seronok pada musim perayaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak menjawab berapa. Bolehkah saya dapat jawapan, berapa banyak peruntukan telah diberi dan melalui NGO yang mana?

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah jawab Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini untuk ketelusanlah ya. Saya rasa lebih melalui MCA dan bukan melalui NGO-NGO.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mendokumentasikan pusat-pusat bersejarah, tapak-tapak bersejarah dan sebagainya.

Persoalannya sekarang, apakah kerajaan dan kementerian ini telah bersedia di samping mendokumentasikan iaitu untuk mengkomersialkan pula pusat-pusat bersejarah kita ini supaya mempunyai nilai yang tinggi seperti berlaku di negara-negara Eropah. Kita di sini saya lihat, semua FOC *atau free of charge*, untuk konon menggalakkan pelancong-pelancong datang. Tetapi kita tersilap bahawa kita telah kehilangan satu sumber pendapatan ekonomi negara dalam ekopelancongan iaitu industri pelancongan itu sendiri. Jadi sudah bersediakah kita untuk mengkomersialkan semua tapak bersejarah ini supaya pelancong-pelancong luar juga tidak masuk secara percuma. Mereka kena melihat dan menilai ilmu bersejarah dalam negara kita dengan ada harganya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya di bawah Jabatan Warisan Negara ada beberapa tugasnya. Selain daripada tugas-tugas itu ialah konservasi. Semasa kita menjalankan kerja-kerja konservasi, kita buat penilaian dan juga penyelidikan supaya kita membaik pulih tempat-tempat itu sebagai yang original dan kita akan buat baik pulih secara holistik. Jangan kita sebab mengkomersialkan untuk pelancong asing atau pelancong dalam negeri, kita tak akan jalankan untuk itu. Kalau kita jalankan itu secara holistik, ia akan jadi satu mercu tanda atau satu tempat yang menarik dan akan menarik pelancong dari luar negara dan dalam negara. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan negara Malaysia diiktiraf sebagai negara pelancongan terbaik di dunia.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menempatkan Malaysia di kalangan negara pelancongan terbaik di dunia sentiasa berterusan. Salah satu faktor yang menjadikan Malaysia sebagai antara destinasi pelancongan terbaik adalah kerana Malaysia dirahmati dengan keindahan semula jadi yang menjadi tarikan utama kepada pelancong asing. Keindahan alam yang tidak boleh ditolak tandingnya ini perlu dipelihara dan dibangunkan dengan rancangan yang teliti agar dapat kekal menjadi daya tarikan pada masa akan datang.

Selain itu, Malaysia juga kaya dengan budaya dan warisan yang unik untuk ditawarkan kepada pelancong. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum serta suku kaum menyediakan satu peluang kepada pihak pelancongan untuk menikmati pelbagai jenis kebudayaan di satu tempat selaras dengan *tagline, Malaysia Truly Asia*. Sektor yang menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terbaik adalah keharmonian dan keamanan yang dikecapi daripada lapisan penduduk pelbagai kaum. Pelancong asing datang ke Malaysia untuk mengenali budaya ketimuran dan kepelbagaian adat Melayu, Cina dan India dan juga masyarakat di Sabah dan Sarawak.

Kewujudan dengan izin, *Multimedia Super Corridor* atau MSC membawa dunia kini lebih ke Malaysia apatah lagi dengan wujudnya menara berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Putrajaya sendiri. Kekaguman pelancong terhadap Malaysia adalah tinggi dan diharap penduduk Malaysia dapat mempertahankan keunikan Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selain daripada faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu lagi faktor yang utama ialah kerjasama daripada penduduk setempat bagi membolehkan lebih ramai lagi pelancong datang ke negara kita.

Soalan tambahan saya, daripada laporan yang diterima oleh pihak kementerian, sejauh manakah program peningkatan kesedaran minda pelancongan di kalangan masyarakat setempat telah berjaya memberikan kesedaran kepada masyarakat dan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong datang ke negara kita.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Memang saya setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Kerjasama dari semua pihak bukan sahaja pegawai di Kementerian Pelancongan, kita memerlukan semua rakyat di Malaysia terutama sekali Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini supaya kita boleh memberitahu kepada warga luar supaya mereka datang ke Malaysia bersama dengan kita.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bandingkan kedatangan pelancong di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak nampak jauh lebih banyak berbanding pelancong datang ke negeri-negeri di Semenanjung.

Apakah saranan Yang Berhormat supaya Sarawak juga boleh menarik lebih ramai pelancong ke Sarawak. Di Sabah memang kita tahu sudah banyak pelancong datang, lebih-lebih lagi daripada *East Asia* kerana penempatan *airport* dia yang amat strategik dan sesuai. Tetapi bagi Sarawak, apakah saranan Yang Berhormat untuk menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Sarawak. Kita mempunyai banyak produk-produk yang amat menarik sekali. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu betul. Kalau kita bandingkan dengan pelancong asing yang datang ke Malaysia untuk tahun 2006, jumlah pelancong asing datang ke Malaysia adalah 17.5 juta orang dan jumlah pelancong yang pergi ke Sabah dan Sarawak memang lebih kurang 2 juta orang sahaja.

Kalau dibandingkan di antara Sabah dan Sarawak atau Sarawak dengan Sabah, memang Sarawak menghadapi masalah tertentu iaitu Kerajaan Negeri Sarawak *not so open to tourism*, dengan izin. Itu kita memang harap Ahli-Ahli Parlimen dari Sarawak boleh bantu dari segi industri pelancongan ini. Sekian, terima kasih. .

9. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah perancangan kerajaan berkenaan TV Pendidikan dan adakah kerajaan berhasrat untuk memperkasakan TV Pendidikan agar ia boleh dijadikan suatu sumber mengulang kaji pelajaran secara sistematik yang boleh dinikmati oleh pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan untuk ke kelas tambahan atau tuisyen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan TV Pendidikan merupakan salah satu cara untuk mencapai matlamat merapatkan jurang pendidikan. Untuk makluman setelah kontrak Astro dengan Kementerian Pelajaran berkaitan TV Pendidikan tamat pada 31 Disember 2007 iaitu pada akhir tahun ini, kementerian telah merancang untuk menyiarkan rancangan TV Pendidikan melalui saluran TV9 melalui *web* secara berperingkat mulai Julai 2007. *Web TV* dijangka beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 2008.

Untuk makluman, *web TV* boleh diakses sepanjang masa di sekolah dan jika diperlukan, ia boleh dimuat turun atau dengan izin, *download* dan disimpan atau *save* dengan izin, dalam komputer peribadi atau menonton terus melalui TV sama ada di sekolah atau di rumah. Tujuan utama menyiarkan rancangan TV Pendidikan melalui *web TV* ialah untuk membawa pelajaran berkualiti di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman supaya dapat mewujudkan peluang yang sama antara murid bandar, luar bandar dan pedalaman.

Sebagai langkah interim, Kementerian Pelajaran sedang menyiarkan rancangan TV Pendidikan melalui saluran TV9 dan mengedarkan rancangan-rancangan tersebut secara percuma dalam bentuk cakera keras mudah alih atau dengan izin, *portable hard disk* ke semua sekolah untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau kita melihat di suatu ketika dahulu, TV Pendidikan memainkan peranan yang amat besar dan begitu popular dalam menyebarkan sistem pembelajaran. Tetapi kini dengan pelaksanaan dan dasar yang tidak begitu jelas, saya kira bila dikendalikan oleh Astro pun, tidak ramai yang menyedari bahawa adanya atau wujudnya sistem pembelajaran melalui TV ini.

Cuma soalan saya, bila kita hendak menggunakan *website*, tidak semua peringkat boleh melayari *website* terutama di luar-luar bandar dan ia mungkin melibatkan kos. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan TV sendiri selain daripada TV9 yang tidak dapat diliputi pun umpamanya di Sarawak, tidak dapat *coverage TV9*, juga sebahagian tempat tidak ada *coverage* untuk *website* sebab tidak ada talian *internet* misalnya.

Apakah saranan kerajaan dalam bidang ini untuk mencari atau menyebarkan mungkin bekerjasama dengan Kementerian Penerangan sebagaimana dalam soalan nombor dua pagi tadi yang diterangkan untuk menyebarkan supaya dapat TV Pendidikan ini diperluaskan

dan masanya bukan sahaja dihadkan pada waktu siang tetapi dapat dimainkan juga pada waktu malam supaya ibu bapa ada alternatif untuk membawa anak-anak belajar di waktu malam dan begitu juga sekolah-sekolah berasrama dapat menggunakan kaedah pembelajaran tinggi pada waktu malam. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk soalan iaitu hasrat Ahli Yang Berhormat adalah untuk memperluaskan akses pelajar-pelajar kepada pembelajaran yang disampaikan melalui *Web TV*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, buat masa ini cadangan kementerian adalah seperti yang telah saya katakan tadi, kita akan menyiarkan rancangan TV melalui *web* secara berperingkat mulai Julai 2007. Buat masa ini, saluran 9 atau TV9 adalah di waktu persekolahan, 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Namun demikian, TV Pendidikan di luar waktu sekolah boleh juga diakseskan oleh murid-murid dengan melayari *web* Kementerian Pelajaran iaitu www.moe.edu.my dan kelebihan *Web TV* ini adalah sebab rancangan *Web TV* dapat di muat turun dan di *save* dalam *hard disk* atau *server* dan diakseskan. Untuk kawasan-kawasan luar bandar, kita dapati bahawa kementerian telah mengadakan suatu program ICT yang begitu luas sehingga Disember 2006, kementerian telah membangunkan 5,266 buah makmal komputer dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan membina makmal di 3,549 buah sekolah.

Untuk sekolah-sekolah yang kurang murid khususnya sekolah-sekolah di kawasan pedalaman, kita wujudkan bilik komputer dan di samping bilik makmal dan bilik komputer, kementerian telah menyediakan sebanyak 1,584 pusat akses khususnya di kawasan-kawasan pedalaman dan melalui pusat-pusat akses sebanyak 1,584 unit komputer telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Jadi untuk murid-murid yang berada di kawasan luar bandar, kami berharap ia digunakan oleh pelajar dan guru-guru luar daripada waktu persekolahan kerana pusat-pusat akses ini diuruskan oleh guru-guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah merangkaikan 97% of *school* dengan akses Internet jalur lebar dan juga teknologi tanpa wayar dan dengan capaian Internet jalur lebar yang lebih tinggi. Saya harap dengan langkah-langkah ini, akses untuk pelajar-pelajar di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak akan terjejas. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyentuh tentang statistik yang cukup baik dari segi infrastruktur tapi sebenarnya ia tidak pergi dalam suasana sebenar di bilik darjah. Saya melihat penggunaan segala infrastruktur yang telah disebut tadi tidak menjanjikan satu kesan yang baik. Apakah satu kajian yang teliti telah dibuat dari segi penggunaannya untuk mendatangkan manfaat?

Yang keduanya, adakah program-program ini dibuat secara *integrated*, secara bersepadu dengan kurikulum itu sendiri. Kita hendak memastikan bahawa pelajar-pelajar dan murid-murid menggunakannya. Tadi hanya disebut statistik-statistiknya sahaja. Saya kira perlu banyak pergi ke bawah, melihat realiti sebenarnya penggunaan segala infrastruktur yang disebut tadi.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran yakin bahawa kita dapat membestarikan semua sekolah menjelang tahun 2010 dari segi pembekalan perkakasan ICT. Walau bagaimanapun, dari segi membudayakan kegunaan ICT dengan sepenuhnya, mungkin akan mengambil sedikit masa dan mungkin juga akan dapat dilakukan secara sepenuhnya hanya selepas tahun 2010. Untuk melihat sama ada pelaksanaan semua inisiatif ICT di bawah Kementerian Pelajaran dilaksanakan dengan baik dan juga adalah berketepatan dengan keperluan pendidikan masa kini dan juga untuk memastikan bahawa usaha-usaha pembestarian dan juga inisiatif ICT Kementerian Pelajaran sentiasa berada pada landasan yang betul, kementerian baru-baru ini telah melantik pihak-pihak ketiga untuk membuat kajian-kajian yang berkaitan. Baru-baru ini kementerian telah melantik sebuah syarikat perunding untuk melaksanakan audit ke atas semua inisiatif dan program ICT yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran demi mempertingkatkan mutu ICT di sekolah-sekolah. Terima kasih.

10. Dato' Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ketirisan projek yang diberikan kepada bumiputera dan masalah ekuiti bumiputera yang rendah dalam hampir kesemua sektor ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi peranan semua pihak untuk memastikan masalah ketirisan kontrak yang diberikan kepada kontraktor bumiputera dapat dibendung. Di pihak kerajaan, projek-projek pembangunan dilaksanakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga agensi-agensi kerajaan sendiri. Bagi menyelia dan mentadbir kontrak untuk siap projek, penguasa projek atau *superintending officer* atau SO, dilantik akan bertanggungjawab memastikan kontraktor yang mendapat projek kerajaan melaksanakan sendiri projek berkenaan. Dalam kontrak standard kerajaan, JKR203 juga terdapat klausa bahawa kontraktor tidak dibenarkan sub kontrak keseluruhan projek atau mana-mana bahagian projek kepada mana-mana pihak lain tanpa kelulusan kerajaan terlebih dahulu.

Oleh yang demikian, peranan penguasa projek amat penting dalam mengambil tindakan tegas mengikut kontrak bagi memastikan kontrak tidak disub kepada pihak lain. Penguasa projek juga boleh mengambil tindakan menamatkan kontrak setelah Surat Tunjuk Sebab diberikan jika didapati sesuatu projek tidak dilaksanakan oleh kontraktor yang mendapat projek dan sebaliknya dilaksanakan oleh kontraktor lain.

Di peringkat kontraktor bumiputera pula, mereka seharusnya mempunyai amanah dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan projek yang ditawarkan dilaksanakan dengan baik tanpa disubkan sepenuhnya kepada orang lain. Kontraktor bumiputera perlu melengkapkan syarikat dengan keupayaan teknikal yang tinggi serta memenuhi standard ISO tertentu.

Selain itu, terdapat sebahagian juga projek dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi pihak agensi kerajaan. Agensi kerajaan berkaitan juga perlu memainkan peranan untuk memantau pelaksanaan projek dan tidak menyerah bulat-bulat kepada pihak JKR dan memastikan projek dilaksanakan sendiri oleh kontraktor yang mendapat projek.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ekuiti bumiputera dalam ekonomi. Setakat ini pencapaian ekonomi bumiputera masih lagi jauh daripada matlamat 30% yang hendak dicapai. Usaha ini telah pun dimulakan pada tahun 1971 pada Dasar Ekonomi Baru. Pencapaian ini lewat oleh kerana ketirisan antara sebabnya dan juga sikap sebahagian bumiputera sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini masih diteruskan oleh kerajaan melalui kementerian-kementerian tertentu, oleh agensi-agensi tertentu, oleh GLC, MKD dan perbadanan kemajuan negeri-negeri dan masing-masing ada kepakaran masing-masing seperti GLC dari segi pembuatan, perladangan, perkhidmatan dan lain-lain Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih

Dato' Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Salah satu masalah kurangnya pencapaian peratus pemilikan ekuiti bumiputera setelah Dasar Ekonomi Baru ialah ketirisan kontrak yang diberikan kepada bumiputera. Yang amat ketara sekali ialah masalah Ali Baba dan ini adalah disebabkan oleh kontraktor bumiputera tidak mempunyai modal yang mencukupi atau tidak mampu untuk mendapatkan sumber kewangan daripada institusi-institusi kewangan kerana tidak mampu untuk memberikan sekuriti pinjaman. Oleh yang demikian, dari segi urusan kewangan, apakah kemudahan-kemudahan kewangan yang disediakan oleh kerajaan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera ini bagi mengatasi masalah mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar masalah pengurusan kewangan oleh kontraktor bumiputera ini. Sebab itu, kerajaan mewujudkan pelbagai kaedah atau skim untuk membantu mereka. Antaranya ialah satu, kemudahan pembayaran pendahuluan iaitu bagi kerja Tuan Yang di-Pertua pendahuluan diberikan sebanyak 25% dan maksimum RM10 juta dan bagi perkhidmatan; dan bekalan, kerajaan bagi pendahuluan sebanyak 20% ataupun maksimumnya RM5 juta bayaran pendahuluan. Kemudian bayaran melalui pempfaktoran ataupun *factoring* Tuan Yang di-Pertua bagi kerja-kerja terutamanya Kelas 'F' yang bayar sekali gus itu diberi *factoring* Tuan Yang di-Pertua. Kemudian bayaran melalui Surat Ikatan Serah Hak ataupun *Bid of Assignment*, maknanya bayaran boleh terus bayar kepada pihak peminjam, maknanya kepada bank atau mana-mana institusi. Untuk skim bayaran kontrak oleh MARA ini, bagi kontrak yang tidak melebihi RM600 ribu tiap-tiap satu kontrak.

Kemudian skim bayaran terus kepada subkontraktor. Ini bagi *nominated subcontractor* Tuan Yang di-Pertua yang telah pun dipersetujui oleh pihak kerajaan. Kemudian bantuan jaminan bank untuk *design guarantee*. Yang ini untuk kerja-kerja *design and build* Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian kemudahan mengemukakan bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan insurans dan juga wang jaminan pelaksanaan. Ini untuk kerja-kerja sahaja Tuan Yang di-Pertua sebanyak 5% daripada kontrak dan tambah pula pemulangan sebanyak 50% daripada nilai jaminan bank untuk bon pelaksanaan selepas CPC dikeluarkan iaitu selepas dikeluarkan *Certificate of Completion* Tuan Yang di-Pertua. Kemudian pengecualian daripada bayaran LAD tidak melebihi daripada tempoh tiga bulan selepas tempoh kontrak dan bayaran kemajuan ditetapkan untuk dibayar dalam tempoh 14 hari selepas tuntutan diterima Tuan Yang di-Pertua. Maknanya banyak kemudahan diberikan.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa masalah ketirisan ataupun masalah dari segi ekuiti yang rendah oleh kontraktor bumiputera ini berpunca daripada sistem yang ada itu sendiri. Kontraktor ini dapat sahaja kontrak kerajaan, lain kalau dapat kontrak swasta, dapat sahaja kontrak kerajaan, tukar kereta, Proton sudah tidak sedap untuk dipakai mesti hendak pakai kereta import atau kereta-kereta besar, duduk di kedai-kedai, warung pelita tidak sedap, makan mesti di hotel. Tapi kalau dapat kontrak swasta, lain halnya.

Jadi adakah sistem yang kita perkenalkan dalam kemudahan-kemudahan yang kita beri kepada kontraktor-kontraktor bumiputera ini sebenarnya menjadi punca kepada ketirisan ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sebenarnya masalah sikap kontraktor bumiputera itu sendiri. Kalau dia ada kesedaran dan dia ingin melihat projeknya berjaya, dia akan tumpukan kepada kerja itu, kepada kontrak itu. Dia tidak akan beli kereta baru, kahwin, tambah dan sebagainya. Saya tahulah kerana ada kawan-kawan yang begitu.

Jadi apa jua skim yang telah diwujudkan oleh kerajaan, tidak akan berjaya selagi yang paling asas adalah sikap mereka. Kalau mereka dapat ubah sikap mereka, saya yakin tidak berlaku ketirisan yang begitu ketara.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi Soalan Jawab Lisan sekarang.

Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.” **[9 April 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memulakan jawapan. Sila.

11.32 pagi

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak perkara telah dibangkit maka ini menyebabkan jawapan saya mungkin tidak teratur dari segi subjek dan giliran Ahli Yang Berhormat yang telah bertanya. Jadi saya berharap penjelasan yang diminta biarlah berdasarkan apa yang telah diucapkan oleh saya sebagai jawapan dan bukan penjelasan kepada perkara yang saya belum atau tidak jawab. Ini bagi membolehkan kelicinan dalam penggulungan saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mempersoalkan penggubalan Misi 2057 kerana kita belum lagi mencapai Wawasan 2020. Misi 2057 merupakan satu kesinambungan dan bukannya rombakan kepada Wawasan 2020 yang masih menjadi kompas hala tuju negara kita. Wawasan 2020 adalah satu visi yang masih kita usahakan malah menjadi sandaran utama dalam Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Harus juga diingatkan bahawa Misi 2057 adalah satu gagasan baru yang murni, yang masih perlu melalui proses perbincangan dan rundingan agar pengisian dapat dilakukan secara tersusun dan saksama. Usaha ini akan digiatkan dalam masa terdekat hasil kerjasama ikhlas antara kerajaan dan seluruh rakyat negara ini.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai Misi 2057, satu ialah dalam masa ini bukan sahaja Misi dan Visi 2020 nampaknya tidak boleh dicapai kalau kita lihat mengenai perkembangan pertumbuhan ekonomi. Tetapi sebenarnya Misi 2004 pun belum ditunaikan. 2004 janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sini khasnya, di sini saya ambil daripada Dr. Chandra Muzaffar dalam masa *100 days* apa dia kata, dengan izin, *one paragraph* sahaja.

"If Prime Minister Abdullah Ahmad Badawi has make an impact in the 100 days that yet has been in office, it is because his agenda for the nation reflect the aspiration of the people. His promise to improve:

- (i) *the public delivery system;*
- (ii) *eradicate corruption;*
- (iii) *enhanced transparency; and*
- (iv) *strengthen inter-ethnic harmony."*

Keempat-empat ini boleh merupakan Misi 2004 janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau memegang jawatan PM. Tetapi itu pun belum dicapai. Bukan dicapai, kita mundur pergi belakang. Kalau begitu Misi 2020 nampaknya tidak boleh dicapai dan sekarang ini mahu bercakap mengenai Misi 2057. Bukankah ini *unrealistic*. Menunaikan, mengotakan janji Misi 2004 untuk membanteras korupsi, *public delivery system* yang lebih *transparent* dan itulah lebih mustahak.

Dan kedua. Ini ulang tahun ke-50 merdeka kita, bukankah lebih mustahak bahawa dalam masa ini kita merenung kaji apa yang kita gagal, mana kita berjaya supaya kita boleh tengok masa depan kita yang lebih *assured* mengenai *nation building process* kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita manusia, kita merancang Tuhan menentukan. Saya masih ingat lagi tahun 70-an dahulu DAP ada satu pilihan raya hendak tawan Pulau Pinang, sampai sekarang habuk tidak ada. Jadi tidak usah cakaplah, ini semua rancangan, ini kita rancang. Kita rancang, Tuhan menentukan. Saya rasa apa yang penting di sini ialah sesuatu benda yang kita hendak buat. Bila kita hendak buat, bukan bermakna hari ini umum, besok kita boleh capai perpaduan kaum.

Tengoklah, tidak usah kata di Malaysia, di Great Britain pun, di United State of America pun, sampai sekarang bergaduh. Masih lagi merupakan masalah. Jadi ini bukan satu perkara yang mudah untuk kita atasi. Jadi saya minta Yang Berhormat sabar, saya tahu sudah tua. Memang sudah tua pun tidak tahu mungkin di Parlimen akan datang tidak boleh ada di sini pun saya tidak tahu. Jadi itu mungkin menyebabkan Yang Berhormat rasa *impatient*, tapi saya minta *be patient*. Insya-Allah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, saya *patient*, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan apa pula, saya jawab ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai perkara yang dibangkit oleh Yang Amat Berhormat Menteri. Minta penjelasan. *Be gentleman, okay*. Mengenai Visi 2057...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 2057 kita mesti ada perancangan. Saya tahu Yang Berhormat tidak pernah duduk dalam kerajaan sebab itu tidak faham ini semua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey penjelasan. Misi 2004, misi itu kita terikat, adakah kerajaan atau Yang Berhormat Menteri mengakui sudah gagal, sebenarnya bukan sahaja tidak boleh capai tapi sudah *gone backwards* tentu... *man proposes, God disposes*. Saya *patient*, sebab itu saya sangat sabar. Saya lama di sini tetapi saya mahu lihat kemajuan, *national unity*. Betul bukan satu perkara yang senang, bukan 100% kita boleh capai tetapi kita mesti *making forwards, is making progress* bukan *backward*. Selepas 50 tahun, ada menteri yang tertinggi menggunakan *Malay keris*, bukan untuk memupuk perpaduan negara tetapi sebaliknya di mana sukan digunakan untuk *divide* bukan *unite*, itulah yang perlu dibincangkan dan beri perhatian yang serius.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita usahakan semua perkara ini, dia yang hendak menggagalkan. Kita buat macam-macam, dia yang kata kita salah, jadi macam mana? Kalau pembangkang sokong apa kita buat, mudah, cepat kita capai apa yang kita hendak capaikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tidak boleh sokong menggunakan *Malay keris* untuk menyakitkan hati rakyat, tidak boleh! Mana boleh sokong?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pasal apa hendak sakit hati? You mahu angkat *you* punya 'kuntau' kah, senjata kah, angkatlah *you* punya 'kuntau' pun, saya peduli apa?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa perlu fikir jahat, kalau tidak niat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu 'kuntau', apa itu 'kuntau'?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu 'kuntau' tu, cara Cina.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Cina?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya pergi mana-mana, saya pergi tempat orang bikin 'kuntau'. Niat saya baik, saya tidak langsung pandang, melihat kalau orang buka silat 'kuntau' dia, saya tidak merasa dia hendak pukul saya. Pasal *you* jahat sebab itu *you* fikir orang hendak pukul sama *you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu Kuan Tao...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ah, Kuan Taolah.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kuan Taolah, bukan 'kuntau'. 'Kuntau' itu...
[Bercakap dalam bahasa Mandarin] Timbalan Perdana Menteri... [Menyebut dalam bahasa Mandarin] Akhirnya, bukan.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Niat dia jahat sebab dia jahat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Very violence*.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab hati dia jahat, dia fikir orang pegang keris mahu pukul sama dia, mahu tikam dia. Sebab dia jahat. Kalau saya hati baik, saya tidak fikir Kuan Tao. Okey. Buka Kuan Tao kah, saya tidak apa-apa. Sebab saya tahu, saya baik dan sebab itu dia datang daripada niat, datang daripada niat Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit siang [Ipoh Timor]: Adakah, Ahli-ahli Parlimen MCA bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Menteri sebut, tidak ada orang yang berani berdiri bercakap, setuju kah....?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setuju! Betul apa?

Beberapa Ahli Pembangkang: [Sampuk] [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada! Adakah mereka tahu apa Yang Berhormat Menteri kata.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mempersoalkan pembentukan bangsa Malaysia menjelang tahun 2020. Yang Berhormat sebenarnya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudahlah DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kerajaan meletakkan perpaduan negara sebagai agenda utama negara selari dengan usaha membentuk satu bangsa Malaysia.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pelbagai usaha menyeluruh dan berterusan untuk mengukuhkan perpaduan telah diambil...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Melalui pelbagai agensi yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian atau jabatan kerajaan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh itu....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order, point of order....*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:...Satu keputusan konkrit mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat yang mana satu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...*[Terus membaca teks jawapan tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa. Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat 44. Halau dia daripada Dewan. Tidak hormat Kerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok....

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Pembangkang, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli Pembangkang: Tidak ada, Menteri tidak ada tertib.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dari teks.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini baca.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini baca, mana boleh?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Jawapan bertulislah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order.* Disiplin....

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan 44, tidak hormat Pengerusi. Ini orang liar pun tidak mahu....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Mic* pun tidak ada, mengapa baca?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Hormat Kerusi. Tengok...!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Binatang liar pun.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa sudah berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu peraturan mesyuarat 44 Yang Berhormat? Peraturan Mesyuarat.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada hormat Pengerusi hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Cakap pun tidak mahu dengar.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Menteri tidak dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu 44, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia tidak hormat Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apa.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan kuasa hal dia, mahu hormat Pengerusilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa 44?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, halau Ketua Pembangkang keluar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak patuh kepada Peraturan Mesyuarat, tidak hormat Pengerusi, menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 untuk halau dia kerana tidak hormat Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat kata dia tidak hormat Pengerusi? Saya hendak tahu, apa sebab juga?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pengerusi tengok, tidak tahu kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You have eyes to see, you tahu....*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Budak-budak atas pun tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia sudah duduk.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat 35(1), iaitu seorang Ahli yang hendak bercakap, mesti dengan kebenaran Pengerusi. Pengerusi tidak benarkan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semalam pergi mana?

Beberapa Ahli Pembangkang: Semalam pergi mana?... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk. Duduk...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Semalam pergi mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ponteng.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ponteng! Semalam pergi mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Awak itu ponteng, bodoh!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dapat gaji *free*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Jadi, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Diamlah *bigfoot*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah senyap? Tuan Yang di-Pertua....

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat semua diam.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua harus kawal orang liar ini... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkataan itu pun tidak sesuai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu pun liar juga.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, boleh menentukan ada aman sebelum saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat ada menyatakan tadi mengenai keris. Menggunakan keris sebagai satu alat tradisi, DAP tidak ada apa-apa halangan. Tetapi apabila Menteri Pendidikan mengeluarkan keris, ekor itu ada dua orang yang berdiri dan seorang menyatakan, tidak tahu bila hendak menggunakan keris itu, apa tindakan yang diambil kepada kedua-dua orang tersebut sampai hari ini? Bolehkah saya dapat tahu, ini satu perkara serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup!

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat harus menjawab sekarang apa keadaan mengenai perkara itu, adakah kedua-dua ini dihadapkan ke mahkamah? Bolehkah saya dapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab satu kali kah? Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat Yang Berhormat ini kita sudah bincang dan menteri itu telah pun jawab dalam sesi yang lepas. Jadi kita pergi ke hadapanlah ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh tanya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah mengenai perpaduan ketika....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..Merasmikan Istiadat Pembukaan Parlimen baru-baru ini di mana Baginda menyeru semua rakyat Malaysia supaya mengukuhkan semangat persaudaraan dan perpaduan adalah kunci dalam negara kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu Menteri ini ada menjadi *Speedy Gonzales*...[Ketawa] Adakah dia bercadang untuk ke menjadi satu *speedy gonzales* hari ini dalam Dewan yang mulia ini? Baca sahaja tidak memberi peluang kepada sesiapa untuk menanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukankah Yang Berhormat telah diberi peluang untuk minta penjelasan?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, tetapi apa yang dibuat oleh Menteri tadi adalah sama seperti *Speedy Gonzales*. Bolehkah dia, Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hari Ahad lepas baru kita ada *F1*, saya bercadang untuk menjadi *Speedy Gonzales*...[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, saya hendak tanya Yang Berhormat, di antara keris dan roket mana lebih bahaya kalau digunakan?...[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan tidak payah jawab perkara ini lagi. Teruskan jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Daripada apa Yang Berhormat Menteri, kita serius dalam perkara ini. Kita tidak mahu main, *game* di sini. Ini serius isu negara dan

rakyat. Yang Berhormat Menteri tadi sebut mengenai kes Ketua Pemuda UMNO yang menggunakan keris itu dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... Bukan dia ada jawab, suasana. Dia kata dia sudah jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya perkara ini tidak dibangkitkan semasa perbahasan.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada dibangkitkan, bagaimana tidak dibangkitkan, saya yang sendiri bangkitkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang telah dijawab oleh Menteri yang lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan. Saya ada bangkit! Sebab itu dia kata perkara ini ada dijawab, tidak dijawab oleh kerana ini jatuh di bawah *jurisdiction* Yang Berhormat Menteri, oleh kerana mengenai Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara dan ada laporan polis dibuat, sudah enam bulan, kenapa Peguam Negara enggan buat keputusan, sama ada pendakwa atau mendakwa atas hasutan. Adakah oleh kerana seorang Menteri, seorang Ketua Pemuda, Peguam Negara takut untuk ambil tindakan *uphold the rule of law*.

Oleh kerana ada hasutan di mana rakyat Malaysia rasa ini menyakitkan hati mereka, itulah kesalahan di bawah Akta Hasutan. Kenapa sampai sekarang, apa sudah berlaku? Adakah keputusan dibuat oleh Peguam Negara mengenai laporan-laporan polis yang sudah dibuat dan apabila kita tanya mengenai perkara ini di bawah pihak polis, Menteri yang berkenaan kata sudah habis siasat. Kertas Siasatan sudah dikemukakan kepada Peguam Negara. Sekarang Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab atas kamar Peguam Negara, bolehkah bagi satu jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dia ini sudah tua. Kasihan tengok dia...*[Ketawa]*

Dalam dia punya ucapan perbahasan ucapan Titah Agong, dia tidak sebut pun benda ini. Jadi saya tidak perlu jawablah, saya cuma menjawab pada perkara yang telah dibangkitkan dalam ucapan beliau...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya ada bangkit hal mengenai keris.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Khusus tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada! Khusus keris. Yang Berhormat pergi luar negeri, tidak baca, tidak tahu apa saya cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pergi *South Africa*, dia mana tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ucapan Dasar dia berucap, saya ada di sini, minggu lepas sahaja saya pergi Afrika.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini lagi satu bukti bahawa jaminan mahu *transparency* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi dipecahkan...?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, tanyalah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Hari itu sudah bincang panjang lebar tetapi soal sekarang ini bangkit berkenaan siasatan AG, itu saya akan maklum nanti sebab saya tidak ada maklumat di sini. Jadi kena guna akal, jangan tanya satu perkara, dandan hendak dapat jawapan. Ini baru sahaja tanya kepada saya, saya akan tanya kepada AG apa Yang Berhormat bangkit sebentar tadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Speedy Gonzales*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Hulu Langat menegaskan bahawa dalam usaha menyaingi negara-negara dunia ke era globalisasi, Malaysia tidak seharusnya terlalu mengikut acuan Barat sebaliknya harus memiliki identiti sendiri. Era globalisasi tidak semestinya melibatkan kehilangan identiti.

Dalam proses globalisasi, kita akan terdedah kepada lambang-lambang budaya Barat seperti program-program televisyen, pakaian, restoran francais dan syarikat-syarikat multinasional Barat yang bertapak di negara kita. Lambang-lambang ini wujud bersebelahan lambang-lambang identiti kita yang masih kukuh daripada yang nyata seperti kesenian kraf, reka bentuk bangunan dan produk-produk hiburan seperti muzik dan filem kepada yang halus seperti budi bahasa masyarakat kita.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan berkenaan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Parti PAS dan menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat tidak mengkritik PAS secara terbuka di dalam negeri tetapi mengkritik secara terbuka di luar negara, di hadapan orang Islam dan bukan Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat tidak pernah menggunakan peluang ucapan semasa di luar negara untuk mengkritik mana-mana parti politik. Ucapan-ucapan mengenai Islam Hadhari yang dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat semasa di luar negara adalah bertujuan memberi penjelasan konsep tersebut kepada warga antarabangsa terutamanya kepada golongan bukan Islam.

Dalam konteks ini, Yang Amat Berhormat telah memberi gambaran bahawa umat Islam hari ini harus bersikap progresif dan dinamik bagi mengharungi dunia moden yang mencabar dengan berpegang kepada prinsip-prinsip Islam Hadhari yang toleran dan sederhana sebagai panduan. Oleh itu, isu kritikan terhadap PAS tidak seharusnya timbul.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sama ada kerajaan boleh menerima cadangan atau penubuhan *Interfaith Council*. Kerajaan telah membuat keputusan menangguhkan penubuhan Majlis Antar Agama yang dicadangkan. Keputusan ini dibuat memandangkan kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sememangnya

sering mengadakan dialog antara agama dari masa ke semasa. Ini juga kerana perbincangan-perbincangan untuk

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap, saya habiskan. / habis, tidak ada masalah Yang Berhormat, relaks. Baca itu dulu. Saya bagi jalan, saya bagi jalan.

...Sememangnya sering mengadakan dialog antara agama dari masa ke semasa. Ini juga kerana perbincangan-perbincangan untuk menubuhkan majlis tersebut menimbulkan kontroversi dan telah melebarkan jurang antara rakyat yang berlainan agama. Dari segi peningkatan persefahaman agama, kebanyakan rakyat Malaysia lebih cenderung kepada usaha mengadakan dialog di antara agama dari masa ke semasa di pelbagai peringkat.

Justeru itu, usaha-usaha menganjurkan dialog akan terus digalakkan dan kerajaan akan mendorong para ilmuwan Islam dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Institut Kefahaman Islam Malaysia supaya turut terlibat dalam dialog tersebut. Tambahan pula Jawatankuasa Kerja Keagamaan di bawah Panel Penasihat Perpaduan Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan mengadakan dialog di antara agama bagi menggalakkan hubungan harmoni antara penganut pelbagai agama dengan memberi penekanan kepada isu-isu sosial seperti pencegahan jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang memerlukan kerjasama rakyat pelbagai agama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya penjelasan, terima kasih. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat dialog dengan wakil-wakil agama bukan Islam. Tetapi bukankah benar bahawa selepas 18 bulan ini, khususnya selepas kes Moorthy yang mencetuskan kontroversi Artikel 121 dan Artikel 11. Sungguhpun ada jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau peka, simpati dan sensitif terhadap rungutan-rungutan agama yang bukan Islam mengenai hak-hak mereka yang termaktub dalam Perlembagaan khususnya Artikel 11. Tetapi sebenarnya keadaan lebih buruk sekarang.

Sehingga baru-baru ini ada satu kempen untuk membaca doa satu minggu oleh agama-agama yang bukan Islam oleh sebab merupakan satu dengan izin, *cry of desperation, of despair and hopelessness* untuk mendapat keprihatinan dan untuk mendapat keadilan daripada Kerajaan Barisan Nasional mengenai masalah-masalah yang sudah timbul bersabit dengan hak-hak sensitiviti agama-agama bukan Islam. Bukan kes Subashini baru-baru ini, tetapi juga kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam iaitu kes Revathi di mana hak-hak rakyat tidak beragama Islam menghadapi masalah. Kenapa perkara ini terus lebih runcing, lebih serius dan tidak diatasi? Bolehkah Menteri Kabinet bincang perkara ini? Sungguhpun memorandum 9

daripada 10 orang bukan Islam sudah ditarik balik tetapi bolehkah Kabinet bincang isi kandungan memorandum itu?

Saya tidak mahu bangkit mengenai memorandum 9 daripada 10 orang bukan beragama Islam di Kabinet yang dipaksa ditarik balik antara lain oleh sebab desakan-desakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang buat satu tindakan yang tidak baik untuk negara kita. Oleh sebab masalah *was covered under the carpet*, isu ini perlu dihadapi supaya perkara ini dibincangkan dan diselesaikan dan di mana hak-hak masyarakat bukan beragama Islam boleh dipelihara, yang nampaknya dalam tiga tahun ini tidak dibuat. Islam Hadhari nampaknya tidak ada makna atau erti kepada mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa Yang Berhormat sebut masalah yang kita hadapi. Ini masalah yang betul berlaku. Tetapi dengan wujudnya *Inter-Faith Council*, tidak bermakna semua perkara ini boleh kita selesaikan. Saya ingin sebutkan di sini iaitu bahawa kalau kita hendak mengadakan *Inter-Faith Council*, ia memerlukan penyertaan semua pihak. Kalau majoriti masyarakat orang Islam tidak mahu bersama dalam *Inter-Faith Council*, apa yang boleh kita buat? Sebab kita tidak boleh kata bahawa kita mewakili seluruh masyarakat Islam. Tetapi apa yang kita tahu iaitu bahawa masyarakat Islam sebahagian besarnya tidak mahu. Jadi macam mana kita hendak buat?

Dan ketiganya saya fikir, dalam soal kita hendak ambil tindakan, saya rasa untuk mewakili bagi orang-orang Islam ini sementara waktu penyertaan daripada orang Islam itu tidak diperolehi, saya rasa Perdana Menteri yang paling layak untuk mewakili orang Islam sebab bukan sahaja dia boleh memahami, dia juga boleh ambil tindakan. Ini yang penting, tindakan yang perlu kita ambil. Jadi sebab itu kepada saya, soal di sini ialah *Inter-Faith Council*, tidak usah bercakap benda lain, saya merasakan iaitu kalau *Inter-Faith Council* diwujudkan pun, ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah hari ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu tanya, kenapa dalam masa negara merdeka 10 tahun, 20 tahun, negara kita boleh mengadakan *Inter-Religious Council* dan ini pun atas inisiatif Kabinet, kerajaan. Masa itu nampaknya lebih terbuka, lebih *open* dan lebih toleran. Kenapa sekarang Perdana Menteri dan Kabinet menolak cadangan IFC yang merupakan *Inter-Religious Council* dalam tahun 50-an, 60-an, 70-an pun. Masa itu Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak boleh *Inter-Religious Council* atau seorang Menteri pun menjadi pengerusi *Inter-Religious Council*. Kenapa sekarang tidak boleh? Adakah ini menunjukkan bahawa satu suasana lebih anti-toleran sudah timbul?

Di sini saya mahu tanya, juga satu soalan yang spesifik, adakah benar bahawa kerajaan sekarang sedang menggubal pindaan kepada undang-undang supaya *Civil Law* dan lain-lain dipinda supaya disesuaikan dengan kehendak-kehendak Syariah Law, dan bukankah benar bahawa Jabatan Peguam Negara sudah menyiapkan satu kertas kerja disampaikan kepada

Kabinet supaya ini dibuat dan mungkin dibincangkan di Kabinet esok bahawa *Civil Law* diubahsuai mengikut kehendak Syariah *Law*. Kalau ini benar, bukankah ini bertentangan dengan apa yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan bahawa rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam tidak dipaksa untuk pergi Syariah *Court*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya soal 10 tahun dahulu okey, sekarang tidak okey, itu zaman berubah. Ini bukan soal saya sebagai seorang Menteri, ini soal saya sebagai Wakil Rakyat. Sebagai Wakil Rakyat saya juga mewakili bukan sahaja orang bukan Melayu tetapi juga mewakili *constituency* yang majoriti 70% orang Melayu. Jadi, kalau saya punya *constituents* merasakan iaitu bahawa mereka tidak mahu kepada *interfaith*, apa boleh saya buat. Saya kena juga mendengar majoriti suara besar orang-orang yang beragama Islam.

Okey, bagi orang yang bukan beragama Islam, di kawasan saya, mereka bersetuju, okey. Tetapi majoriti orang Islam tidak bersetuju, apa yang boleh saya buat, saya mewakili mereka juga. Dalam apa-apa juga *conference*, *Interfaith Council*, penyertaan itu mesti sukarela. Jadi, oleh kerana boleh tanya kepada sesiapa wakil-wakil rakyat yang mewakili kawasan majoriti orang Melayu beragama Islam, mereka tidak mahu. Macam mana saya tidak mendengar apa yang mereka rasakan dan membuat satu perkara yang bertentangan dengan apa yang mereka hendak. Ini bermakna tidak lama lagi saya akan kalah dalam pilihan raya.

Jadi, sebab itu, bukan soal kita sebagai menteri ataupun Jemaah Menteri tidak mahu, ini soal kerana majoriti orang-orang yang beragama Islam merasakan iaitu bahawa mereka tidak mahu kepada *Interfaith Council* dan saya mewakili kawasan 70% orang Melayu, saya kena dengar apa yang rakyat, penyokong, pengundi saya mahukan. Sebab itu kita tidak boleh buat perkara ini. Jangan marah kepada saya, hendak marah, marahlah kepada orang Melayu. Marahlah kepada orang Melayu semua, marah kepada mereka. Mengapa orang Melayu tidak mahu bersama? Marah kepada mereka, jangan marah kepada saya.

Jadi, dalam soal ini saya hendak beritahu, bukan soal menteri, ini soal orang Melayu di bawah majoriti, tidak mahu menyertai *Interfaith Council* dan kita tidak boleh paksa mereka.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan! Yang lebih mustahak sekarang boleh saya dengar mengenai jawapan, adakah benar bahawa kerajaan sedang dalam proses untuk meminda undang-undang, *civil law* dan lain-lain, mungkin Perlembagaan pun, supaya menyesuaikan kepada kehendak-kehendak *syariah law*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau benda yang sama, tidak payah bangkit dua kali, saya bukan pekak macam dia. Saya tahu, saya hendak jawab yang pertama itu.

Yang kedua, ini baru hendak jawab. Sabarlah... [Disampuk] Apa ini? Setakat pada hari ini saya tidak terima apa-apa lagi apa yang Yang Berhormat sebut. Ini saya hendak beritahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu dalam isu pertama, bukankah ini satu masalah *leadership*. Kenapa kita menggunakan satu iklim untuk ubah daripada masa awal

kemerdekaan di mana lebih toleransi, lebih hormat kepada sensitiviti dan hak-hak semua agama tetapi sekarang nampaknya iklim sudah tukar sehingga Yang Berhormat Menteri dan lain-lain Menteri-Menteri UMNO rasa tidak boleh lebih *open*, lebih toleransi. Bukankah ini oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional termasuk UMNO dan MCA, semua parti-parti komponen sudah mengkompromikan mengenai prinsip *secular state, Malaysia, Social Contract 1957*, bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang agama, agama Islam adalah agama rasmi tetapi Malaysia bukan *Islamic State*. Nampaknya kecenderungan Malaysia sebuah *Islamic State*. Kenapa Kerajaan Barisan Nasional menerima, MCA menerima, MIC menerima, kenapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apabila tidak ada *Interfaith Council* bukan bermakna kita kompromi. Benda yang tidak pernah ada, hendak wujud. Bukan kita kompromi, ini perkara yang tidak pernah ada. Kalau ada orang Melayu tidak hendak, hendak buat macam mana? Zaman dahulu pun, 10 tahun dahulu pun, perkara ini tidak pernah difikirkan. Kalau *Interface Council* telah pun diwujudkan semasa kita merdeka maka tidak ada sebab kenapa tidak ada *Interfaith Council* pada hari ini. Ini bermakna bahawa perkara ini tidak perlu.

Agama satu perkara yang sensitif. Jadi, sebab itu apa-apa juga perkara yang hendak...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hey! Duduklah. Hey! Yang Berhormat bagi Kepong, duduk. Duduklah. Saya tidak bagi jalan, nantilah dahulu. Duduk dahulu.

Seorang Ahli: Dia marahlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak marah. Saya tidak marah... [*Disampuk*] Tidak, tidak marah. Sebab waktu saya berucap janganlah kacau, itu sahaja. Saya tahu berdiri sekejap duduk, saya sudah faham. Saya tidak takutlah dengan DAP. Jangan bimbanglah.... [*Disampuk*] Tidak takut punya.

Jadi, dalam soal ini, bukan soal kita sudah menjadi satu perkara yang di mana kita tidak lagi sederhana. Kalau tidak takkan... [*Disampuk*] Itu, Yang Berhormat yang fikir begitu. Sebab apa yang *you* ucapkan datang daripada hati *you*, pemikiran *you*. Kalau pemikiran *you* tidak elok, memang keluar benda yang tidak elok. Tetapi rakyat telah menunjukkan iaitu bahawa mereka yakin dengan kita. Sebab itulah pilihan raya baru ini di Raub menang besar, banyak. Yang ini pun insya-Allah, kita akan menang juga tetapi DAP akan menggunakan perkara-perkara untuk mengurangkan majoriti kita. Itu biasalah sebab perangai dia macam, entahlah macam dalam Islam itu ada perangai Iblis hendak menjatuhkan orang. Macam itulah.

Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Menteri ini dia hendak wakili 218 Ahli Parlimen. Hendak wakillah itu. Jadi, dia hanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, itulah yang sebenarnya... [*Disampuk*] Dan, adakah cara yang lain untuk menyelesaikan masalah-masalah agama sebab setiap tahun, pagi ini saya terima satu panggilan untuk saya selesaikan masalah azan subuh di Taman Putera of Jinjang Utara. Tiap-

tiap tahun entah berapa kali. Saya sendiri, seorang hendak bangun waktu itu. Bagi saya tidak menjadi masalah langsung tetapi ada orang yang *shift* malam dan sebahagian kanak-kanak, kalau kita azan itu lebih, tidak begitu kuat. Sembahyang itu ada 5 kali, 4 kali kuat, sekali tidak begitu kuat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Kepong, saya ingat benda itu jangan sentuhlah. Saya minta maafalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini tambah pula tamadun Islam itu tamadun yang unggul. Jaga kepentingan orang juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terbaharu cerita apa. Janganlah. Subuh pun sudah 6.05 minit, boleh bangun. Sudah tidak ada apa-apa. Tidak payahlah, janganlah...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya bukan itu. Tiap kali saya terima aduan, macam mana hendak selesai. Mungkin kalau ada *Interfaith Council* kita boleh bangkitkan di situ. Subuh itu kurang sedikit, suara itu kurang sedikit. Tambah pula ada kebaikan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: PAS diam, kah?

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya harap Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalah ini, bukan azan sahaja, banyak masalah. Kadangkala salah bukan Islam, kadangkala salah orang Islam. Macam mana kita hendak selesaikan kalau tidak ada saluran?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada penyertaan orang-orang Melayu beragama Islam dalam *Interfaith Council* pun ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Sebab perkara seperti ini kalau di dalam *Interfaith Council* itu, duduk mufti semua sudah tentu apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mereka tidak akan bersetuju. Dan, dia juga tidak ada kuasa untuk bertindak. Adakah lebih baik *Interfaith Council* ini berhadapan dengan Perdana Menteri. Perdana Menteri ada kuasa dan dia fikirkan kalau ada satu perkara yang dibangkitkan itu munasabah, dia boleh ambil tindakan.

Jadi, sebab itu pada saya lebih baik adakan *Interfaith Council* di kalangan orang yang bukan beragama Islam tetapi berhadapan dengan Perdana Menteri kerana Perdana Menteri ada kuasa untuk bertindak kalau didapati ada perkara yang boleh dia terima.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah Yang Berhormat, saya tidak mahu jadi lembut. Kalau berdiri selalu macam ini saya jadi lembut nanti. Saya tidak mahu jadi lembut..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak selesai masalah saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, jawab yang lain pulalah. Jawab yang lainlah. Jawab yang lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Interfaith Council* pun tidak boleh selesaikan masalah ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apakah cadangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat cadangkan kepada sayalah sebab pada waktu ini apa yang ada ialah *Interfaith Council* berjumpa, berdialog dengan Perdana Menteri. Mungkin apa yang boleh dilakukan berjadual, mungkin diadakan dua kali setahun daripada satu perkara yang *ad-hoc* jadikan satu perkara yang mana *Interfaith Council* boleh berjumpa dengan Perdana Menteri dua kali setahun. Itu lebih baik. Sebab itu saya hendak beritahu bagi orang-orang Islam, mereka tidak mahu menyertai *Interfaith Council* dan mereka tidak boleh dipaksa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mempersoalkan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memerangi rasuah berdasarkan kepada faktor-faktor

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum itu bolehkah...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah jawab. Yang Berhormat sudah panjang jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, tadi mengenai satu isu yang...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Selepas ini rasuah. Ini penting.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat Menteri lari sepanjang...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Selepas ini, biar saya habis. Bagi saya habiskan paragraf ini baru Yang Berhormat boleh tanya balik.

Berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, mempersoalkan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memerangi rasuah berdasarkan faktor-faktor domestik dan antarabangsa terkini.

Sebenarnya komitmen kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat dalam memerangi rasuah tidak perlu dipersoalkan lagi. Bahkan kita semua sebagai rakyat yang cintakan negara dan inginkan rasuah dihapuskan perlu memberikan sokongan padu ke atas usaha Yang Amat Berhormat. Perenggan 40 di muka surat 16, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong mengenai usaha Yang Amat Berhormat adalah sangat jelas. Menghapuskan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa bukanlah mudah. Ia memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah pihak pembangkang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Isu rasuah yang begitu penting. Tadi...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tanya yang itu dulu, rasuah selepas ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum masuk kepada rasuah, mengenai Visi 2057, 2020, mengenai pembinaan negara, bangsa Malaysia, saya ada bangkitkan banyak hal.

Saya harap Yang Berhormat Menteri khasnya boleh memberi balasan oleh kerana baru-baru ini Raja Muda Perak, Raja Nazrin pun ada mengulangi betapa pentingnya bahawa kita memberi satu *sense of belonging* kepada semua rakyat Malaysia dan itulah prinsip utama daripada tujuh prinsip. Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah yang menitikberatkan bahawa kita perlu memberi semua rakyat Malaysia *a sense of belonging* dan ini yang tidak berlaku.

Dalam ucapan saya pun ada sebut *brain drain*. Satu juta orang yang cerdik pandai mengakibatkan Malaysia tidak boleh mendapat perkembangan dan pertumbuhan yang sepatutnya kita nikmati. Dulu kita bersama dengan negara-negara selepas Jepun, kita lebih baik daripada negara lain tetapi sekarang kita lebih terkebelakang daripada negara-negara sama ada South Korea, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan lain-lain. Itu adalah sebab *brain drain* oleh kerana *nation building policy*, diskriminasi, ketidakadilan yang terus berlaku. Bolehkah Yang Berhormat *focus on those* sebelum kita pergi kepada isu korupsi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab tadi dengan panjang. Itulah tidak mahu dengar. Saya sudah kata, 2020...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak faham. Saya tidak dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dengarlah saya bercakap ini, sebab itulah *you* tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak dengar. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat lain dengar?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dengar. Betul. Saya sudah cakap iaitu 2057 ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ada beri jawapan. Sama ada yang memuaskan atau tidak memuaskan, saya tidak boleh buat apa-apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah bagi jawapan. Dasar 2057 ini kita bincang lagi. Sebab Visi 2057 ini merupakan satu dasar yang kita hendak buat selepas 2020. Jadi saya sudah sebutkan di sini bahawa selepas ini kerajaan akan berunding dengan pelbagai pihak daripada semua kaum untuk kita bincangkan apa yang perlu kita lakukan di bawah dasar 2057. Saya sudah sebutkan awal tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tiada seorang Ahli Parlimen pun yang dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah sebut. Saya sudah sebut 2057.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua pun tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Sri Gading dengar tidak?... [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sri gading*] Dengar? Ha, majoriti dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tidur tadi!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidurlah!

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ketua Pembangkang memang pekak! Tuli!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Raja Nazrin, mesti diberikan *sense of belonging* kepada semua rakyat Malaysia. Tetapi Yang Berhormat kata, yang pergi ke luar satu juta *brain drain* itu bukan *sense of belonging*, itu *money sense*. Sebab dia pergi ke sana cari duit bukan kerana apa, bukan soal *loyalty*. Ia sebab di luar negara bayarannya lebih tinggi daripada apa yang diperolehi di sini. Itu sahaja sebab dia pergi. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat sebab *sense of belonging* itu ada di sini. Tetapi yang pergi itu biarlah dia pergi. Dia cari duit. Dia cari pengalaman. Akhirnya esok dia datang balik, tidak ada masalah. Jangan *press* itu *panic button*. Okey?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya rasa ini sangat tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu *you* rasa tidak betul, itu *you* punya pasallah. Apa saya peduli!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Sebenarnya itu *brain drain* ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa *brain drain*? *Brain drain* itu cari duit. Itu wang sahaja. Kalau dia jadi doktor, katakan di sini doktor dapat berapalah sangat, RM12,000 kalau *private sector*, di luar negara bayar dengan Euro, banyak duit tu. Macam mana orang keluar cari duit macam juga semut cari gula. Itu saja. Apa pasal mahu marah sama mereka. Kita tidak marah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang susah-susah sangat, apa pasal?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita mahu dia pergi ke sana cari duit, cari pengalaman, lepas itu dia balik. Apa ada *problem*!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa penjelasan? Saya sudah jelas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mengenai isu *brain drain*. Ini mustahak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* punya otak benak kah? *You* tidak faham apa yang saya cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, okey? Saya sangat terperanjat dengan sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu sama ada semua Ahli Yang Berhormat bersetuju khasnya MCA. Saya mahu tanya, adakah MCA setuju, Gerakan setuju? Tengok mereka.

Dalam tahun 70-an, kita dengar apabila isu ini dibangkitkan ada orang kata, *good ridded to bad rubbish*. Orang cerdik pandai yang *migrate* ke luar negara mereka kata, *good ridded to bad rubbish*. Sekarang Yang Berhormat Menteri kata oleh kerana *money*, mereka *money sense*, *materialistic and selfish*. Saya rasa kesal dengan sikap ini, *denial sickness*. Bukankah ini satu *denial complex*...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya faham kalau mereka pergi ke luar mendapat wang banyak itu saya fahamkan macam semut cari gula, tiada masalah. Boleh cari

wang, boleh cari pengalaman dan lepas itu balik, saya tidak kata itu *selfish*. Jangan letak perkataan yang saya tidak sebut dalam mulut saya, itu tidak adil. Saya tidak menganggap mereka sebagai *selfish*, saya faham apa mereka lakukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Money and materialistic*. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri, nanti, nanti...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa yang tidak mahu wang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu nafi orang tidak mahu wang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebenarnya fikiran ini membayangkan satu *denial complex*, tidak mahu mengakui masalah kegagalan *nation building policy* yang menyebabkan satu juta orang, mungkin dua juta yang *the best and the brightest*, bukan semacam orang liar yang ada di sini, *the best and the brightest sons and daughters that ...*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *That include you! That include* Ketua Pembangkang, orang liar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Mereka boleh buat *contribution* yang begitu besar kepada negara. Mereka keluar bukan oleh kerana *money* dan materialistik tetapi oleh kerana untuk masa depan anak-anak mereka, khasnya 70-an, 80-an dan 90-an oleh kerana pendidikan anak-anak mereka tidak boleh dapat peluang yang sepatutnya munasabah di negara kita dan kita tidak mahu pergi ke masa lampau untuk menyalahkan sesiapa yang menyebabkan isu ini. Tetapi masalahnya ialah bolehkah kita menerima bahawa ini satu masalah yang kita perlu hadapi seperti India. India ada 25 juta orang di luar negeri tetapi sekarang mereka ada *brain gain*. Ada orang-orang India di US dan UK yang sekarang mahu *migrate* balik ke India oleh kerana mereka rasa percaya ada peluang atau *opportunity*, ada keadilan untuk kebolehan-kebolehan mereka.

Kenapa kita gagal? Kita pun ada *brain gain policy*. Empat tahun dahulu ada *brain gain policy* supaya *Malaysian expatriates* boleh balik. Tetapi kalau kita ada sikap *good ridded to bad rubbish*, mereka materialistik, mereka *selfish*, tidak taat setia kepada negara, kita tentu gagal dalam *brain gain policy* ini. Sekarang *international economic knowledge base* kita mahu mereka balik. Bolehkah kita tukar? Itulah apa yang Raja Nazrin sebut bahawa jangan biarkan sesiapa ada rasa mereka *not part of Malaysia*. Kalau kita tidak boleh mengadakan satu *creative policy* untuk menarik balik *brain gain* yang ada, mungkin dasar 2020 atau 2057 tidak akan berjaya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi sebut India, ramai orang yang keluar daripada India, berjuta dia kata. Apakah itu kerana dasar di India tidak bagus? Tidak, sebab mereka cari duit pergi ke Amerika, pergi Eropah. Saya baru balik daripada Romania bulan lepas. Saya berjumpa dengan Ahli Parlimen Romania. Mereka *complaint*, dia kata ramai doktor Romania pergi ke Perancis, dicuri oleh Perancis, doktor-doktor. Bukan jumlahnya seratus, dua ratus tetapi beribu. Saya tanya sebab apa? Dia kata, sebab bayaran di sana tinggi. Jadi ini

semua merupakan perkara biasa. Lumrah. Mana kita boleh halang orang hendak cari duit. Sebab itu kepada saya tidak mengapa mereka pergi. Saya tidak pernah kata, *good ridded to bad rubbish*. Saya faham, sebab itu saya kata, pergi. Pergi cari wang, cari pengalaman. Akhirnya dia balik.

Mengikut statistik yang saya ambil minggu lepas, tidak ada berkurangan pun masyarakat orang-orang Cina dalam negara kita malahan bertambah pula. Bukan bermakna bahawa *population* dia turun kepada sekian juta. Tidak, ia bertambah. Ini bermakna tidak betul apa Yang Berhormat sebut itu.

■ 1220

Kalau dia hendak pergi, tidak mengapa. Pergi cari pengalaman. Sebab kita tahu, satu hari nanti dia akan balik, kerana Malaysia ini adalah negara dia. Saya bersetuju mesti diberikan *sense of belonging* kepada setiap rakyat Malaysia yang ada di negara kita. Saya bersetuju pula dengan apa yang Raja Nazrin sebut. Saya bersetuju dengan Raja Muda Negeri Perak, kita mesti beri *sense of belonging* kepada semua rakyat Malaysia dan saya harap Yang Berhormat jangan pula cucuk mereka supaya tidak ada *sense of belonging* terhadap negara mereka, negara Malaysia. Yang Berhormat bagi Kepong. Saya hendak minta kawan saya ini - eh, duduklah. *[Berkata kepada Yang Berhormat bagi Kepong]*. Saya tak mahu jadi lembut. Saya minta Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kagum dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]*. Kerana memberi pengakuan bahawa rakyat Malaysia ke luar negeri ini mencari pengalaman. Mencari pengalaman dan memberi pengalaman dan akhir sekali membawa kekayaan ke negara kita. Saya rasa itu adalah jawapan tepat kepada mengapa orang Kelantan datang ke Kuala Lumpur? *[Dewan riuh]*. Pada satu ketika dahulu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu kes lainlah ustaz.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pada satu ketika dahulu, wakil-wakil rakyat daripada BN menghina orang Kelantan datang ke Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, tak pernah menghina. Tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Nanti dahulu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak pernah menghina, tak pernah menghina..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Katanya orang Kelantan miskin, orang Kelantan papa, orang Kelantan susah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pasir Mas, saya harap tarik baliklah. Kita tidak pernah menghina orang Kelantan. Orang Kelantan saudara-mara kita. Kita tak pernah menghinalah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini fitnahlah Tuan Yang di-Pertua. Sila tarik baliklah. Tak pernah, tak pernah...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya minta penjelasan. Ini saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya tak ada orang minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas tentang Kelantan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tak, saya hendak minta penjelasan dan saya hendak ucap terima kasihlah. Bukan marah Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan marah, saya puji Yang Berhormat. *[Ketawa]*. Ertinya bahawa apa yang berlaku di Kelantan, orang Kelantan ke luar dari Kelantan untuk mencari pengalaman. Memberi pengalaman, mencari pengalaman dan mencari kekayaan. Bawa balik kekayaan ke Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, apakah soalan sekarang?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi samalah juga dengan orang Malaysia yang pergi ke luar negara dengan pengalamannya dan sebagainya, mencari harta dan bawa balik ke Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat hendak bertanya menteri sama ada menteri bersetuju atau tidak? Cukuplah Yang Berhormat, cukup, baik, baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, maknanya samalah Yang Berhormat ya? Sama ye tak? Apa pandangan Yang Berhormat? *[Dewan riuh] [Ketawa]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya setuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sama, tetapi lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju. Sama, sebab di Kelantan susah hendak cari makan. *[Dewan riuh]*. Apabila kerajaan tidak menyediakan prasarana yang cukup untuk rakyat cari makan. Sebab itu datang ke sini. Datang ke seluruh negeri-negeri dan semenanjung ini yang mana BN memerintah, sebab di sini senang hendak cari makan. Jadi memang betul Yang Berhormat, saya memang setuju, tepat. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun berasal daripada Kelantan juga. Kenyataan Yang Berhormat mengenai orang berhijrah untuk mencari wang, bukan seratus peratus betul itu. Ada orang yang bukan kerana wang dia berhijrah, termasuk profesor-profesor dan sebagainya, bukan semua yang mengejar kekayaan sahaja. Saya berharap Yang Berhormat, bukan sahaja kita lihat kepada statistik. Sebenarnya kebanyakan di Malaysia iaitu negara kita. Kita mesti kembali ke negara ini.

Walau bagaimanapun, saya menggalakkan sesiapa sahaja hendak ke luar untuk mencari peluang, itu baik. Kita tidak menghalang. Tetapi yang penting sekali ada orang yang bukan kerana kekayaan sahaja. Dia ada faktor-faktor yang lain. Bagilah orang ini peluang untuk kembali ke sini, untuk kekal di Malaysia, di Kelantan juga. Ya, di Kelantan juga. Bukan semua yang hendak keluar dari Kelantan. Itulah, saya berharap Yang Berhormat bukan sahaja tengok statistik. Kita tengok punca-punca, faktor-faktor yang menyebabkan orang berhijrah. Kerana penghijrahan ini bermula dengan manusia yang zaman-zaman purba lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Kepong, cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya faham. Saya pening kepala dengar...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Peningkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya jadi lembut pula nanti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau pening, Yang Berhormat hendak jumpa doktorkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau kita lihat daripada sejarah manusia..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selepas ini boleh alih kepada tajuk yang lainkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okeylah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baca jawapan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab daripada sejarah manusia di dunia, sememangnya penghijrahan itu berlaku. Penghijrahan berlaku. Jadi sebab itu, janganlah kita anggap itu bahawa seolah-olah kalau penghijrahan itu berlaku di negara kita, ini sudah menjadi satu mala petaka kepada kita. Tidak!

Kita akan seperti mana tersebut, saya bersetuju dengan Raja Nazrin sebut, dan kita akan mesti ikhtiar, usaha terus untuk memberikan *sense of belonging* kepada semua rakyat Malaysia. Apa benda hendak lagi? Ya, okey, rasuah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Yang terakhir mengenai, ... saya sangat gembira..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat kata tak setuju dengan saya, setuju dengan saya tak?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ramai setuju dengan saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Setuju apa itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setuju tentang hijrah tadi. Mereka berhijrah cari duit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul, setuju tak?

Beberapa ahli: Setuju!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, majoriti setuju!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Geleng kepala*]. Kalau ikut sikap, kalau ikut sikap, tak mahu ubah polisi...Kita tidak berjaya untuk *brain gain*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau rasuah, rasuah...penting, rasuah..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ..Kita tidak berjaya untuk ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, sebab dalam soal ini, saya sudah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rasuah, *I come to rasuah now. But before that...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya habis dahulu, saya habis rasuah, saya habis rasuah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum habis, saya belum habis lagi,...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum itu *nation building, nation building* sekarang..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya habis dahulu rasuah.. Rasuah itu penting.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Raja Nazrin. Raja Nazrin...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah setuju dengan apa Raja Nazrin sebut..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Raja Nazrin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Sense of belonging...* Betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey. Betul. Tetapi kenapa sudah 50 tahun perkara ini masih bermaharajalela.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Isu rasuah dibincangkan secara terbuka dan meluas, sudah tentulah ia akan mempengaruhi persepsi pelabur terhadap negara ini. Sebab itu kita pohon kerjasama semua pihak termasuk pembangkang jangan mengambil kesempatan menjadikan isu rasuah sebagai isu politik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rasuah, rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya habiskan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rasuah, rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tiada hal lah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Duduklah dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor campur Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, *anytime*. Duduk, duduk, duduk, tak ada masalah! Okey. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur campur Yang Berhormat bagi Ipoh Barat lawan Padang Rengas. Tak ada masalah, okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pun tiada hal lah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi saya habis *paragraph*.. Eh, Yang Berhormat. Yang Berhormat, bukan tak kenal saya? Saya bukan takut dengan *you*? Baik ya... Tindakan sebegini akan memberikan tanggapan yang buruk kepada individu dan pihak terbabit. Ini yang dikatakan sebagai *media and public prosecution*. Sedangkan kita perlu mengamalkan *innocent anti proven guilty* dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rasuah, penjelasan. Rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya habis dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum itu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya habis *paragraph*..saya bagilah, nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Your paragraph is about five pages.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No, no, no,...* Saya kena habis cakap..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Your one paragraph, five pages...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kena habis bercakap..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu *mega paragraphs*..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masa bila saya berhenti, saya tahu. Tak payah nak ajar saya, saya tahu. Saya habis, saya bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Takutkah? Takutkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada takut! Tak ada takut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bukan tipu macam Yang Berhormat, saya tak tipu. Saya habis *paragraph*, saya bagi. Tidak ada masalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada, tak ada masalah. Kita hormat orang tua. *Relax, relax* ya..

Sebaliknya sekiranya pendahuluan tidak dibuat ke atas individu tertentu dalam kerajaan, pihak pembangkang mengatakan pihak kerajaan melindungi mereka sedangkan hakikatnya tiada bukti atau kesalahan dilakukan. Akibatnya, persepsi rasuah terhadap negara ini akan bertambah buruk. Perkara-perkara begini yang akan mempengaruhi persepsi pelabur-pelabur kerana mereka mendapat cerita dan bukannya berita atau fakta hasil dari isu-isu rasuah yang dipolitikkan.

Usaha kerajaan dalam menangani rasuah turut diakui oleh President Malaysian Society for Transparency and Integrity, Yang Berhormat Tan Sri Ramon Navaratnam, sebagaimana dipetik dari akhbar *The Star* bertarikh 7 November 2006 yang berbunyi dengan izin:

“Malaysia’s weakened ranking is disappointing despite of initiatives taken by the government to combat corruption. This could possibly be because the Malaysian Institute of Integrity and the National Integrity Plan were initiated in 2004, and were not considered in the report. There are weaknesses in the study methodology, such as some of countries’ results being based on three studies, and others, like Malaysia, on nine.”

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun].*

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kenyataan tersebut... Nanti, saya habiskan, saya habiskan sikit lagi. Kenyataan tersebut, jelas membuktikan bahawa kerajaan sememangnya berusaha memerangi rasuah dan terdapat faktor-faktor lain seperti metodologi yang boleh dikaitkan dengan penurunan Malaysia dalam indeks rasuah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Mengenai *quotation* daripada Tan Sri Navaratnam. 7 November 2006. Hari ini 10 April. *World has changed.*

■ 1230

Saya percaya kalau tanya Tan Sri Navaratnam hari ini, teguran-teguran lebih drastik. Tapi saya terperanjat bagaimana seorang Menteri Kabinet yang mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai rasuah boleh datang ke Dewan yang mulia ini rasa dan berasa amat bangga mengenai prestasi kerajaan dalam rasuah. Membasmi rasuah apabila sebenarnya negara kita dalam satu krisis korupsi yang terburuk sekali dalam sejarah Malaysia 50 tahun, pun dalam sejarah 40 tahun ACA dan yang boleh lihat daripada yang pertama adalah tuduhan-tuduhan yang serius yang dibuat terhadap Perdana Menteri sendiri pun dan keluarga beliau.

Termasuk RM60 juta rumah di Perth, adalah tuduhan-tuduhan yang serius yang dibuat terhadap Timbalan Perdana Menteri mengenai komisen-komisen sama ada *Scorpene Submarine* US120 juta atau Sukhoi Jet daripada Rusia, USD100 juta. Ada tuduhan-tuduhan yang serius yang di buat terhadap ACA *Director General*, sungguhpun beliau sekarang sudah bersara. Ada tuduhan serius yang dibuat terhadap Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, ada tuduhan serius korupsi terhadap hakim-hakim yang bukan dibuat oleh kita di sini yang dibuat oleh Ketua Hakim sendiri bahawa adalah hakim-hakim yang menerima *bribes* dan ada pun tuduhan-tuduhan serius dibuat terhadap Ketua Menteri Sabah, 25 tuduhan-tuduhan. Dan baru-baru ini tuduhan-tuduhan serius dibuat terhadap Ketua Menteri Sarawak mengenai *timber logging*, di mana di Jepun, *Japan Times* ada keluar bagaimana muslihat dibuat untuk mengelak *tax* di Jepun. Bukankah sebenarnya *we are having more serious crisis of* korupsi tetapi Yang Berhormat kata boleh sangat berbangga. Dan ini boleh dibayangkan kejatuhan petunjuk-petunjuk dalam negeri atau luar negara sama ada *Transparency International Corruption Perceptions Index (CPI)* jatuh daripada 37 tempat kepada 47 tempat atau di PERC atau *Political and Economic Risk Consultancy*. Di mana nampaknya negara Cina lebih tidak banyak masa akan dianggap sebagai lebih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:bersih daripada Malaysia. Bukankah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukankah, dengan latar belakang ini, bagaimana Yang Berhormat dengan serius boleh datang ke Dewan ini dengan rasa sangat bangga dan bagaimana, bukankah perlu usaha yang konkrit untuk membanteras rasuah yang sudah gagal dalam tiga tahun ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bila yang saya bangganya?..Saya pun tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak faham ke?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak menyebutkan yang saya bangga. Saya menyebutkan, memberi penjelasan di mana yang saya sebut bahawa kalau perkara-perkara ini berlaku ini disabitkan oleh kerana persepsi, orang fikir, saya tidak kata saya bangga, saya beri penjelasan. Jadi Yang Berhormat tidak perlulah menyebut benda-benda yang betul tentang diri saya. Saya tak kata saya bangga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada rasa malu ke?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak ada rasa malu dan kita tidak ada rasa bangga. Kita akan berusaha.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa masalahnya. Kita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri jawab, dia beri jawapan di sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya beri jawapan saya, mana boleh paksa jawapan. Ini saya hendak sebut tentang pilihan. Ya, Yang Berhormat kata itu 7 November sekarang April.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lagi ada?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, ini April 3 *National News*. *UN seek better corruption index.*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pakai cermin matalah. Pasal perangai dia teruk. Perangai teruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia takut kuman DAP masuk dia punya mata.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Ini saya hendak sebut ini. Di "*United Nation score on its member state yesterday to endorse effort to start developing tool to major corruption properly. Antonio Costa Executive Director of the UN Office and Drug Crime say in Johannesburg that the fight against corruption would vastly improved if we better measure instate of reliance on the indicator of perception of corruption. For the time being we don't really no the level corruption in the difference country, Costa say at the UN conference and corruption. We have perception indicators really because of the transparency international but this is the feeling or impressions of corruption. I want to measure corruption; I don't want to measure shadows. I want to measure objects. Some country, including South Africa have question, how corruption is measure. Last year South Africa slip marginally down transparency international corruption perception index's despite and over all improvement in the country score. They were so surprise about South Africa drop despite the country appearing to mix straight in fighting corruption at the time. Including the president Tabo Mbeki, fairing his deputy Jacob Zuma after Zuma was accuse of corruption*".

Jadi ini semua April 9, baru Yang Berhormat, bukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab saya hendak kata saya tidak mengatakan bahawa kita, kita tidak ada *indicator* lain, kita akan guna *transparency international*. Tapi kita juga harus akui bahawa iaitu bahawa ada kekurangan mereka. Jadi sebab itu dalam hal ini kita akan terus lawan. Tapi tak akan kita hendak menurunkan indeks kita dengan tangkap orang-orang yang tidak bersalah semata-mata hendak tunjuk bahawa kita ambil tindakan. Kerana dalam hal ini Yang Berhormat, korupsi bukan sahaja yang menerima, yang memberi ini kita kena ajar juga mereka. Tidak ada rasuah kalau tidak ada pemberi. Jadi jangan sahaja kita lihat bahawa yang menerima sahaja. Kita juga kena melihat yang memberi. Jadi banyak tindakan yang harus kita lakukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak tahu Yang Berhormat baru balik daripada *Johannesburg* di mana beliau ada menghadiri satu *conference anti corruption*. Tetapi menghadiri *conference anti corruption* tidak akan ada apa-apa kesan untuk membasmi *corruption*. Sebenarnya Ketua Penggerak ACA yang baru bersara, dia *break all record* untuk ACA *Director General* untuk pergi luar negara untuk menghadiri *conferences anti corruption* tetapi *corruption* di *Malaysia is the worse today*. Dan bukankah sebenarnya masalah ialah tadi Yang Berhormat ada sebut *South Africa newspaper*.

Kenapa tidak sebut yang baru-baru ini satu *survey* yang ada di buat oleh satu organisasi pertubuhan tempatan *Transparency International* Malaysia. *Malaysia chapter* yang ada buat satu *survey* di bawah Tan Sri Ramon V Navaratnam yang menjadi presiden. Di mana adalah di dapati

bahawa korupsi di Malaysia khususnya di jabatan-jabatan kerajaan sangat serius. Kenapa tidak sebut? Atau Yang Berhormat tidak ada diberi nota-nota mengenai perkara itu. Apa yang mustahak ialah dan apa yang kita perlu ialah *political will* untuk melawan rasuah. Bukankah kita sebenarnya tidak ada *political will* yang di tunjuk oleh Perdana Menteri, oleh Kabinet-kabinet atau semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Semua tidak ada *political will* untuk lawan korupsi dan kalau tidak ada *political will* untuk lawan korupsi khususnya sebab itu *18 high profile big fish* sudah lari ke South China Sea. Mana itu *18 high profile big fishers*.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut bahawa rakyat Cina perlu belajar daripada negara China kalau mahu lebih maju. Kalau begitu adakah rela Malaysia belajar daripada negara China bagi memerangi rasuah Zhu Rong-ji *premier* dahulu. Semasa beliau menjadi Perdana Menteri dia kata mahu lawan rasuah tidak kira siapa beberapa tinggi siapkan 100 keranda, 99 keranda untuk mereka yang *corrupt high MIT*, satu untuk beliau. Itu menunjuk dia tahu mahu lawan, mahu hilang nyawa. Adakah Perdana Menteri kita, adakah Menteri-menteri Kabinet kita rela menyediakan 100 keranda dan satu untuk sendiri. Tetapi saya tidak tahulah kalau 100 keranda berapa keranda untuk Kabinet *Minister* yang *corrupt*. Berapa Kabinet *Minister* yang *corrupt* bukan untuk oleh kerana mahu hilang nyawa untuk lawan korupsi. Adakah *political will* untuk lawan korupsi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ada *political will* untuk menyediakan sembilan keranda untuk DAP.

[Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana kita lawan idea hikmah. Pergi ISA tidak apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk korupsi DAP. Tidak ada masalah. Yang Berhormat, ini retoriklah, ya. Jangan buang masa saya ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tahu itu bahawa kita tidak berpuas hati dengan keadaan kita sekarang dan kita akan terus lawan rasuah. Apa yang Yang Berhormat hendak sebut, sebutlah. Lantaklah kita tidak akan peduli tapi kita akan lawan rasuah seperti mana yang kita mahu.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Permatang Pauh mencadangkan,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Korupsi belum habis, belum habis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Korupsi. Mengenai korupsi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Korupsi lagi ini. Ini korupsi lagi ini.

■ 1240

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lagi korupsi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Korupsi, belum habis. Mana boleh korupsi saya punya kepala, korupsi. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mencadangkan supaya badan pencegah rasuah bertanggungjawab kepada Parlimen. Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat kerajaan tidak bercadang meletakkan BPR di bawah bidang kuasa Parlimen. Kebebasan BPR untuk menyiasat mengikut perundangan sedia ada tanpa *fear and favor* akan terus dijamin tanpa mengira kedudukan atau status mereka yang terlibat.

Meletakkan BPR di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri hanyalah dari segi pentadbiran sahaja seperti kewangan, keanggotaan dan logistik dan tidak melibatkan pelaksanaan fungsi dan kewajipan BPR sebagaimana termaktub dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mahu, saya hendak Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mahu tanya tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, Yang Berhormat bagi Kepong tidak mahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat faham satu sebab kenapa ACA tidak boleh berjaya berkesan ialah oleh kerana ia di bawah Jabatan Perdana Menteri yang perlu mendapat *green light* daripada atasan sebelum ambil apa-apa tindakan terhadap mereka yang berjawatan tinggi. Kalau kita mahu satu kempen anti rasuah yang serius kita perlu membebaskan ACA daripada *political control and manipulation* Barisan Nasional. Kenapa, tidak berani buat begitu dan bukankah perlu kita mencontohi seperti ICAC Hong Kong?

Dulu pun sangat korup, Hong Kong sangat korup, polis semua jabatan sangat korup tetapi oleh kerana ada *political way* untuk mengadakan satu agensi anti korupsi yang bebas daripada semua *political manipulation* dan *control* kita tengok ICAC sekarang adalah nama masyhur di dunia. Kenapa kita tidak berani? Adakah oleh kerana kerajaan mahu melantik orang-orang yang mereka boleh mainkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *manipulate* menjadi boneka sahaja semacam nampaknya ACA *Director General*, Zulkipli.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak perlu Yang Berhormat kita letak luar daripada JPM sebab di bawah JPM pun ada juga menteri kena dakwa, Kasitah Gadam. Kalau cerita zaman dahulu Aziz Ishak ada, semua ada tidak ada masalah. Ada menteri, timbalan menteri dan hari ini pun kalau tidak silap saya ada *exco* yang didakwa yang sudah kena pun di Negeri Sembilan, di Selangor. Jadi tidak ada masalah kita tidak ada hendak melindungi sesiapa,

janji ada tuduhan yang dibuat secara bertulis. Jangan dok main *blog*, *blog* ini tidak betul sebab kita hendak orang yang menuduh ini mesti bertanggungjawab di atas tuduhan dia.

Memberikan bukti supaya siasatan boleh dibuat, kemudian kalau siasatan dibuat maka dia boleh didakwa di mahkamah. Ini yang penting. Jadi sebab itu kalau apa orang sebut, apa orang cakap, apa orang kata, kita tidak usah pakai sebab kalau tidak, akan menjadi masalah kepada kita. Yang Berhormat boleh sebut sesuatu tentang saya, kena siasat... tidak boleh mesti ada prosedur dia. Prosedur dia buat aduan, *sign*, cerita apa yang berlaku supaya boleh kita siasat terhadap orang itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, nanti bagi saya satu paragraf, saya bagi balik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu paragraf adalah dia punya *progress* itu... *progress*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong sudah minta izin Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung pertanyaan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, BPR terletak di bawah bidang kuasa agensi mana, suka saya maklumkan bahawa dari segi pentadbiran, BPR terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri dan saya adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas agensi tersebut. Namun dari segi pelaksanaan undang-undang, BPR adalah bebas untuk menyiasat mana-mana orang termasuklah anggota pentadbiran dan kerajaan akan memastikan kebebasan tersebut terjamin. Okey Yang Berhormat bagi kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, lebih 20 tahun saya di sini, setiap kali kita menyaran supaya BPR diletak di bawah Dewan yang mulia ini tetapi setiap kali sebelum Yang Berhormat pun sudah tidak menerima. Saya setuju satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pemberi dan penerima rasuah ini mesti sama-sama dihukum kerana kalau ikut riwayat Al-Tabrani pemberi dan penerima rasuah sama-sama ke neraka.. Walau bagaimanapun tadi Yang Berhormat sebutkan mengenai objektif bukan persepsi sahaja, ilham daripada South Africa iaitu objektif.

Saya setuju, tetapi bolehkah Yang Berhormat sebutkan di sini selepas menghadiri seminar di Afrika Selatan itu apakah ilham untuk mewujudkan sistem yang lebih objektif daripada persepsi rasuah di negara ini. Bolehkah Yang Berhormat cadang bagi kita tahu macam mana Yang Berhormat giat untuk mengemukakan satu kaedah yang lebih objektif.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu perkara yang saya lihat waktu saya pergi sana apabila saya bertanya, yang hadir hari itu ada 35 orang menteri dan 18 timbalan menteri yang hadir. Apabila saya tanya kepada mereka hampir saya boleh kata lebih daripada

60% dia punya ACA terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri ataupun Presiden. Jadi bermakna iaitu bahawa apa yang kita lakukan ini adalah tidak berbeza dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara lain. Jadi sebab itu

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Negara korup atau negara tidak korup?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, semua. Kita mana tahu negara korup tidak korup sebab dia indeks.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dalam TICPI lah atas atau bawah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada macam ada negara seperti South Africa, ia di bawah Presiden dia dan menteri yang bertanggungjawab itu seorang wanita iaitu Menteri *Civil Administration*. Jadi sebab itu Yang Berhormat untuk kata macam saya hendak cerita Yang Berhormat apa ilham yang saya dapat sebenarnya kita tengok banyak perkara yang dibincangkan. Yang kita banyak bincang sekali ialah metrologi bagaimana hendak mengukur MNE (*Monitoring and Evaluation*) kerana ada kalanya perkara ini tidak tepat dan ia menyebabkan ada perasaan kecewa di kalangan sesetengah pihak yang telah banyak buat tindakan namun masih dianggap sebagai korup.

Jadi sebab itu *UN di Coaster* ini dia sebut kita kena cari satu metodologi jadi ini masih lagi dicari-cari. Benda lain itu saya bincang dengan Yang Berhormat nantilah, yang lain-lain.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti kejap bagi saya satu paragraf kita panggil balik. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan supaya BPR diberi lebih kuasa untuk memerangi rasuah dengan lebih efektif. Sebenarnya apa-apa sahaja tindakan yang dibuat oleh BPR adalah mengikut bidang kuasa perundangan yang ditetapkan. Kuasa yang diberikan kepada BPR adalah memadai dan cadangan pindaan BPR 1997 adalah untuk mengadakan beberapa peruntukan baru bagi memperkukuhkan usaha memerangi rasuah mengikut keperluan semasa. Adalah tidak adil Yang Berhormat menuduh BPR sebagai harimau kertas yang tidak bergigi dan tidak berkuasa mengambil tindakan ke atas mereka yang berkedudukan tinggi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, seruan dan panggilan bahawa perlu BPR di bawah jagaan Parlimen adalah satu suruhan yang baik dan ia akan lebih *accountable* dan *transparent* tetapi nampaknya kerajaan, pendirian mereka, satu pendirian yang tidak boleh diterima, sangat mundur dan adakah kerajaan berani untuk mengadakan satu *referendum* untuk mengambil keputusan dari rakyat supaya adakah perlu atau tidak bahawa BPR ini patut berada di bawah jagaan Parlimen.

Nombor dua adalah mengenai kekurangan pegawai-pegawai yang berkualifikasi untuk *prosecute*..... dalam kes-kes *corruption* kerana kerap kali nombor satu *investigation* yang

dijalankan sangat lembap, sangat *slow* dan kes-kes yang dibawa ke mahkamah sangat lama macam kes Eric Chia. Lepas beberapa tahun macam satu *show case* yang ingin membawa kepercayaan kepada negara bahawa kerajaan betul-betul serius tetapi selepas beberapa tahun hanya membawa kes tersebut sekarang nampaknya *very clear* lah bahawa semua ada *loophole* yang tidak boleh mencapai matlamatnya.

Jadi macam mana kita boleh ada satu sistem supaya betul-betul kes akan disiasat dengan seberapa awal yang boleh, nombor dua membawa ia ke mahkamah dan nombor tiga mengadakan pegawai-pegawai yang betul-betul terlatih dan adakah kerajaan berani memberi iaitu memberi kebenaran kepada pihak-pihak yang ingin membawa kes *prosecute* seperti di lain-lain negara. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Contoh yang pertama BPR letak di bawah Parlimen saya ingat tidak perlu ada *referendum*, saya tidak bersetujulah. Tidak bersetuju kerana apa sebab Yang Berhormat pun bukannya tidak tahu dalam Parlimen ini majoriti 92% itu Barisan Nasional.

■ 1250

Jadi kalau kes dibawa, kalau kita lepas pun, nanti Yang Berhormat Ketua Pembangkang sendiri kata ini '*brute*' majoriti punya keputusan. Jadi sebab itu letak bawah Parlimen pun, tidak akan menampakkan ada berlaku adil. Sebab itu pada saya tidak perlu ada referendum. Memang saya rasa tidak boleh letak di bawah Parlimen, kita hendak mengelak daripada orang menuduh iaitu bahawa kerajaan menolak keputusan kerana dalam Parlimen, Barisan Nasional majoriti. Kalau ada sekalipun orang Barisan Nasional didakwa tidak bersalah, dia akan kata iaitu bahawa ini kerana majoriti BN. Jadi saya ingat itu tidak boleh, tidak payah referendumlah. Kita tolak bulat-bulat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini takutlah sebenarnya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan soal takut sebab bukan saya takut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hanya kerana *popular vote only* 63%.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan 92%.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *So, it doesn't make logic?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: No, ia soalnya begini, bukan soal 63% or 92%. *First by the post* 92% dalam Dewan kita. Kita cakap benda faktalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yalah, Yang Berhormat, kawasan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi bila ada...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kawasan Padang Rengas hanya 22,000 atau 24,000.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya punya DUN 30,000.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Awak ini tidak faham.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Saya faham, Yang Berhormat tidak faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* tidak faham.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kawasan DUN saya *not even bigger than your* kawasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita bercakap tentang apa yang mungkin akan berlaku di dalam Dewan Rakyat kalau BPR itu diletak di bawah Parlimen. Di Parlimen ini, 92% ahli dalam Dewan Rakyat ini Barisan Nasional. Ini maksud saya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *One man one vote.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* tidak faham. Saya hendak cerita tentang kalau sekiranya BPR diletak di bawah Parlimen, okey, 92% Ahli Parlimen ini Barisan Nasional. Okey, kalau majoriti itu menguasai Parlimen, ia juga akan menguasai BPR. Itu maksud saya. Susah bercakap dengan orang tidak faham ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita bukan hendak *argue* tentang 63%, tidak. Kita hendak bercakap tentang penguasaan BPR itu kalau diletak di bawah Parlimen, maka siapa menguasai Parlimen akan menguasai BPR. *Back to square one.* Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tentang keberkesanan ACA, satu ialah mengenai tanggungjawab siapa *holding authority*. Kedua ialah ketua pengarah. Kenapa sampai sekarang kerajaan tidak rela untuk melantik seorang ketua pengarah menggantikan Zulkipli. Adakah ini menunjukkan bahawa kalau tidak ada kontroversi yang tercetus baru-baru ini, beliau akan *diextended*, bukannya itu? Beliau akan *diextended* untuk Ketua Pengarah ACA – itu *connected*.

Daripada itu, bolehkah kita ada sekurang-kurangnya satu proses lebih *consultative* mengenai pelantikan ketua pengarah seperti *Director General* untuk ACA, seperti mungkin *consult Parliament Select Committee for Integrity* dan badan-badan yang lain, individu-individu yang lain supaya orang yang dilantik sebagai *ACA Director General* ada kewibawaan, ada kredibiliti dan ada literasi. Kalau bukan seorang yang nampaknya pun begitu tuduhan-tuduhan dibuat, satu laporan dibuat, Jun lalu tidak ada apa-apa terhadap *ACA Director General*. Kenapa tidak ada apa-apa siasatan dibuat?

Baru-baru ini Ramli Manan buat dalam surat khabar Malaysia Kini, barulah siasatan diadakan dan sampai sekarang kenapa tidak ada apa-apa hasil daripada siasatan itu? Bukankah yang pertama, perlulah ada satu ACA yang bebas, *autonomous*. Kedua, ada *ACA Director General* yang berwibawa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat. Saya pun tidak tahu yang mana satu hendak jawab ini. Sebab itu kalau tanya satu-persatu, mudah saya jawab. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini pun saya tidak jawab lagi. Ini berkenaan dengan kekurangan pegawai. Kita sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan supaya pegawai yang boleh mendakwa ini... Oleh kerana pendakwaan itu dilakukan oleh pihak Attorney-General's Chambers, jadi kita sentiasa beri *training* untuk mereka mendakwa.

Tetapi Yang Berhormat kena faham dalam sistem mereka ini, ia ada pelantikan pula dan selepas itu naik pangkat. Apabila dia mendakwa, kemudian dia perlu dinaikkan pangkat pula dan dia pergi tempat lain pula. Dia juga boleh jadi *Sessions Court Judge*. Jadi inilah yang menyebabkan kadangkala tidak ada *specialization* kerana sistemnya begitu dan kerana mereka juga perlu mendapat kenaikan pangkat. Bila dia naik pangkat, dia sudah tidak menjadi pendakwa. Dia sudah jadi *Sessions Court Judge* atau apa-apa dan lain-lain lagi. Ini merupakan *occupational hazards* kita.

Kemudian Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan kes Eric Chia. Memang betul, kita sebelum ini menghadapi masalah untuk mendapatkan keterangan di luar negara. Waktu mula-mula Eric Chia ini didakwa, kita menghadapi masalah ini. Tetapi apabila Parlimen meluluskan Akta Bantuan Bersama Mencegah Jenayah pada tahun 2002, barulah kita lihat ada perkembangan positif. Itu pun untuk mendapatkan keterangan ini kerana sudah bertahun telah berlalu kita menghadapi masalah kerjasama daripada pihak luar negara.

Walau bagaimanapun, kesnya masih lagi berjalan. Ia tidaklah mudah *straight forward*. Ia *very complex*. Hendak cari duit atau apa kah. Sebab itu di antara perkara yang dibangkit, Yang Berhormat, di Johannesburg ialah kerjasama daripada pihak negara luar terhadap permintaan daripada negara *victim* itu. Maksud mereka negara *victim* itu di mana rasuah itu berlaku. Tidak dapat kerjasama dan selalunya bank juga bermasalah. Ia mempunyai sistem di mana ia tidak membenarkan keterangan diberikan kepada sesiapa. Juga masalah, di Switzerland atau di mana kah.

Jadi ini merupakan masalah oleh kerana berlaku melibatkan wang itu telah pun terlepas ke luar negara. Eric Chia punya kes memang satu kes yang kompleks yang belum dapat kita selesaikan. Walau bagaimanapun ia merupakan *ongoing case*. Tidak ada niat untuk memanjang-manjangkan. Kalau memanjangkan, menyusahkan Eric Chia juga. Kalau dia *innocent, unnecessarily* ia *drag four years*. Jadi masalahnya memang kita hendak secepat mungkin selesaikan masalah.

Saya sedang memikirkan iaitu saya melihat daripada pengalaman saya pergi sana, ada juga di sesetengah negara, mereka mempunyai *specialized court* hanya untuk *corruption*. Itu juga mungkin satu perkara yang boleh kita fikirkan dan boleh mempercepatkan kes. Ada dua, tiga negara yang saya telah berjumpa dengan menteri mereka. Mereka mengatasi *problem* ini

dengan mengadakan *specialized court* seperti yang kita ada pada hari ini iaitu Mahkamah Imigresen dan Mahkamah Trafik. Ini satu perkara yang boleh kita fikirkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti Yang Berhormat. Kemudian Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebut berkenaan dengan pelantikan. Sebenarnya ketua BPR ini selepas ini, ada satu *paragraph*, saya akan sebut dan saya akan jawab sekali.

Yang Berhormat bagi Tuaran bangkit mengenai penolakan soalan berkaitan siasatan kes rasuah yang dikemukakan kepada Parlimen baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan berkenaan ditolak setelah didapati ia tidak spesifik dan terlalu umum untuk dijawab. Individu yang dimaksudkan dalam soalan itu tidak dinamakan menyebabkan menjadi sukar untuk dijawab. Penolakan ini juga telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan oleh yang demikian ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(s).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, *specialized case* nampaknya *very interesting*. Tetapi saya hendak tunjuk satu *specialized court* punya *specialized* insiden macam kes mahkamah di Langkap. Apa guna ada mahkamah *specialized* untuk Imigresen di Langkap? Supaya kita *speed up the process*. Itu niat kita. Tetapi sebenarnya, Yang Berhormat Menteri, semua ini gagal kerana pada waktu sekarang tidak ada satu Hakim Mahkamah Sesyen yang *specialized* dihantar ke sana tetapi dari Teluk Intan dan dari Ipoh dihantar ke sana dan semua kes di Ipoh dan Teluk Intan selalu dipostponekan. Apa *specializednya* ini? Tidak masuk akal.

Serupa jugalah esok hari kita ada satu *specialized date*, dia tidak lantik hakim yang baru tetapi dia ambil hakim-hakim yang sedia ada di mahkamah-mahkamah yang lain. Kita ada peguam-peguam dan kita ada *judicial department* yang ada kebolehan untuk dilantik sebagai hakim, tetapi tidak. Sekarang mahkamah itu telah berfungsi lebih kurang lima bulan. Banyak kes di Ipoh dan di Teluk Intan, semua ditunda kerana di Parlimen dikatakan kita ada satu mahkamah yang *special*, yang unik untuk mengatasi masalah yang tertentu. Tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Cukup untuk saya cakap atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup untuk kita berehat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sambung selepas itulah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab, sambung semula pada petang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

■ 1430

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri untuk menyambung jawapan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ada bincang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nak bagi jalan ke tidak? Ya, sila Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tadi sudah bagi jalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak apa. Saya sambung. Tuan Yang di-Pertua, pagi itu sebelum habis pukul satu, saya ada bagi tahu bahawa mahkamah-mahkamah, *special courts* yang dikatakan yang kerajaan sangat bangga kerana ada *special courts* seperti Imigresen Court di Langkap. Khususnya saya nak bagi tahu seperti yang saya katakan Hakim Mahkamah Sesyen dari Teluk Intan kerap kali cuti kerana terpaksa pergi ke Langkap.

Hakim Mahkamah Sesyen di Ipoh kerap kali cuti juga kerana terpaksa pergi ke Langkap dan kerap kali oleh kerana perkara ini, kes-kes yang sedia ada dengan mereka semua ditunda. Jadi apa *so special about special court?* Jika kita adakan *special court, we create special problem.* Buat apa kita adakan mahkamah-mahkamah tertentu walaupun ini perkara sudah lanjutan. Kenapa hingga hari ini tidak ada pelantikan hakim-hakim yang baru? *Sorry?*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kedua, adalah kerajaan juga ada cadang untuk membuat *special court* untuk *corruption case*. Saya rasa ini adalah satu untuk menangani perasaan atau persepsi bahawa *corruption* dan *indices* ini akan menunjukkan bahawa kerajaan sangat serius. Tetapi yang *the benchmark is this;*

Apakah mahkamah-mahkamah yang sedia ada tidak boleh membuat kes-kes tersebut? Tidak boleh membicarakan kes-kes tersebut? Kenapa kita perlu kes satu mahkamah yang unik? Walhal, mahkamah-mahkamah yang sedia ada, prinsip-prinsip yang akan digunakan di mahkamah-mahkamah yang sedia ada dan prinsip-prinsip yang akan digunakan di mahkamah-mahkamah yang *special* ditubuhkan, prinsipnya adalah sama. Dan mekanismenya sama. Jadi, kenapa kita perlukan mahkamah sedemikian? Walhal yang perlu adalah meningkatkan

pelantikan hakim-hakim yang betul-betul yang boleh berfungsi di tempat-tempat tersebut dan juga *backup force*. Bukankah itu lebih baik dari kita mengadakan *special court for imigresen*, *special court for corruption*. *It's already special court for MPs, special court for dancing troop* dan sebagainya. Buat apa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita mengadakan mahkamah khusus untuk perkara-perkara tertentu bagi nak mengatasi masalah. Sebab itulah kita mengadakan mahkamah khusus ini seperti imigresen, seperti Mahkamah Trafik. Pertamanya saya, sudah tentulah kita buat perancangan ini di atas desakan tekanan kerana kes ini banyak. Jadi sebab itu kita adakan Mahkamah Imigresen. Tujuannya juga untuk mempercepatkan dan juga untuk nak mengenakan hukuman kerana kalau selagi dia tidak pergi ke mahkamah, selagi itu tidak boleh dihukumkan termasuklah sebat. Saya faham itu bahawa oleh kerana kita ambil tindakan cepat, maka mahkamah ditubuhkan dulu. Soalnya yang mana kita nak buat? Kalau kita lantik hakim khusus itu terlebih dahulu, tidak ada mahkamah yang dia hendak pergi.

Kalau kita bentuk mahkamah, tidak ada hakim. Jadi kita pilih untuk lebih baik kita menubuhkan mahkamah itu dahulu. Dan hakim akan datang kemudian. Saya faham itu bahawa selama lima bulan sememangnya mahkamah yang khusus ini terpaksa mengambil hakim-hakim daripada Ipoh dan Teluk Intan. Namun masalah Yang Berhormat sebut ini tadi kita akan atasi kerana saya telah difahamkan itu bahawa pada 1 Mei 2007, kita akan melantik 12 hakim untuk Mahkamah Khusus Imigresen yang ada 12 di negara kita termasuk di Sabah dan Sarawak. Dengan pelantikan ini, saya percaya perkara dibangkit oleh Yang Berhormat itu akan dapat diatasi kerana tidak memerlukan lagi hakim-hakim daripada *Session Court* Ipoh dan Teluk Intan untuk pergi ke Mahkamah Imigresen ini.

Nombor dua, saya kata bukan kerajaan akan bentuk Mahkamah Rasuah ini, *corruption*. Tak. Saya kata kalau untuk mengatasi masalah, mungkin kita boleh fikirkan untuk menubuhkan mahkamah *corruption* ini. Tujuannya ialah kerana kalau dia dalam sistem yang sekarang, dia terpaksa tunggu dia punya giliran dan kita faham itu bahawa banyak kes yang sedang dijalankan di mahkamah yang ada sekarang ini. Jadi mungkin dengan adanya mahkamah *corruption*, dengan hakimnya ada di situ, saya percaya ini dapat diatasi, mereka tidak perlu menunggu giliran dan ada pengkhususan, *specialization* seseorang hakim itu dalam kes *corruption*.

Tapi Yang Berhormat, ini belum, bukan rancangan kerajaan. Saya kata mungkin untuk mengatasi, oleh kerana *corruption* merupakan satu perkara yang kita hendak perangi, mungkin ianya boleh membantu usaha kita untuk memerangi kalau sekiranya ada mahkamah *corruption*. Tapi tidak ada cadangan sebenarnya ya. Yang Berhormat bagi Tuaran, ha ini telah saya baca. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tentang status terkini 18 kes berprofil tinggi yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga, sebenarnya isu ini telah ditimbulkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini dan telah berulang kali dijawab sejak tahun 2004. Perlu ditegaskan setiap siasatan tidak semestinya

berakhir dengan pendakwaan. Hanya kes-kes yang mempunyai bukti yang mencukupi sahaja akan dituduh di mahkamah. Berhubung gesaan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Permatang Pauh..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum itu, penjelasan. Mengenai 18 *high profile* ikan yu, kenapa? Adakah apa yang mereka yang didakwa sampai sekarang merupakan yang tertinggi sahaja? Kita rakyat tahu ada orang-orang yang sangat tinggi. Kenapa tindakan tidak diambil dan sebenarnya kalau kita baca Malaysia Kini hari ini, bahawa RM32 *million keep back tip of the iceberg*. Ialah pun merupakan isi kandungan surat saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tiga hari dahulu mengenai RM32 juta *keep back* yang keluar dalam *The Prime Times* yang ditolak sebagai Jepun, teks *authority* sebagai satu teks sebenarnya ialah *keep back* untuk syarikat-syarikat yang ada melibatkan Ketua Menteri Sarawak.

■ 1440

Apa yang berlaku mengenai ACA Director atau sesiapa *as declaration of asset* nampaknya sungguhpun ada diisytiharkan harta benda, tidak berguna. Semua tahu bahawa Ketua Menteri Sarawak sebelum menjadi Ketua Menteri tidak begitu kaya. Sekarang *billionaire* bukan *millionaire* bukan juta, bukan berpuluh-puluh juta, beratus-ratus juta, *billionaire*. Kenapa Asia tidak boleh siasat? Kenapa Ketua Menteri boleh jadi *billionaire* dalam 25 tahun menjadi Ketua Menteri? Sekarang ada *tip of the iceberg*.

Kalau mahu kata *high profile 18 fishes* atas ialah Ketua Menteri Sarawak, kenapa tindakan itu tidak diambil?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bukan soal tindakan tidak diambil, kalau surat itu baru hantar tiga hari yang lepas, jadi bermakna kalau hendak ambil tindakan pun takkan sekarang sudah ambil tindakan. Sudah tentu penyiasatan akan dibuat. Sebenarnya Yang Berhormat, benda-benda seperti ini, dakwaan-dakwaan yang dibuat, banyak. Saya pun kena dakwa juga.

Di sini soalnya segala apa aduan itu tidak semestinya ada pendakwaan kerana apabila telah disiasat didapati bahawa fakta tidak betul. Kalau tidak betul, tidak perlulah didakwa di mahkamah. Ini banyak, macam kata Timbalan Menteri kita, yang didakwa dalam *blogger* tidak ada orang *sign* pun. *Blogger* jika didakwa tidak akan didapati bersalah terus dan apabila disiasat didapati tidak ada. Ini semua, kita tidak boleh apabila ditulis sahaja kita menganggap sudah perkara itu berlaku kerana di dalam akhbar kah, dalam apakah, dia kutip fakta-fakta yang dia dengar daripada mana-mana pihak dan kita kena siasat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita kena siasat. Kita ada prosedur proses untuk kita lakukan sedemikian. Sebab itu dalam hal ini saya percaya segala tambah pula surat yang dihantar oleh Ketua Pembangkang saya percaya sudah tentu Perdana Menteri melihat perkara ini dan suruh disiasat.

Tidak ada sebab mengapa kalau perkara itu betul, kita menghalang daripada penyiasatan itu dibuat. Menteri pun kita dakwa. Tidak siapa yang terlepas daripada penyiasatan ini. Tetapi seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, tidak semestinya tuduhan yang dibuat itu akan berakhir dengan pendakwaan dan tidak semestinya setiap pendakwaan yang dibuat itu akan berakhir dengan keputusan yang akan menyalahi orang yang didakwa itu. Ini mahkamah punya sistem, begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi apa Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebut, ini bukanlah mengenai orang biasa. Orang yang dituduh atau terlibat dalam tuduhan itu adalah Ketua Menteri Sarawak dan akhbar ini bukan keluar dalam *blogger* atau media di negara kita. Ia sudah dikeluarkan di media Jepun, media Hong Kong. Ini merupakan suatu berita antarabangsa.

Oleh itu, ia akan memalukan negara kita dan juga memalukan Kabinet dan Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri yang ingin dan melaung-laungkan hendak membanteras rasuah. Oleh itu, saya fikir sekurang-kurangnya arahan mesti diberikan kepada Ketua Menteri Sarawak supaya dia menjelaskan apa yang berlaku dalam tuduhan ini dan saya ingin tahu sama ada arahan telah diberi oleh Perdana Menteri atas perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta BPR ini, apabila kita melakukan siasatan, kita tidak boleh zahirkan kepada orang ramai sebab apa juga penyiasatan yang kita buat, mesti dirahsiakan terlebih dahulu kerana penyiasatan itu tidak semestinya akan mendatangkan kepada pendakwaan. Kalau dizahirkan kepada orang ramai maka bermakna orang itu tidak salah pun telah didapati bersalah sebab kita tahu media kita ini, ia menulis sesuatu ia sudah menghukum kita.

Kalau kita hendak bercakap oleh kerana dia seorang *high profile*, walau *high profile* macam mana pun, *before the law you are equal*. Tidak boleh kita mengambil tindakan dan satu masa kita kata *everybody is equal before the law* dalam satu masa yang lain pula oleh kerana *you high profile* walau pun keluar dalam surat khabar *you* sudah bersalah. Tidak bolehlah begitu.

Soal sama kita sudah ambil siasatankah atau tidak ambilkah, itu kita terpaksa dirahsiakan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun dalam kes CM Sarawak ini baru timbul sahaja dan saya percaya bahawa BPR kalau mereka mendapat maklumat yang penuh, Yang Berhormat sendiri pun boleh hubungi BPR bagi tahu fakta-fakta. Saya beri jaminan, jangan bimbang BPR tidak akan ambil tindakan terhadap Yang Berhormat.

Sebab kita mahu kepada maklumat ini. Saya percaya bahawa kalau sekiranya fakta-fakta atau bukti-bukti yang jelas, saya percaya BPR akan membuat penyiasatan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya hairan kenapa Yang Berhormat tidak boleh sebut sama ada BPR ada ambil tindakan oleh kerana kes ini *tip on the iceberg* RM32 juta sahaja. Tadi saya ada sebut dia bukan seorang *millionaire* sahaja, dia *billionaire*. Lebih daripada RM1,000 juta. Adakah BPR pernah ambil tindakan untuk siasat sekurang-kurangnya dan kalau ada kenapa tidak berani untuk mengumumkan?

Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pun adalah menjadi *make victim* mengenai tuduhan-tuduhan blok selepas siasatan dia didapati bersih. Dia tidak bersalah. Adakah ini suatu pengumuman rasmi bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bersih?

Oleh kerana sampai sekarang kita dapati bahawa siasatan masih diteruskan kenapa Yang Berhormat Menteri boleh datang ke sini berkata bahawa untuk membersihkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri atau sebelum siasatan dihabiskan satu arahan telah dikeluarkan untuk membersihkan beliau yang ditunjukkan Yang Berhormat Menteri di sini.

Saya harap beliau boleh memberi suatu penjelasan dan pagi ini beliau kata bahawa tidak boleh percaya *blog*. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri pun bersama-sama menteri-menteri yang lain janganlah ambil sikap anti *blog* ini. Jangan jadi *anti-blogger*. Bukan semua *blog* tidak bertanggungjawab.

Kita yang ada *blog* di sini, saya, Kepong, Batu Gajah, Tanjong, kita ada *what is known as named responsible blog* ada orang yang ada nama, boleh dihubungi, ada orang yang *anonymous*, betul. Tetapi kepada BPR bukannya sampai sekarang BPR ada pendirian sama punca maklumat *anonymous* atau tidak *anonymous* mereka akan ambil tindakan, akan ambil perhatian. Ini pun akan diumumkan oleh BPR dua tahun dahulu. Adakah sekarang satu perubahan dalam dasar BPR bahawa maklumat-maklumat yang dikeluarkan dalam *blog* sama ada *name* atau *unnamed* tidak akan menjadi punca siasatan BPR. Kalau begitu menukarkan dasar BPR untuk siasat segala maklumat tidak kira daripada mana.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak kata saya anti semua *blog*. Yang Berhormat dengar betul-betullah. Sebab saya tahu Yang Berhormat ada *blog*. Yang Berhormat berani, ada *blog*, ada nama. Kalau ada tuduhan yang tidak betul kita boleh cari dia. Saya bercakap tentang *blog* yang tidak bagi nama. Ke mana kita hendak cari?

Kalau sekiranya suruh BPR siasat, memang betul kita tidak tukar dasar. BPR boleh siasat tetapi kalau *blog* tidak ada nama, BPR hendak cari siapa? Hendak tanya kepada Tuhan? Hendak tanya kepada iblis? Mesti ada sumber dia. Itu maksud saya. Kalau siapa yang membuat tuduhan, kalau ada nama dia, senang BPR siasat. Bukan saya kata BPR tidak boleh siasat tentang pendakwaan yang dibuat, di mana-mana pun asalkan bertanggungjawab.

Yang Berhormat bertanggungjawab, *you* punya nama saya tahu mana hendak cari Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, saya tahu tidak ada *problem*. Siapa kata Yang Berhormat ada *problem*? Ini makan cili rasa pedas apa pasal? Tidak ada *problem*. Yang Berhormat bagi *problem*kah? Tidak ada. Batu Gajah punya *blog* pun saya tidak kacau, saya tahu dia ini berani punya orang. Kita bercakap tentang *blog* yang tidak bagi nama.

Macam mana BPR hendak siasat, hendak cari pada siapa? Itu maksud saya. Tidak ada perubahan dasar. BPR boleh siasat. Siapa yang buat tuduhan, yang dia boleh cari orang itu, dia boleh siasat. Tidak ada penukaran dasar di sini.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Johari itu, Johari belum jawab, Johari.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat berkenaan dengan kita ada etika sedikitlah ya? Tidak usah sebut namalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak apa, saya tarik balik. Saya kata Kubang Pasu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kita kata Kubang Pasulah.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kubang Pasu, apabila dia telah dikeluarkan oleh media, *main stream* telah mengutip satu tuduhan dibuat dalam *blog* yang tidak tahu siapa yang mempunyainya.

■ 1450

Jadi oleh kerana itu dia disiasat kerana sudah masuk dalam surat khabar dan saya percaya Yang Berhormat bagi Kubang Pasu sendiri mahu disiasat. Itu yang disebut sebab dia mahu membersihkan namanya. Jadi sebab itu dia disiasat. Tapi macam CM Sarawak perkara ini baru dibangkitkan. Jadi saya percaya BPR siasat. Kalau CM Sarawak memilih untuk tidak mahu melayan tuduhan yang belum lagi berasas, itu hak dia. Dia pilih tidak mahu melayan, dia tak mahu menjawab sehinggalah penyiasatan dibuat. Kalau didapati bersalah sudah tentu dia akan didakwa di mahkamah.

Dalam hal ini juga kita kena ingat BPR apabila dia menjalankan penyiasatan dia, dia tidak boleh menzahirkan apa yang telah berlaku kerana dalam pendakwaan ada kepentingannya untuk menjaga kesnya supaya tidak diketahui orang supaya dapat melakukan penyiasatan tanpa campur tangan ataupun campur aduk oleh orang lain. Itu sudah dalam akta. Dia tak boleh buat. Dia tak boleh menzahirkan. Oleh sebab itu saya percaya, saya berani mengatakan iaitu bahawa BPR apabila dia mendapat maklumat yang penuh, bukti yang berasas saya percaya dia akan siasat. Ini saya yakin dengan BPR Malaysia.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang Yang Berhormat Menteri percaya bahawa BPR akan siasat tapi saya percaya bahawa siasatan BPR tak ada *result. Produce no result.* Saya telah sebut beberapa kali...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tuduhan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ..bagaimana...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuduhan sahaja. Belum disiasat.

[Dewan riuh]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, suruh orang itu diam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya lah Yang Berhormat sudahlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Eh, jangan kurang ajar.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Apa *you* cakap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Siapa kurang ajar? Bukan *you* kurang ajar? Awak yang kurang ajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak payahlah gunakan perkataan itu. Tarik baliklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tarik baliklah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mahu saya tarik balikkah? Mahu saya tarik balikkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk, yang lain sila duduk. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah bercakap, saya boleh menenangkan yang lain. Yang Berhormat tarik baliklah tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik baliklah, tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tarik balik apa?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, perkataan ini telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak! Dalam Dewan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik baliklah!

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Balik Sarawaklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita berada di Parlimen. Kita minta Yang Berhormat hormati Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau tak dapat diterima saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain jangan ganggulah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I was under the impression it can be used because the Speaker of Sarawak DUN allowed that. Now I withdraw.* Tarik balik, okay.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat bagi Mambong juga pakai perkataan itu. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah tarik balik, sekarang sama-sama tarik balik.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Bila saya pakai?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekarang tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduklah! Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam duduk. Yang Berhormat, kita sudah beritahu janganlah menggunakan perkataan yang tidak baik dalam Parlimen.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okay, okay. Saya terima keputusan Yang Berhormat. Tadi saya ada sebut Yang Berhormat Menteri kata dia percaya bahawa BPR akan siasat tapi saya juga percaya siasatan tidak mengeluarkan apa-apa keputusan kerana saya telah sebut beberapa kali tentang kekayaan Ketua Menteri Sarawak tapi sehingga sekarang isterinya mempunyai RM37 milion syer dalam CMS. Anaknya RM22 milion syer.

Bagaimana sebagai isteri Ketua Menteri dapat memungut kekayaan yang sebegitu banyak dan adakah *impropriety* yang terlibat dalam perkara ini. Tetapi sehingga sekarang tidak ada siasat dan tidak ada apa-apa keputusan yang dikeluarkan daripada siasatan itu. So, saya percaya bahawa tak ada apa-apa siasatan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin iaitu bahawa BPR akan menyiasat tapi seperti Yang Berhormat kata tak yakin itu dia punya pasallah. Tak ada kena-mengena dengan saya. Tapi kita perlu ingat memiliki kekayaan *per se* tidak ada kesalahan. Kalau orang ada syer tidak ada kesalahan di situ. *Impropriety*, itu yang kita hendak cari. Kalau sekiranya *obtaining the wealth through corrupt means* itu baru salah.

Sebab itu ini yang perlu disiasat oleh BPR. Tak boleh kita kata dia ada syer RM37 juta sudah salah. Tak boleh. *Impropriety* carilah dahulu. Sebab itu kita perlu kepada BPR untuk dia siasat. Jadi saya minta Yang Berhormat telah pun bawa perkara ini. Saya hendak kata iaitu bahawa kalau sekiranya berlaku apa-apa *impropriety* dalam *obtaining the wealth* saya percaya tindakan akan diambil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri kata bahawa dia yakin BPR akan siasat. Tapi bukankah seorang menteri yang bertanggungjawab kepada BPR tanggungjawab beliau bukan datang untuk kata mengenai kepercayaan beliau. Tanggungjawabnya ialah untuk melaporkan *accountability* bagi pihak BPR sama ada siasatan ada dijalankan ataupun tidak. Dan bukankah benar bahawa pada Jun 2003 BPR ada buat satu pengumuman mengenai dasar yang baru untuk memberi maklumat kepada orang ramai

mengenai perkembangan dari semasa ke semasa mengenai siasatan mengenai isu-isu khususnya *high profile* dan kepentingan orang ramai seperti ini.

Sungguhpun seorang yang ada RM37 juta bukanlah kesalahan satu *impropriety* tetapi kalau seorang yang sebelum menjadi ketua menteri mungkin ada berjuta-juta selepas menjadi ketua menteri menjadi *billionaire*. Bukankah ini *prima facie* bukan sahaja *impropriety* tetapi korupsi. Sebenarnya dalam akta anti rasuah Hong Kong inilah korupsi. Dan dalam Malaysia itu pun patut menjadi korupsi mengikut undang-undang *prima facie* korupsi. 25 tahun selepas menjadi ketua menteri menjadi *billionaire*. Kalau bukan korupsi apa itu? Dan sungguhpun bukan dalam undang-undang itu patut menjadi panduan, *guideline operation* BPR. Dan kalau BPR tidak rela mengatakan *guideline standard operating procedure* bukankah ini satu bukti bahawa BPR *toothless tiger* sahaja. *Toothless people tiger* sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya harap pegawai BPR dengar mereka ini *toothless tiger*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dengar, dengar!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya nak sebut di sini iaitu bahawa dalam penyiasatan yang dibuat kalau seorang individu itu dituduh maka penyiasatan dibuat terhadap individu itu. Saya percaya dikatakan CM Sarawak kaya, saya percaya *they have asses to his account*. Tengoklah akaun dia ada berapa juta? Ada berapa ratus ribukah? Tapi untuk hentam kromo mengatakan dia kaya belum tentu lagi. Kalau dia mempunyai anak-anak dia berniaga, anak-anak dia dewasa, anak-anak dia ada harta, itu bukan harta dia. Orang sudah umur atas 21 tahun sudah kahwin itu menikah itu jadi harta dia. Luar daripada jagaan ketua menteri. Jadi kita tidak boleh ambil *simplification* mengatakan kalau anak dia kaya itu bapa dia punya duit. Ini mesti disiasat secara *detail*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya ingat biar kita serah kepada BPR.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau kita tak serah kepada BPR inilah jadinya, tak habis-habis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan. Saya nak sebut bagaimana dia jadi kaya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak bagi jalan sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dia tak bagi jalan sudah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita sudah bincang panjang lebar, kita serahkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah isu ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua pun sudah dilapor untuk disiasat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung gesaan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi permatang pauh supaya ketua pengarah BPR patut bercuti bagi membolehkan siasatan terhadap dakwaan yang dibuat ke atasnya dapat diselesaikan.

■ 1500

Kerajaan memutuskan beliau tidak perlu bercuti kerana tuduhan yang dibuat terhadapnya masih dalam siasatan, bukan dalam proses pendakwaan di mahkamah dan masih belum ditentukan sama ada beliau terlibat sebagaimana yang dituduh. Tambahan pula siasatan dilakukan oleh pihak polis terhadapnya tidak akan terganggu kerana beliau tidak lagi berkhidmat dengan agensi berkenaan.

Dalam hubungan ini pelantikan kontrak beliau telah pun tamat pada 31 Mac 2007. Jadi kebimbangan Yang Berhormat itu tidak berbangkitlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bersangkut-paut dengan ini. laporan Ramli Manan bekas Pengarah ACA Sabah *whistleblower*, yang ada buat tuduhan-tuduhan terhadap bekas Ketua Pengarah ACA Zulkifli Md Nor, laporan dia dibuat pada Jun tahun lalu dan kenapa dalam masa sembilan bulan tiada apa-apa tindakan siasatan dijalankan sehingga bulan lalu oleh kerana isu ini didedahkan oleh Malaysia Kini dalam satu interviu Ramli Manan ada dengan Malaysia Kini barulah tindakan diambil untuk siasat.

Mengapa, bukankah lagi satu kecuaihan pihak-pihak yang berkenaan dalam perkara ini, pihak polis, pihak BPR, pihak Jabatan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sendiri oleh kerana yang terlibat ialah orang kanan seorang yang tertinggi, ACA *Director General* apabila ada tuduhan dibuat pada bulan Jun, bolehkah satu penjelasan kenapa untuk sembilan bulan tiada apa-apa siasatan yang dijalankan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya siasatan telah dibuat dan didapati bahawa tuduhan itu adalah tidak benar. Saya ada menerima laporan selaku menteri yang bertanggungjawab tentang perkara ini sudah tentulah Dato' Seri Zul tidak akan mengumumkannya sendiri sebab dia yang dituduh dan dia adalah ketua BPR. Tapi saya telah pun mendapat laporan daripada BPR sendiri yang menunjukkan bahawa tuduhan itu adalah tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini hairan. So, habis siasatan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya bermakna kalau Yang Berhormat sebut yang bulan enam tahun dahulu, tahun lepas, memang diambil tindakan. Cuma perkara ini berbangkit semula disabitkan oleh kerana... saya tidak mahu sebut tentang saudara Ramli ini

mungkin dia mempunyai masalah yang tersendiri dan apabila perkara ini diperbesarkan oleh Izhah dalam *press conference*, maka dia jadi isu semula.

Yang Berhormat kena ingat apabila penyiasatan dibuat, maka mengikut Akta BPR, bukan BPR yang menentukan untuk pendakwaan. Dia akan di hantar kepada pihak AG. Kalau pihak *Attorney General* mendapati bahawa tidak ada asas untuk didakwa maka tidak berlakulah pendakwaan. Jadi dalam hal ini sebenarnya cerita ini cerita lama. Tapi dihidupkan semula apabila si Izhah buat PC, jadi isu semulalah. Itu saya punya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mustahak bahawa selepas laporan dibuat oleh Ramli bulan Jun tahun lalu ada siasatan dijalankan dan didapati bahawa tidak ada apa-apa benda. Yang pertama siapa siasat? BPR? Bolehkah pegawai-pegawai BPR siasat ke atas ketua pengarah. *The junior's* siasat *the senior*, bukankah ini *outrages*, bagaimana satu sistem yang menimbulkan persoalan siapa siasat Zulkifli pada masa itu. Pegawai-pegawai bawahan tentulah laporan *outcome* itu di bawah *control*, kawalan Zulkifli sendiri tidak memuaskan. Yang kedua, bukankah benar bahawa Peguam Negara sendiri Tan Sri Ghani Patail didapati bahawa dalam perkara ini apa-apa siasatan yang diadakan tidak memuaskan hati dan sebab itu beliau buat satu arahan supaya siasatan mendalam diadakan.

Bagaimana Yang Berhormat Menteri datang ke sini dan kata bahawa *everything good and satisfactory*. Bukankah ini dia mungkin diberi maklumat yang salah oleh ACA, BPR lagi. Siapa yang beri maklumat? BPR bagi atau polis bagi atau Peguam Negara, Jabatan Mahkamah bagi mengenai maklumat tadi.

Yang Berhormat Menteri jangan datang ke sini *to be misled in order to misled the House* dapat maklumat yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya tidak datang untuk *mislead the House*. Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mempertikaikan dan tidak mempercayai mengenai siasatan terhadap Ketua Pengarah BPR yang dibuat oleh pihak polis. Dalam waktu yang sama BPR menyiasat Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Polis. Jadi Pengarah BPR ini disiasat oleh polis, bukan oleh BPR.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: You kata bahawa selepas laporan Jun, BPR siasat. Ada rekod ada dalam rekod.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, sebab itu saya kata bila saya sebut BPR, saya dapat laporan ini daripada BPR kerana BPR telah menyuruh polis untuk siasat sebab tidak betullah kalau dalam BPR ini, BPR menyiasat ketua pengarah dia. Dan saya sebagai menteri, saya tidak boleh terima laporan daripada polis, saya kena terima laporan daripada BPR.

Bila polis siasat, dia bagi kepada BPR, BPR bagi kepada saya. Sebab itu saya kata laporan yang saya dapat daripada BPR tetapi yang menyiasat ini adalah polis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua ini *become big circle*. Ini maklumat salah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, maklumat betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini maklumat silap, kalau BPR buat pengumuman oleh kerana polis belum habis siasatan. Ini *public knowledge*. *Polis have not complicated investigating into Zulkifli*. Bagaimana BPR boleh datang kata bahawa polis sudah membersihkan Zulkifli. Kalau ini maklumat daripada BPR, sangat nyata Yang Berhormat sudah

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak dikelirukan BPR, saya buat benda betul. You tidak betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini *eye watch*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Polis kata belum habis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab bila perkara ini dibangkit semula oleh Izham maka sudah tentulah polis akan buat siasatan semula kerana perkara ini dibangkit semula. Tapi sebenarnya daripada laporan yang saya baca dalam surat khabar, AG semua kata ini kes lama. Sebab itu saya kata dalam kes yang di bangkitkan ini ianya kes lama telah pun disiasat dan didapati tidak ada apa. Tetapi apabila Izham bangkit balik kes ini maka itulah sebabnya mengapa perkara ini disiasat semula. Tidak bolehlah polis kata tidak perlu siasat kerana sudah siasat. Sebab ini tidak akan memuaskan hati orang ramai. Sebab itulah polis mengatakan bahawa dia akan siasat, takut-takut kalau ada fakta baru pula. Itu sahaja Yang Berhormat. Jadi saya bukan datang sini untuk mengelirukan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ini atas arahan Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Cukuplah Yang Berhormat isu ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You have not... miss inform*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No! I'm not being miss inform*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, sudah jelas sudah isu ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya telah menerima laporan yang mengatakan bahawa tuduhan yang dibuat adalah tidak benar. Saya bagi tahu lah, hendak buat apa saya tipu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tapi polis kata belum habis siasatan. IGP kata belum habis siasatan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Polis kata tidak habis siasatan lagi kerana dia tidak bolehlah kata tidak ada. Sebab bila ada tuduhan baru dia kena siasatlah. Tapi kalau berdasarkan kepada tuduhan yang ada dibuat dulu, kata macam harta di Pagoh, di dapati tidak

ada. Berkenaan dengan apa lagi, di dapati syer dalam kompeni didapati tidak ada. Itu saya baru cakap kerana saya dapat laporan daripada BPR, sudah tentulah saya dapat laporan dari BPR, takkanlah pula polis bagi pada saya. Polis akan siasat bagi ke BPR, BPR *feed me with this*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini satu *cover up*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan satu *cover up*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor, Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh polis IGP kata belum habis, Yang Berhormat kata sudah habis oleh kerana maklumat daripada BPR. Ini satu *cover up* daripada BPR, bagaimana kita boleh percaya BPR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Isu telah selesailah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat menjadi alat BPR sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya menjadi alat BPR tidak apa. Ini menunjukkan bahawa saya tidak menguasai BPR, saya rela menjadi alat, tidak mengapa. Tapi jangan BPR menjadi alat saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Beluran membangkitkan isu berkaitan tuduhan ke atas ketua pengarah BPR oleh bekas Pengarah BPR Sabah dan kedudukan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti berkaitan isu tersebut. Sesungguhnya keputusan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti membatalkan perjumpaan untuk mendengar penjelasan Yang Berhormat Dato' Seri Zulkifli Mat Noor dan Encik Ramli Manan adalah berasaskan kepada asas undang-undang dan langsung tidak ada motif politik.

Kita juga tahu bahawa saudara Ramli telah pun membawa kes ke mahkamah maka perkara ini kita rasa tidak boleh dihebohkan kerana sudah pun menjadi sub judge kerana perkara ini telah pun di bawa kepada mahkamah.

Berhubungan dengan cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi Beluran ke arah pembaikan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti. Untuk makluman Yang Berhormat tujuan serta kaedah pelaksanaan setiap Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti adalah jelas di mana telah digariskan dalam *term of reference* dengan izin dan prosedur penubuhan jawatankuasa tersebut.

■ 1510

Secara amnya mana-mana Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa tetapi hanya boleh mendapat, mendengar keterangan, bincang sesama ahli jawatankuasa dan memberi syor-syor kepada Parlimen sahaja. Oleh itu tidak timbul isu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti bertindak sebagai hakim, pendakwa raya, dan penyiasat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Mengikut prosedur, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti tidak harus mengumumkan apa yang dibincangkan dalam

mesyuarat tertutup. Demi memastikan tugas jawatankuasa tersebut terus dijalankan secara sempurna dan berkesan, kerajaan tidak ada apa-apa halangan jika pihak Parlimen ingin meneliti semula beberapa aspek pelaksanaan jawatankuasa tersebut, asalkan ia mendapat persetujuan daripada semua ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mempertikaikan dan tidak mempercayai mengenai siasatan terhadap Ketua Pengarah BPR yang dibuat oleh pihak polis.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Dalam waktu yang sama BPR menyiasat Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Polis. Sama ada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor percaya atau tidak terhadap siasatan yang dijalankan oleh BPR dan pihak polis itu adalah hak Yang Berhormat. Sekiranya yang menjalankan siasatan terhadap Ketua Pengarah BPR adalah BPR sendiri dan melibatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri adalah pihak polis, Yang Berhormat juga akan mempertikaikan seperti yang kita nampak pada hari ini. Oleh itu adalah baik kita menunggu sehingga kedua-dua pihak itu menjalankan tugas mereka.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Sebab itu saya bawakan ada *independent commission inquiry*. Ayat terakhir bahawa kita tunggu sehingga *out come* siasat, bukannya menunjukkan bahawa belum habis siasatan, tetapi kenapa Yang Berhormat menteri rela digunakan oleh BPR untuk datang ke sini bahawa siasatan terhadap Zulkifli sudah habis. Ayat yang terakhir ini menunjukkan belum habis siasatan dan inilah apa pun dikatakan kepada orang ramai oleh IGP. Kenapa perkara mahu dipanjangkan dan tidak mahu mengakui kesilapan atau mengakui disalahgunakan oleh BPR.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah sebut sebentar tadi, tidak tahulah Yang Berhormat hendak saya bercakap dalam bahasa Tionghoa, saya tidak tahu cakap Tionghoa. Tetapi saya bercakap dalam bahasa Malaysia saya percaya semua orang faham. Saya sudah kata bahawa oleh kerana ini perkara yang dibangkitkan semula oleh pihak pembangkang jugalah, KEADILAN, Ketua Pemuda KEADILAN, Ezam, maka sudah tentulah kita pihak yang berkuasa tidak boleh kata tidak ada. Dia mesti siasat semula. Takut sekiranya ada perkara-perkara baru yang dibangkitkan yang mungkin ada betulnya tentang yang didakwa itu. Tetapi, tentang perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan itu sudah didapati tidak ada kebetulan, kerana penyiasatan telah pun berjalan. Itu maksud saya. Saya percaya Yang Berhormat bagi BN semua faham apa yang saya maksudkan.

Beberapa Ahli: Faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Faham, yang tidak faham dia sahaja. Betul-betul macam unta di Mekah, duduk bertahun-tahun di Mekah, tidak boleh naik haji. Orang tunggang dia. Sila Yang Berhormat bagi Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih. Saya ingin berbalik kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Integriti. Saya melihat jawatankuasa ini sekarang ini lebih mengkhusus kepada kes pemberian kad pengenalan palsu kepada *foreigners* di Sabah. Seolah-olah menuju ke sana. Sedangkan ia seharusnya lebih kepada integriti. Satu, kemudian selepas saya membahas di Dewan pada minggu lalu, saya melihat keterangan yang diberikan oleh salah seorang yang dipanggil sebagai saksi dalam *Select Committee* tersebut, menyiarkan keterangannya itu di dalam *Malaysia Today* sekali lagi. Jadi ada dua perkara.

Satu, jawatankuasa tersebut harus tidak menzahirkan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa. Kedua, jawatankuasa juga harus menentukan siapa sahaja yang dipanggil untuk memberi keterangan dalam jawatankuasa tersebut harus juga tidak menzahirkan keterangan-keterangan di dalam mana-mana *news paper*, surat khabar ataupun dalam *blog*. Itu dua perkara kerana jawatankuasa ini berbeza dengan Jawatankuasa *Select Committee on CPC* yang lalu. Kerana CPC dia mencari cadangan-cadangan awam terhadap CPC. Mencari pandangan awam terhadap CPC. Tetapi, ketika sekarang ini apabila *Select Committee on Integrity* ini menjurus kepada kad pengenalan palsu di Sabah, ia melibatkan jika seseorang berkata bahawa dia ini terlibat dalam pembuatan kad pengenalan palsu, dia ada unsur jenayah yang seseorang boleh dikenakan tuduhan jenayah.

Sebab itu *evidence* yang dibuat dalam jawatankuasa ini haruslah tidak dizahirkan mana-mana pihak. Saya minta agar kerajaan melihat perkara hari ini kerana apa yang berlaku sekarang ini kita baca dalam *Malaysia Today*, kita baca dalam *Malaysia Kini*, kita baca laporan polis yang dibuat oleh doktor Jeffrey Kitingan ini menjurus kepada *evidence* keterangan yang didapati daripada *Select Committee*. So, dia harus ada *secrecy* kerana melibatkan unsur jenayah kepada seseorang yang tidak adil. Lebih-lebih lagi orang yang memberikan keterangan itu seorang muflis. So, *it's very unfair and* berlaku *injustice* kepada seseorang yang disebut di dalam nama, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Sebab itu saya merasakan itu bahawa...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, saya jawab dahulu. Sebab itu saya merasakan bahawa tugas untuk menyiasat tentang rasuah mestilah diserahkan kepada BPR, tugas untuk menyiasat jenayah bagi pada polis. Kalau tidak macam *Select Committee* ini akan digunakan oleh orang ramai. Dia tidak menipu, dia kata saya telah pun berjumpa dengan pihak *Select Committee* dan saya telah pun membangkit berkenaan dengan kes rasuah terhadap sebagai contoh CM Sabah dan sebaik sahaja dia berjumpa dia akan keluar dan bagi *press conference*. Ia tidak adil. Sebab itu kalau benda ini betul, bagilah kepada BPR dan kita tahu iaitu

bahawa di negeri Malaysia kita ini, kalau penyiasatan rasuah - BPR. Kalau penyiasatan jenayah - polis, bukan *Select Committee*. *Select Committee* cuma harus melihat tentang perkara yang telah pun ditentukan oleh *frame work* dia iaitu untuk cari jalan bagaimana mengadakan program-program dalam soal integriti, itu sahaja. Dia bukan *permanent Select Committee* untuk melihat tentang rasuah. Tidak boleh ada *parallel investigation in-house* seperti ini. Serahkan kepada BPR.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Mungkin kerana kehadiran pembangkang dalam *Select Committee* jadi begini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu dia ditunggang, digunakan oleh orang-orang seperti ini. Bekas penjenayah menggunakan pembangkang, itu sebenarnya. Pembangkang DAP bukan PAS.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point Of Order, Point Of Order*. Ini satu tuduhan yang serius dan liar dan saya harap dia tarik balik bahawa ahli-ahli pembangkang dalam Jawatankuasa Integriti digunakan oleh penjenayah. *I think that it is a very unfair statement and patut tarik balik selain daripada beliau ada bukti*. Selain daripada ada bukti dan kalau begitu kita pergi, *we go to committee privileges, you go I go, okey. We go*. Kalau tidak saya harap dia boleh tarik balik. Oleh kerana ini tidak benar, dan tidak berasas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau tidak benar tidak usah takutlah sebab saya dengar hujah daripada Yang Berhormat bagi Beluran yang mengatakan iaitu Jeffrey Kitingan ini bekas penjenayah, dia bekas orang salah. Jadi kalau betul Yang Berhormat sebut itu, betullah apa yang saya cakap. Kalau tidak betul, tidak betullah. Itu sahaja, kalau hendak pergi *Select Committee*, pergilah tidak ada masalah. Kita pergi sama-sama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bukan seorang sahaja itu tuduhan yang serius. Bahawa saya bertanggungjawab, bukan saya seorang sahaja, ada pengerusi, seorang menteri, ada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, adakah Yang Berhormat buat tuduhan Menteri digunakan oleh penjenayah...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Guna saya tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak cakap individu.... dia cakap parti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: bahawa Menteri Barisan Nasional digunakan oleh penjenayah? Adakah? Kalau tidak mahu tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cuma kata iaitu bahawa dalam hal ini yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Beluran bekas penjenayah, mungkinlah saya kata dia menggunakan pihak pembangkang yang ada. Macam juga dia tuduh saya, dia kata BPR guna saya. Apa pasal tuduh orang boleh, tuduh awak tidak boleh. Pirah.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa... saya kata penjenayah, dia kata penjenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab dia kata ... bagi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jabarhan....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Zabarhan penjenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagaimana dia boleh kata saya digunakan oleh penjenayah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak cakap Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak cakap pun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia cakap DAP.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak cakap, saya ingat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta dia tarik balik. Ini tidak berasas, Yang Berhormat mengakui digunakan oleh BPR, dia sendiri mengakui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak mengakui digunakan oleh penjenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua boleh menerima kalau dikatakan digunakan oleh penjenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak cakap Yang Berhormat, dia cakap DAP. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh adil dan menjelaskan perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, Yang Berhormat bawa saya ke *Select Committee*, saya tidak ada masalah. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai Jawatankuasa Integriti, supaya Jawatankuasa Integriti ini yang merupakan jawatankuasa di bawah Parlimen dan merupakan satu jawatankuasa bebas supaya ia lebih berfungsi mengenai integriti ini. Ada beberapa perkara yang perlu menteri yang berkenaan dengan Parlimen ini mengambil perhatian. Pertama sekali mengenai dengan *subjudice*, apabila kes ini dibincangkan ada pendapat *lawyer* yang ada dalam *committee* ini, setengah kata *subjudice*, setengah kata tidak *subjudice*.

Sepatutnya kita ada satu panel *lawyer* daripada Parlimen ini sendiri yang boleh menasihatkan kita sama ada *subjudice* atau tidak. Kalau ada panel *lawyer* daripada Parlimen ini sendiri, jawatankuasa ini tidak teragak-agak, sekali batal, sekali tidak batal. Jadi kalau boleh ambil perhatian ini supaya dapat dibentuk dan dilantik satu panel *lawyer* yang boleh memberi nasihat dari segi undang-undang kepada kami supaya tidak ada pertelagahan di antara *lawyer* yang ada dalam jawatankuasa itu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih. Ujian dia senang sahaja, kalau kes sedang berjalan di mahkamah kemudian *Select Committee* terdiri daripada *politician*, palsulah, ketua pembangkang, menteri, ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat. Kalau kes itu berada dalam mahkamah, kemudian dalam masa yang sama kes itu didengar oleh *Select Committee*. Dan *Select Committee* membuat keputusan bahawa orang itu tidak bersalah, saya rasa itu satu tekanan kepada hakim supaya membuat keputusan sama dengan apa yang telah ditentukan oleh *Select Committee*. Kalau itu ada, *subjudice* lah, sebab kita kena bagi kebebasan kepada hakim supaya tidak ada tekanan.

Saya percaya apa juga keputusan dibuat oleh *Select Committee*, sudah tentu akan menjadi tekanan kepada hakim, kebebasan dia secara sukarela untuk buat satu-satu keputusan. Sebab dia dah fikir, kalau saya buat keputusan melepaskan orang ini, macam mana *Select Committee* dah kata dia bersalah. Ha inilah masalah yang dihadapi oleh hakim, kalau ada pengaruh tekanan itu, saya rasa itu adalah *subjudice*. Jadi pada pandangan saya, saya rasa hakim akan berada dalam keadaan yang serba salah kalau *Select Committee* sudah membuat keputusan dalam perkara yang ada di hadapan dia. Itu saya punya pandanganlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Subjudice* ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul tidak betul, *subjudice* itu saya tidak tahu tapi saya rasa hakim akan menerima tekanan kerana yang membuat keputusan ialah *Select Committee* terdiri daripada orang-orang yang dipilih oleh rakyat, mewakili suara rakyat, dan mereka berhak membuat keputusan untuk rakyat, jadi dia mesti ada tekanan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya begini

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak saya tidak apalah, ini pandangan saya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Supaya kalau boleh dilantik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak perlu, sebab Ahli Parlimen orang yang bijak, orang yang buat undang-undang, dia tahu

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak semua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak semua pun tidak apa tapi sekurang-kurangnya boleh fikir iaitu kalau kita buat keputusan, ini akan memberi tekanan kepada hakim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, 36(2) pun ada peraturan, peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai *subjudice*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya ada pandangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ada pandangan, saya ada pandangan. Tapi pada hari ini

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha ini *subjudice*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh sebab mengenai dan kita

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payahlah, kita boleh *argue* ini sampai jadi tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat pindah ke tajuk lainlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh sebab mustahak bahawa satu tafsiran mengenai *subjudice* yang tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi oleh sebab itu Betul tidak betul tidak mengapa tapi sebenarnya memberi kebebasan kepada hakim supaya dia merasa tidak tertekan untuk membuat keputusan dalam hal yang sama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: tapi ilustrasi yang digunakan tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Contoh tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payah, *you* punya pandangan / tidak pakai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Bad influence and bad advice*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa pengaruh? Pengaruh jahat ke, pengaruh baik tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak patut.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang lain setuju kan pendapat saya? Setuju, dah habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Pindah ke tajuk lainlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mempersoalkan mengapa BPR tidak mengambil tindakan terhadap ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sebelum, sebelum.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, sekejap lagi. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor persoalkan mengapa BPR tidak mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat Dato' Seri Osu Sukam yang memiliki kekayaan yang luar biasa berjudi dengan nilai sebanyak RM158.7 juta. Kalah sebanyak RM31.6 juta dan berhutang sebanyak RM7.1 juta dengan sebuah kasino di London. Untuk makluman Yang Berhormat, BPR sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan yang dibuat ke atas bekas Ketua Menteri Sabah itu. Siasatan turut tertumpu ke atas nilai harta luar biasa sebagaimana yang didakwa. Namun begitu, seperti Yang Berhormat sedia maklum Seksyen 21(4) Akta Pencegah Rasuah 1997 tidak membenarkan kita untuk menceritakan perkembangan kes ini tapi siasatan sedang dijalankan.

Berhubung pandangan Yang Berhormat bagi Labuan dan Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang berita yang sering terpampang di dada-dada akhbar mengenai pesalah rasuah yang belum

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Habis ini saya bagi. Saya bagi, saya bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mengenai *Select Committee*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mengenai pesalah rasuah yang belum disabit kesalahan. Berhubung pandangan Yang Berhormat bagi Labuan dan Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang berita yang sering terpampang di dada akhbar mengenai pesalah rasuah yang belum disabit kesalahannya telah menggugat kedudukan dan maruah seseorang dan menggesa agar Akta Pencegah Rasuah 1997 dikaji semula supaya tidak disalah gunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau orang yang berkepentingan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang mengkaji semula peruntukan dalam APR 1997 yang dikatakan boleh disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menjejaskan kedudukan dan maruah mana-mana individu.

Sebab itu dari awal lagi telah ditegaskan supaya isu rasuah janganlah di canang-canang seolah-olah amalan rasuah telah berlaku sehingga siasatan diselesaikan. Inilah kesannya apabila seseorang itu terpaksa menghadapi *trial* dan media dengan izin sedangkan beliau belum tentu bersalah. Apabila kerap diulang-ulang dan dipolitikkan, implikasinya bukan sahaja ke atas

individu terbabit bahkan akan memberi kesan langsung terhadap persepsi masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap kesungguhan kerajaan membanteras rasuah.

Berkenaan teguran Yang Berhormat berhubung kes-kes siasatan yang belum dipastikan kesalahannya tetapi telah dipaparkan di akhbar-akhbar seperti yang telah dikatakan tadi, amalan kita di negara Malaysia adalah kita ini adalah *innocent until proven guilty* dengan izin. Dan kita tidak mengamalkan media dan *public prosecution* dengan izin. Pegawai-pegawai BPR amat berhati-hati mengenai perkara ini kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk merahsiakan butir-butir siasatan sebagaimana kehendak Seksyen 21(4) Akta Pencegah Rasuah 1997.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya tidak setuju tentang pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi bahawa semua pendengaran dalam *Select Committee* itu harus tutup pintu. Saya sebenarnya di *Select Committee Penal Code* dan CPC, kami juga *practice* tutup pintu kerana kalau kita lihat *Select Committee hearing* di parlimen-parlimen di negara lain, semua mereka terbuka untuk media dan bagi orang ramai untuk datang. Jadi kenapa Parlimen kita *practice closed door hearing* dalam *Select Committee*? Juga kita lihat macam Condolezza Rice, bila dia disoal oleh kongres Amerika Syarikat atas isu serangan Iraq, yang *hearing* itu sebenarnya *live telecast*, so seluruh dunia boleh lihat bagaimana dia jawab semua soalan daripada *congress man*, *congress woman* di Amerika Syarikat. Jadi saya hanya menyeru kita adalah *first world* Parlimen, Parlimen Malaysia, kita haruslah juga *practice open door hearing* bagi semua *Select Committee* di Parlimen.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, bincanglah. Saya sudah cakap tadi, itu terpulang kepada Ahli *Select Committee* lah, apa mereka mahu, tak akan saya hendak mengajar pula. Dia beri pandangan dia, janganlah salahkan dia ya. *You* buat *your own* keputusanlah, tidak ada masalah.

Berhubung indeks persepsi rasuah yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan perwujudan Suruhanjaya Diraja mengenai rasuah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Tuaran, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Diraja mengenai rasuah. Hanya disebabkan kedudukan negara dalam *Transparency International Corrupcy Perception Index* merosot. Tambahan pula tidak ada asas yang kukuh untuk berbuat demikian. *Corruption Perception Index* dibuat berdasarkan hasil pengumpulan kajian oleh pelbagai pihak terutamanya soal selidik yang dijalankan ke atas ahli-ahli perniagaan luar negara. CPI hanya mengkhususkan kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara dan bukannya berdasarkan realiti tahap rasuah di negara ini. Sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi, Tan Sri Ramon Navaratnam setuju mengakui terdapat kelemahan.

Berdasarkan CPI 2006, daripada 43 negara yang berada di kedudukan lebih baik dari Malaysia, hanya Singapura, Hong Kong, Jepun, Taiwan dan Korea Selatan sahaja yang mengguna bilangan kajian yang sama dengan Malaysia iaitu sembilan kajian. Dan memang negeri ini, memang kita rasa mereka tahap lebih tinggi dan sama-sama cuba mendapat skor yang sama.

■ 1530

Tetapi negara ini sahaja yang ada sembilan kajian. Kebanyakan negara yang berada di tahap yang terbaik menggunakan skor tujuh kajian, kalau lebih 30% di kedudukan yang lebih baik, Malaysia mengguna antara enam kajian. Adakah boleh disamakan persepsi rasuah terhadap Malaysia yang menggunakan sembilan kajian dengan negara-negara seperti Oman, Bhutan dan Macau yang menggunakan hanya tiga kajian. Ini bermakna *Transparency International* tidak membuat kajian secara khusus tetapi membuat kajian bersandarkan kajian-kajian yang dijalankan oleh pihak lain sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh Profesor Johan Graf Lambsdorff, pengkaji yang bertanggungjawab menyediakan indeks CPI tersebut. Dengan izin, dia berkata,

“The CPI is mainly a poll of polls, reflecting the perceptions of business people and risk analysts who have been surveyed in a variety of ways”

Yang Berhormat seharusnya mengambil kira dapatan atau *finding* dalam *Global Corruption Barometer* yang dikeluarkan oleh NGO yang sama....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Di mana apabila ditanya, dengan izin, *in the past twelve months, have you or anyone living in your household paid a bribe in any form?* Hanya 3% sahaja responden daripada 1,250 rakyat Malaysia yang mengaku pernah mempunyai pengalaman tersebut. Peratusan yang rendah ini hampir setaraf dengan negara-negara yang berada di kedudukan sepuluh terbaik dalam CPI. Bahkan pengalaman mereka terlibat dalam rasuah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negara Luxemburg - kedudukan 11, Hong Kong – 15 dan Chile – 20. Oleh itu, faktor turun naik CPI tidak ada kaitan dengan tambahan keanggotaan dan juga kewangan BPR, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, nampaknya Yang Berhormat Menteri dan kerajaan tidak mahu cari kenapa ada kejatuhan *Corruption Perceptions Index*, sama ada *Transparency International* atau *Political and Economic Risk Consultancy Survey* (PERC). Kenapa dalam 12 tahun Malaysia yang menduduki tempat ke 23 pada 1995, sudah jatuh ke 44 pada 2006 dan dengan kes-kes yang begitu banyak mengenai korupsi yang muncul tanpa tindakan yang memuaskan. Mungkin dalam tahun ini, 50 tahun ulang tahun kemerdekaan, kita

mungkin boleh jatuh sehingga 50. Kenapa kita mahu cari sebab *Transparency International*, CPI ada satu masa diterima oleh kerajaan sebagai satu *benchmark* yang boleh digunakan.

Sebab itu di dalam *National Integrity Plan* ada satu matlamat bahawa Malaysia dalam lima tahun, 2004 sehingga 2008 iaitu tahun depan, kita akan memperbaiki kedudukan daripada nombor 37 pada 2004 itu kepada sekurang-kurangnya nombor 30. Kenapa sekarang keluar hujah-hujah yang nampaknya mempertikaikan ini? Adakah benar bahawa sekarang kerajaan mahu mengetepikan matlamat *National Integrity Plan* itu? Menolak matlamat sendiri bahawa tahun depan boleh sekurang-kurangnya mencapai tangga ke 30. Walhal mungkin kita mencapai nombor 50 atau sebaliknya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita kena cari sebab kerana Ketua Pembangkang menuduh kita jatuh kerana kita tidak ikhtiar. Itu tidak betul. Kita buat kerja, macam-macam kita buat tetapi kita jatuh juga, mesti kita cari sebabnya. Rakyat perlu diberitahu, mengapa? Di antara sebabnya ialah kerana ada negara macam Oman dan Bhutan, ujian yang dibuat hanya tiga sahaja. *We have to go through nine* ujian, jadi tidak samalah. Walau bagaimanapun, tetap kita akan lawan rasuah. Ia tidak akan mengurangkan kita punya kesungguhan. Cuma Yang Berhormat sahaja yang mengharap supaya kita jatuh. Kita buat bagus, dia harap kita jatuh juga sebab kalau tidak dia tidak ada modal dalam Dewan untuk bercakap. *[Disorak]*

Jadi sebab itu saya kena beritahu juga. Orang akan bertanya, apa lagi ini, kerajaan buat, yang kena tangkap sudah ditangkap tetapi jatuh juga. Jadi kita kena cari apa sebab boleh berlaku demikian. Apabila kita cari, rupanya ada pelbagai kaedah. Tetapi tidak mengapa, sememangnya oleh kerana seperti yang 'UM' punya wakil kata, tidak ada indeks yang lain, ini sahaja yang boleh kita pegang buat masa ini, kita gunalah CPI. Ia tidak akan mengurangkan kita punya kesungguhan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya hendak pergi kepada hakim sebab saya ingat Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tunggu lama, duduk lama. Kita pergi kepada soal hakim...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, dia tidak bagi jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak bagi jalan, ya. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tunggu lama, kesian pada dia. Daripada pagi tadi saya tahu dia duduk mendengar tentang perkara ini. Berhubung dakwaan Yang Berhormat bagi Gelugor bahawa baru-baru ini Ketua Hakim Negara dilaporkan di dalam akhbar *The Star* menyatakan terdapat hakim-hakim yang menerima rasuah, sebenarnya ucapan tersebut dibuat semasa pelantikan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman dan ia merupakan nasihat kepada mereka supaya tidak

terlibat dengan gejala rasuah. Dia tidak kata rasuah. Saya ada ucapan di sini dan Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sudah habis Yang Berhormat boleh tanya. Dia tidak menyatakan ada hakim yang menerima rasuah. Namun sekiranya kalau ada hakim menerima rasuah, buatlah laporan kepada BPR. Sehubungan itu, penubuhan suruhanjaya seperti yang dicadangkan tidak perlu memandangkan peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi. Ucapan penuh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara tersebut boleh diperoleh di laman web Mahkamah Persekutuan di www.kehakiman.gov.my. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak ada masa, saya boleh bagi ucapannya sebentar lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan. Ketua Hakim Negara ada menyatakan dengan tepat di dalam *The Star*, "*he also hit out at judges who accept bribes.*" Bukan itu sahaja, dia ada menyatakan mengenai taraf yang rendah sekarang bagi hakim-hakim di dalam kehakiman. Apa yang dikatakan olehnya, ada satu sebab atas mana, "*an independent commission for the promotion rather than appointment and promotion of judges is required.*" Apa yang dikatakan oleh Ketua Hakim Negara ada dilaporkan dengan tepat. Tidak ada apa-apa daripada Ketua Hakim Negara untuk menafikan apa yang ada dilaporkan sampai sekarang. Bolehkah saya mendapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala surat khabar sudah menjadi satu kelaziman mirip kepada sensasi. Dan ini juga saya hendak beritahu pada suatu ketika dahulu pun pihak pembangkang, Ketua Pembangkang ada marah kepada surat khabar kerana mengeluarkan kenyataan melaporkan sesuatu yang dia sendiri tidak kata. Saya sendiri pun kenyataan-kenyataan yang saya buat tetapi dilaporkan di dalam surat khabar berbeza, saya sudah tidak layan, hendak beritahu mereka *I was misquoted* atau apa. Sebab surat khabar dia kata itu.

Jadi dalam hal ini kalau kita hendak tengok, kalau Yang Berhormat kata *The Star* betul, mungkin tidak betul sebab *The Star* melaporkan mengikut apa yang dia kata dia lapor. Tetapi ucapan saya sendiri apabila Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bangkitkan perkara ini, saya terus telefon kepada pejabat CJ dan saya minta ucapan beliau sebab saya kata perkara ini telah dibangkitkan di dalam Dewan dan saya kena jawab, betulkah CJ kata mengakui bahawa ada. Dia kata, tidak ada. Jadi, *I stand by what he had said*, dengan izin, dan Yang Berhormat boleh seperti yang saya sebut tadi rujuk kepada *website* itu untuk melihat ucapan beliau. Jadi, itu jawapan saya pada hari ini kerana saya hanya boleh melaporkan apa yang disampaikan kepada saya.

Berhubung dakwaan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tentang pelantikan hakim yang ada tidak telus. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem pelantikan para hakim adalah mengikut Perkara 122 (b) dan 123 Perlembagaan Persekutuan yang antara lainya memperuntukkan keperluan Yang Berhormat Perdana Menteri berunding dengan Ketua Hakim Negara sebelum menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai pelantikan hakim. Yang di-Pertuan Agong juga berunding dengan Majlis Raja-raja. Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi juga Yang Berhormat perlu berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak selain dengan Ketua Hakim Negara.

■ 1540

Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai kelayakan-kelayakan untuk menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi adalah wajib dipersetujui sebelum seseorang dilantik menjadi hakim. Oleh itu jelas proses yang diamalkan sekarang cukup telus dan bertanggungjawab. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Selepas saya habis ini, tanya.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan mengapa Hakim Besar Malaya tidak dilantik walaupun Yang Arif Tan Sri Dato' Siti Norma binti Yaakob telah bersara pada 5 Januari 2007. Yang Berhormat juga mencadangkan agar suatu perubahan terhadap sistem pelantikan kehakiman dilaksanakan untuk memastikan ketelusan dalam proses pelantikan hakim. Mengenai perkara pelantikan Hakim Besar Malaya, ia adalah sedang dalam tindakan. Pada ketika ini walau tiada satu beban yang tetap dalam pemilihan calon-calon yang sesuai Ketua Hakim Negara sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu.

Pelantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim adalah dibuat berasaskan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Prinsip-prinsip Asas Kebebasan Kehakiman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Prinsip 10 menggariskan beberapa prinsip berhubung teras amalan pelantikan hakim-hakim sebagai panduan. Adalah amat jelas bahawa sistem yang sedia ada semenjak 50 tahun yang lalu adalah sesuai dan berkesan di negara ini. Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman pada masa ini dan sistem yang sedia ada hendaklah di pertahankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Adakah peruntukan dalam Perlembagaan khasnya dalam Perkara 123B ada diikuti apabila seseorang dilantik sebagai hakim. Dalam kes Dr. Badariah Sahamid seorang daripada akademia, tidak ada langsung apa-apa pengalaman sebagai seorang peguam atau sebagai majistret atau dalam *legal service*. Satu keperluan dalam Perkara 123B adalah seseorang yang ada 10 tahun dalam *active practice* atau

dalam *judicial or the legal service*, dengan izin. Adakah dalam kes Dr. Badariah Sahamid peruntukan dalam 123B ada diikuti? Adakah lantikannya sah mengikut Perkara 123B?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara di sini. Pertamanya *precedent*. Suatu masa dulu kita pernah melantik seorang akademia untuk menjadi seorang hakim. Saya pun lupa namanya, Prof...

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Prof. Visusinadurai.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Prof Visusinadurai. Dia telah dilantik dan ada *precedent* dan dia tidak dibantah pada ketika itu. Itu pertama, *precedentnya*. Kedua, mengikut interpretasi kita berkenaan dengan soal perlembagaan ini, 10 tahun itu dikenakan bagi mereka yang pertamanya kalau dia *practicing lawyer* dia mesti ada 10 tahun pengalaman sebagai seorang peguam bela atau peguam cara. Bagi mereka yang dalam *legal service*, dia mesti ada 10 tahun *service* dalam *legal service*. Tapi dia tidak sebut tentang akademia.

Jadi sebab itu interpretasi kita ialah soal 10 tahun itu tidak dikenakan kepada seseorang yang tidak menjadi peguam bela atau peguam negara ataupun yang bekerja di *legal service*. Dia tidak kena 10 tahun. Jadi sebab itu pada interpretasi kita maka pelantikan ini adalah tidak menyalahi Perlembagaan. Cuma kalau dia jadi *practicing lawyer less than 10 years*, dia tidak boleh jadi. Kalau dia di *legal service less than 10 years*, dia tidak boleh jadi. Itu interpretasi yang dibuat dalam melantik akademia ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah saya dapat siapa yang membuat interpretasi itu? Apa yang ada dalam Perkara 123B adalah tepat tidak ada apa-apa yang lain. Itu bermakna apa yang terpakai adalah apa yang ada dalam Perkara 123B, bukan apa-apa yang lain. Tidakkah ada dikatakan di sana seorang daripada akademia boleh dilantik sebagai hakim?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ia ada dua interpretasi. Satu, kalau tidak melarangkan maka tidak masuk dalam itu. Jadi seorang yang mempunyai *qualification* tinggi, dia *doctorate in law*, sudah tentu dia ada pemahaman tentang undang-undang. Maka dalam Perlembagaan dia tidak dihalang untuk menjadi seorang hakim, maka tidak menjadi satu perkara yang tidak dibolehkan kalau dia dilantik, melainkan kalau disebut tidak boleh, tidak bolehlah. Itu interpretasi yang dibuat dan seperti mana yang saya sebut *precedentnya* sebelum ini ada dibuat dan tidak ada bantahan, ini menunjukkan bahawa perkara itu tidak menyalahi Perlembagaan. Jadi, itu terpulanglah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Apa yang penting *precedent* atau apa yang ada dalam Perlembagaan? Perlembagaan menjadi undang-undang yang utama dalam negara ini. Tidak ada di mana-mana seorang yang daripada akademia boleh dilantik. Jika ada satu *precedent*, tidak ada bantahan itu bermakna bagi pihak kerajaan apa yang dibuat adalah sah.

Ini adalah perkara yang serius kerana seorang hakim, seorang *judicial commissioner*, dengan izin, ada dalam tangan dia. Satu *jurisdiction powers* yang luas ke atas nyawa seseorang pun ada dalam tangan dia. Ini satu perkara yang tidak boleh *dismissed out of him*. Jika keputusan yang ada dibuat oleh seorang hakim yang tidak dilantik mengikut Perlembagaan itu menjadikan semua keputusannya tidak sah. Bolehkah saya dapat penjelasan yang baik, bukan penjelasan yang diberikan tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik atau tidak baik itu pandangan masing-masing. Dalam hal ini kalau Yang Berhormat tidak bersetuju boleh bangkit perkara ini - boleh ditanya dalam mahkamah. Perkara ini bukan tidak tahu, isu-isu berkenaan dengan Perlembagaan, kalau melanggar Perlembagaan ia boleh di bawa ke mahkamah untuk mendapat interpretasi yang tepat oleh mahkamah. Tidak ada masalah. Kita tidak akan menghalang. Tetapi pada waktu ini oleh kerana tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang yang berkelulusan dalam undang-undang dihalang daripada menjadi hakim, kita kira itu tidak menjadi masalah. Jadi, kalau Yang Berhormat merasakan ia masalah boleh perkara ini ditanyakan dalam mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang sama, saya ada bangkitkan semasa ucapan. Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai pelantikan seorang *judicial commissioner* yang tidak ada *qualification* yang spesifik, yang mengatakan bahawa perlu mengamalkan sebagai seorang peguam bela atau peguam cara sekurang-kurangnya 10 tahun. Akan tetapi pelantikan ini nampaknya satu yang tidak mengikut undang-undang.

Yang menjadi masalahnya ialah pertama, kita ada satu lebih kurang *precedent* di Mahkamah Perusahaan di mana dua pelantikan Pengerusi Mahkamah Perusahaan di mana tidak ada kelayakan yang lebih kurang sama di mana jurusan mereka adalah peguam tetapi kurang dari tujuh tahun dan kes itu telah di bawa dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Di mana Mahkamah Persekutuan telah membuat satu keputusan bahawa mereka tidak ada kelayakan mengikut undang-undang dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Keadaan yang sama juga di sini. Macam mana perkara ini berlaku dan apakah interpretasi yang digunakan dalam interpretasi *mischief rule* dan *ejusdem generis* dan sebagainya. Saya rasa akan menunjukkan bahawa pelantikan ini adalah satu pelantikan yang silap dibuat dan *we will be a laughing stock* di kalangan orang ramai dan *foreign investors*. Di mana seseorang hakim dilantik sewenang-wenangnya oleh kerana pihak kerajaan ingin pelantikan ini dibuat. Walhal dia tidak ada *qualification* yang kena ataupun terikat dengan undang-undang.

Macam kalau *argument* Yang Berhormat Menteri boleh diguna pakai bermakna sesiapa jugalah boleh dilantik. *I think this is against common sense and logic.*

■ 1550

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya ingat bagi hakim Mahkamah Industri ini, ia ada akta sendiri yang berbeza daripada pelantikan hakim di Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Jadi saya rasa boleh saya bagi jawapan kepada Yang Berhormat sebab pelantikan mahkamah industri, ia berbeza sedikit. Saya akan bagi *detail* kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh Yang Berhormat habiskan..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kemudian saya ingat ini bukan satu perkara yang luar biasa. Saya rasa macam di Singapura, saya rasa Singapura kalau tidak silap saya, *Chief Justice* yang sekarang ataupun dahulu datang daripada academia. Negara Singapura kita semua tahu merupakan tempat yang mana ramai orang sanggup pergi melabur di sana memandangkan di antaranya mereka merasakan bahawa Mahkamah Singapura itu mutunya baik, dan kalau tidak silap saya sijilnya daripada academia. Jadi untuk merasakan kita bimbang orang daripada academia itu tidak faham dan dapat tidak menjalankan tugas dengan baik, saya rasa kebimbangan itu adalah tidak benar. Kerana di Singapura, amalan ini adalah amalan biasa. *It's not, I don't think, dengan izin, Singapura is the laughing stock for the judiciary.*

Kemudian Yang Berhormat, berkenaan dengan pelantikan. Saya sebut dalam semua jawapan saya, saya kata, mereka yang berkelulusan undang-undang. Saya tidak kata semua orang. Doktor boleh jadi hakim, *engineer* boleh jadi hakim, tidak saya kata orang yang ada kelulusan undang-undang. Tidak kiralah sama ada dia *practise law* ke, dia di *legal service* ke, dia dari academia ke, ada kelulusan undang-undang dia boleh jadi hakim. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan bab kehakiman sahaja. Yang lain itu, saya rasa saya boleh bagi jawapan yang bertulis kerana Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Saya belum habis. Saya hendak habiskan kehakiman dahulu. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan agar satu kajian perlu dilakukan terhadap *Judge Code of Ethics*, di mana beliau berpendapat terdapat tiga kelemahan iaitu tiada mekanisme untuk orang awam membuat laporan, tidak dapat bertindak dengan komprehensif berhubung dengan kontroversi dan skandal berkaitan kehakiman, dan bagaimana tindakan diambil ke atas Ketua Hakim Negara jika beliau melanggar kod ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya terdapat mekanisme bagi orang awam membuat laporan iaitu melalui Unit Pengaduan Awam, Badan Kehakiman, Badan Pencegah Rasuah, Biro Pengaduan Awam, pihak polis dan sebagainya. Bagi menangani salah laku hakim pula, terdapat

peruntukan yang komprehensif dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga kod etika hakim, jika berlakunya keadaan tersebut, maka ia bolehlah digunakan. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan...Ini sangat mustahak. Oleh sebab *Code of Ethics* digubal oleh bekas Ketua Hakim Tun Mohd. Eusoff Chin, tetapi...[disampuk]. ...sendiri langgar *Code of Ethic* itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Number one culprit.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, *number one culprit* dan sebab itu selepas beliau bersara ada Tun Dzaidin dan selepas dia Ketua Hakim sekarang Tun Fairuz ada buat satu jaminan bahawa *Code of Ethics* ini akan direvamp dan akan dapat pandangan-pandangan *stakeholders*. Tetapi sampai sekarang sudah tiga tahun. Nampaknya ini sudah dilupai. Ini *Code of Ethics* sangat mustahak oleh sebab ada termaktub dalam Perlembagaan. Ada permintaan dalam Perlembagaan sebagai satu asas untuk menentukan, untuk memastikan *integrity*, *independence* dan *impartiality* hakim-hakim, dan sampai sekarang keyakinan orang ramai sama ada negara atau *international* belum dipulihkan mengenai *integrity of the judiciary in Malaysia*. Kenapa begitu lama? *What has happened?* Adakah ini dilupakan? *Forgotten? Already forgotten, throw it into the basket.* Kenapa belum direvamp? Apa hasil, ada *stakeholders* ditanya, *Bar Council* ada didapatkan pandangan? Semua orang ramai *civil society* ditanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *What has happened? What has happened to the revamp code of ethics? Or the judicial code of ethics?* Dan kedua, mengenai kompelin. Di negara-negara *first world*, *judicial conduct* mustahak. Apabila ada kompelin oleh orang ramai, ada satu Badan untuk siasat. Ini *transparancet*. Kita tahu ada siasatan diadakan. Kenapa kita tidak ada mekanisme? BPR, pihak polis? Itu *external* kepada mekanisme mengenai *wrongful conduct in proper conduct of judiciary*. Tidak boleh disebut. Satu mekanisme sendiri mengenai *code of ethics judicial*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang *Code of Ethics* ini saya akan minta maklumat yang *detail* lah daripada *CJ* kita sebab Yang Berhormat baru bangkit perkara ini. Jadi saya akan..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... tapi okey, mana boleh dapat...?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak jawapan betul ke...?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: .. *written explanation?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tentang perkara ini saya boleh bangkit, dan Yang Berhormat boleh bangkitkan di dalam Dewan pada masa-masa yang lain. Kita boleh bahas tentang perkara ini, ya. Tetapi setakat ini saya tidak boleh bagi jawapan sebab saya tidak ada, kerana Yang Berhormat bangkit perkara yang baru ini. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*. Ya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti, saya hendak habis *paragraf*. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mencadangkan agar kerajaan membuat siasatan terhadap aduan yang dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia, iaitu Dato' Syed Ahmad Iddid bin Syed Abdullah Iddid berkenaan dengan 33 kes salah laku hakim-hakim. Yang Berhormat Kubang Kerian ada? Tadi ada. BPR ada menerima maklumat ini. Ini cerita lama ya mengenai dakwaan salah laku tersebut dan telah menjalankan siasatan. Semua kenyataan saksi, dokumen dan bahan bukti berhubung dengan kes tersebut telah diambil untuk melengkapkan siasatan BPR. Setelah keseluruhan keterangan dipertimbangkan, didapati tiada bukti kesalahan dilakukan dan kes telah ditutup oleh pihak Jabatan Peguam Negara.

Yang Berhormat Kubang Kerian mencadangkan agar satu suruhanjaya ditubuhkan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah dengan melibatkan Mahkamah Sivill dan mendakwa jika kerajaan tidak mengambil tindakan segera, ia akan menyebabkan Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan diperlekehkan oleh masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam mengatasi isu-isu yang ditimbulkan oleh kes-kes seperti Moorthy dan Rayappan kerajaan telah mengarahkan Jabatan Peguam Negara mengkaji isu-isu tersebut dengan mendalam termasuklah dengan mendapat input dari pelbagai pihak. Sebarang cadangan seperti penubuhan satu suruhanjaya akan dipertimbangkan. Sekiranya cadangan itu didapati sesuai dalam konteks isu yang ingin diselesaikan. Tidak dapat dinafikan bahawa kes seperti Moorthy dan Rayappan telah membangkitkan pelbagai isu sensitif yang memerlukan persefahaman jitu antara kaum. Sekiranya ingin diselesaikan buat selama-lamanya. Ini sudah tentunya mengambil masa.

Sehubungan dengan ini, kerajaan tidak akan mengambil langkah terburu-buru atau menyegerakan sesuatu keputusan semata-mata atas tekanan politik pihak pembangkang seperti yang cuba dilakukan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Kerajaan tidak bersetuju bahawa Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan akan diperlekehkan oleh masyarakat sekiranya tindakan segera tidak diambil. Kerajaan telah menyatakan dengan jelas bahawa kerajaan tidak akan meminda Artikel 121 ataupun 121A dan kerajaan percaya bahawa pendirian ini diterima oleh masyarakat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Apabila pindaan kepada Artikel 121A ialah dengan tujuan untuk membela hak orang Muslim mengenai hak mereka bagi *Syariah Court*. Tetapi bukan menafikan hak bukan Islam bahawa ditentukan, diadili dengan cara mereka. Tetapi sekarang apa yang berlaku ialah 121A ditafsirkan sebagai satu langkah di mana hak-hak rakyat bukan Islam bahawa tidak perlu untuk diadili, tidak boleh diadili oleh *Syariah Court* yang ada

dalam Perlembagaan, dihakis. Bagaimana ini boleh dibetulkan selain daripada satu pindaan kepada Perlembagaan. Bukan untuk menjejaskan hak-hak orang Muslim. Di adili oleh *Syariah Court* tetapi untuk mempertahankan, membela hak-hak bukan orang Muslim dalam *Civil Court* ini. Bukankah ini perlu diadakan dan sebenarnya kalau saya tidak silap itulah dikandungi dalam Memorandum 9 daripada 10 orang menteri bukan Islam tetapi dipaksa untuk ditarik balik, ditolak. Bukankah masa sudah sampai untuk perkara ini dikemukakan semula, ditimbang semula oleh Kabinet esok supaya satu pindaan dibuat di Parlimen bukan untuk menjejaskan hak-hak orang Muslim, tetapi untuk mempertahankan hak-hak bukan Muslim?

■ 1600

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu Yang Berhormat kata, tapi orang Muslim tidak percaya Yang Berhormat. Sebab itu jangan duduk fikir sebelah pihak benda ini sudah ada. Jadi untuk dipinda itu anggapkan oleh orang Islam, bahawa ianya akan mengambil hak mereka. Jadi sebab itu benda ini sensitif tidak semudah seperti mana Yang Berhormat bangkitkan. Kalau saya percaya, Yang Berhormat cakap ini, orang Islam yakin sudah lama kita sudah boleh buat dah.

Tapi seperti mana saya sebut, ini satu perkara yang cukup sensitif kita terpaksa meniti suasana ini dengan berhati-hati supaya tidak akan berlaku satu keadaan yang mana akan menyebabkan perkara yang tidak diinginkan akan berlaku dan benda ini ialah benda *real*. Sebab itu kita telah mengarah kepada pihak Peguam Negara untuk beliau mengadakan perjumpaan, perbincangan dengan semua *stakeholders*. Termasuk ketua-ketua daripada agama lain duduk memikirkan bagaimana satu macam suruhanjaya diwujudkan untuk menyelesaikan masalah tanpa kita melakukan apa-apa tindakan yang boleh dipandang sebagai menguntungkan satu pihak dan merugi satu pihak yang lain.

Saya faham Yang Berhormat cakap ini tidak akan merugikan orang-orang Islam. Tapi soalnya adakah orang Islam percaya dengan apa Yang Berhormat sebut itu? Kalau mereka percaya, kita tidak ada masalah tidak ada sebab. Tapi soalnya saya sendiri dalam kawasan parlimen saya, saya sebut apabila perkara ini bangkit, orang-orang Islam telah berjumpa ketua-ketuanya dengan saya mereka mengatakan bahawa mereka tidak mahu melihat 121 ini di pinda.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian seorang pembangkang daripada Parti PAS bangun bercakap juga tidak boleh tunduk untuk meminda 121. Jadi ini satu perkara yang cukup sensitif dan kita, seperti yang saya sebut mesti meniti dengan berhati-hati. Kerana kita tidak mahu satu perkara yang tidak diinginkan itu berlaku di negara kita dan sebagai kerajaan kita bertanggungjawab untuk memastikan ia dapat diselesai dengan cara yang paling terbaik sekali. Yang Berhormat, berilah peluang saya jawab. *[Merujuk kepada seorang Ahli Yang Berhormat]* Satu *paragraph* lepas itu boleh tanya.

Yang Berhormat bagi Ipoh timur dan Tanjong membangkitkan isu kebajikan penganut bukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dan mengatakan bahawa kesukaran penganut

bukan Islam mendapatkan hak mereka satu ketidakadilan kerana hak mereka jelas termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama telah berjaya mengekal perpaduan dan keharmonian dengan mengiktiraf hak seseorang untuk menganuti dan mengamalkan agamanya menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Walaupun kebebasan beragama adalah satu-satu aspek dari hak yang dijamin oleh Perlembagaan, hak ini bukanlah suatu yang mutlak. Dalam hal ini mana-mana kumpulan agama yang menguruskan hal ehwal agamanya hendaklah memastikan bahawa kebebasan tersebut tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral. Perkara ini diperuntukkan dengan jelas dalam Fasa 5 Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan memupuk kesefahaman toleransi dan perhubungan harmoni di kalangan rakyat di negara ini.

Perkara 3 (11), 12 dan 121 (1A) dan jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan atas dasar tolak ansur dan kerjasama antara kaum di Malaysia dan dengan demikian telah menjadi *social contract* dengan izin yang mesti dihormati dan dipatuhi semua rakyat di negara ini. Hasil daripada dasar tolak ansur dan kerjasama inilah membolehkan negara kita mencapai kemerdekaan. Muafakat ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, aman dan damai. Oleh itu dasar ini perlu dikekalkan. Isu yang di bangkitkan dalam kes Sharmala, Shubsini, Murthi, Anthony Rayapan dan Lina Joy adalah berkaitan dengan penukaran agama iaitu daripada agama bukan Islam kepada Islam dan daripada Islam kepada agama bukan Islam.

Isu mengenai remedi ialah satu isu yang berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah. Dalam hal ini, bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di negara ini telah pun ditetapkan dengan jelas dan senarai satu dan dua jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Walaupun terdapat desakkan daripada pihak-pihak tertentu supaya bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dan peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dikaji semula berikutan kes Moorty. Namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pada 20 Januari 2006 bahawa peruntukan Perkara 121(1A) tersebut tidak akan dipinda. Justeru bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah menurut Perlembagaan Persekutuan adalah kekal.

Berdasar keputusan dan beberapa kes Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan seperti Darlip Kaur lawan pegawai polis daerah, Balai Polis Daerah Bukit Mertajam 1992, Mat Hakim Lee lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1998, Susi Vikarsingh lawan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kedah 1999, Kamariah binti Ali lawan Kerajaan Negeri Kelantan 2002, Kariamal a/p Singahsani lawan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah

Persekutuan 2006 dan Saravanan a/l Tanggatoran lawan Subashini a/p Rajasingham 2007. Didapati mahkamah di negara ini telah secara konsisten memutuskan bahawa berdasarkan perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan Perkara mengenai pemeluk Islam dan keluar dari agama Islam berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa apa-apa undang-undang, tindakan pentadbiran dan dasar kerajaan bagi memastikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bahawa kebebasan beragama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dapat diamalkan secara aman, bertoleransi dan saling hormat-menghormati oleh setiap kepercayaan dan kaum di negara ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah merujuk kepada beberapa kes di mana keputusan telah dibuat. Tetapi anehnya dan hairan hingga hari ini ada beberapa kes yang telah dirujuk kepada mahkamah dan kes telah didengar dan keputusan kes belum dibuat. Apakah sebabnya terjadi? Macam satu kes Lina Joy di Mahkamah Persekutuan *has been urgent indefinitely*. Apakah sebab terlambat-lambat, keengganan Mahkamah Persekutuan untuk membuat keputusan?

Kedua adalah kes Moorty di mana dirayu di Mahkamah Rayuan. Di mana *written submission* telah diberi. Tahun dahulu bulan September sepatutnya keputusan dibuat sehingga sekarang belum membuat keputusan.

Ketiga adalah di mana Ketua Hakim Negara, saya telah membangkitkan perkara itu, di mana tidak datang ke hari pada hari Pembukaan Parlimen dan telah menghina Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah satu perkara yang serius dan apakah tindakan yang diambil dan apakah jawapan mengenai perkara tersebut?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ketua Hakim Negara ya. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sudah duduk dalam Dewan ini lama, ini bukan satu perkara yang baru berlaku. Di masa-masa yang lepas ada juga dalam pembukaan Parlimen, di mana CJ tidak dapat hadir disabitkan oleh kerana perkara yang lain yang telah pun ditentukan terlebih dahulu. Dalam kes ini CJ berada di Sabah kerana ada program yang telah pun ditentukan oleh sebelumnya tarikh pembukaan ini dibuat. Jadi sebab itu tidak merupakan kesalahan bagi CJ tidak dapat hadir atau menghina Dewan ini kerana sememangnya sebelum ini perkara ini pernah berlaku dan tidak pun dianggap sebagai menghina.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ini satu perkara yang sangat serius. Kerana keengganan Ketua Hakim Negara untuk berada di sini. Kerana kita ada satu Agong yang baru, *this a first big major official function* dan *constitution monarchy* yang ketua ini adalah Duli

Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Apa yang lebih mustahak daripada itu? *What the most important, praising matter for entertain Kota Kinabalu?* Sebenarnya untuk..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No. Even what ever it is dengan izin tidak ada yang lebih penting berada di sini. Beliau berpendapat, pandangan, I don't care. Parlimen is not very important. Dan ini dalam 50 tahun ini saya difahamkan ini kali pertama. Ini saya rasa ada satu perkara yang unik dan saya harap menteri don't try to protect him for a sake of protecting. Saya rasa ini satu penghinaan. Actually normal cases not put it committed. Satu perkara yang sangat serius. Agong datang, Perdana Menteri semua menteri-menteri datang. Lebih mustahak daripada menghadiri [Tepuk tangan] buku. Itu saya ada cakap dalam perbahasan saya. Buku itu menunjuk tertulis Yang Amat Arif dan isteri akan mengikut Ketua Pembangkang, Perdana Menteri untuk sarapan. What is more important? It is stated there. And this is dengan izin bukan satu perkara yang luar biasa, tiap-tiap tahun pada bulan Mac, akan ada pembukaan Parlimen dengan rasmi. What is the more important than this?*

■ 1610

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You caught by surprise?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No, I'm not caught by surprise. Sebab pertamanya...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri banyak lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat 4.30 boleh berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, sebelum itulah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Pertama, *I'm not caught by surprise* sebab Yang Berhormat, sebenarnya ada berlaku di mana pada hari tertentu yang memerlukan juga kehadiran CJ, CJ tidak dapat hadir. Itulah masalah. Kemudian keduanya, sehingga hari ini pun saya belum menerima satu pendaftaran rasa kemurkaan Yang di-Pertuan Agong tentang perkara ini. Dia tidak menyatakan terhina ataupun tersinggung sebab dia memahami bahawa kemungkinan ketidakhadiran itu disabitkan oleh kerana perkara yang telah terlebih dahulu diputuskan untuk dia hadir kerana kalau kesalahan itu pun, kalau dia tidak hadir segala persiapan telah pun dibuat.

Nanti Yang Berhormat juga akan bangkit mengatakan membazir wang dan macam-macam lagi. Pada hari itu pun yang datang adalah hakim-hakim yang senior dan tidak menjadikan perkara itu boleh membatalkan mesyuarat. Walau bagaimanapun saya ucap terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dalam hal ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Protokol, protokol.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, itu tepat, betullah. Tetapi dia tidak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *His training should make sure* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *...our basic retirement.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam mana saya sebut sebentar tadi maknanya sebelum ini pun pernah berlaku dan dia tidak merupakan satu yang dianggap sebagai satu penghinaan. Kalau langsung tidak ada hantar wakil itu mungkin boleh dikatakan sebagai memulau atau boikot kerana dia tidak menghantar wakil. Tetapi oleh sebab ada wakilnya hadir bersama, itu jelas menunjukkan bahawa tidak berbangkit soal penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong pada hari itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia ada masa pergi ke negeri China untuk pelajari sistem *justice* di sana. Dia ada masa *which is totally irrelevant* dengan konsep negara kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi macam saya sebut tadilah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pergi ke *all the countries* dengan izin, negeri China. Dia pergi banyak negeri kerana dia *retire very soon*. Tetapi bila kita punya Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong datang, dia tidak ada masa untuk datang. Saya rasa tindakan perlu diambil Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia pergi ke China bukan pada waktu masa kita mengadakan pembukaan itu. Pada hari itu dia berada di Sabah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, I think we must show him the our displeasure. I think it is very important.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak. Saya faham Yang Berhormat berasa tersinggung kerana Yang di-Pertuan Agong mungkin dianggap sedemikian tetapi tidak ada sebenarnya kesalahan yang dilakukan. Yang sebenarnya dari segi hendak ambil tindakan, hendak ambil tindakan apa? Tidak ada tindakan yang boleh diambil melainkan pada hari yang tertentu itu dia langsung tidak ada hantar mana-mana wakil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Berhubung dakwaan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tentang kelewatan pelantikan Ketua Hakim Besar Malaya menyebabkan pembaziran dan kes-kes mahkamah ditunda adalah tidak benar.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Sebenarnya tiada kes-kes mahkamah ditunda disebabkan jawatan Hakim Besar Malaya yang masih kosong. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Hakim Besar Malaya sedang diuruskan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya rakan saya telah menanya tadi mengenai kes Lina Joy. Kenapa keputusan dalam kes itu tidak diberi sampai ke hari ini? Bolehkah kami mendapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Inilah yang menunjukkan betapa sukar untuk mengambil satu keputusan yang dirasakan cukup sensitif. Saya mengakui bahawa ini perkara yang cukup sensitif. Jadi sebab itu, saya rasa bukan mudah untuk seseorang hakim di Mahkamah Persekutuan untuk duduk dan bincang tentang perkara ini. Sebab itu saya juga merasakan bahawa soal penukaran agama, keluar daripada agama, saya ingat ini bukan soal yang harus diselesaikan. Pada pandangan sayalah, soal *legality*. Saya rasa ini lebih merupakan soal emosi kerana sesuatu keputusan yang diambil itu akan sudah tentu mencetus perasaan sesuatu pihak. Jadi saya rasa inilah menyebabkan kelambatan, bukan sukar untuk mengambil keputusan ini. Sebab itu kita merasakan iaitu supaya

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah, nanti saya akan bagi. Kita mengarah kepada AG untuk memikirkan satu cara bagaimana perkara ini kita boleh selesaikan orang kata, *extra legal*. Ada yang mencadangkan supaya ada Mahkamah *Constitution*. Tetapi Mahkamah *Constitution* juga akan dihakimi oleh seorang manusia dan manusia itu sudah tentu akan *profess* satu-satu agama. Kalau dia ambil satu keputusan yang memihak kepada agama yang dia *profess*, nanti orang menganggap bahawa dia sudah didorong oleh emosi untuk mengambil keputusan memihak kepada agama yang dia *profess* sebagai agama dia.

Jadi ini merupakan satu perkara *extra legal* dan mungkin satu cara suruhanjaya seperti yang saya sebut tadi yang terdiri daripada ketua-ketua agama yang duduk di dalam suruhanjaya bersama-sama dengan mufti kah ataupun dengan sultan-sultan tertentu menjadi pengerusinya untuk menyelesaikan masalah agama ini. Jadi Yang Berhormat, ini satu perkara yang cukup sensitif dan saya berasa inilah yang menyebabkan mengapa... Hakim yang menghakimi ini pun juga dikenakan tekanan kalau membuat satu keputusan walaupun *legallynya* betul tetapi dari segi mungkin penerimaan masyarakat tertentu adalah sukar untuk diterima, juga akan mendatangkan masalah. Saya rasa satu hari nanti mereka terpaksa juga membuat keputusan tetapi bagilah masa sepenuh-penuhnya untuk mereka membuat keputusan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa ini bukan sahaja masalah *legal* sahaja. Kita tidak boleh pandang kepada sama ada ia adalah undang-undang sivil ataupun undang-undang syariah. Dengan ini, saya khasnya hendak tuju kepada kes Siti Fatimah ataupun dengan nama yang lain Revathi Suresh kerana dia adalah seorang Muslim. *She's born as Muslim* kerana ibu bapanya telah *convert*. Tetapi dia tidak pernah diberi ajaran Islam dan tidak pernah mempraktikkan Islam. Dia kahwin dengan seorang *Malaysian* Hindu dan dia sekarang mempunyai seorang anak berumur 15 bulan.

Jabatan Agama Islam Melaka telah menahannya. Saya tidak tahu adakah boleh menggunakan perkataan ini. Dia telah dihantar ke pusat pemulihan, anak dia juga diambil oleh pihak berkenaan dan sekarang sebuah keluarga tiga orang ahlinya telah dipisahkan. Kalau kita tidak mahu campur mana-mana undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa yang dibangkitkan tadi keputusan mahkamah bukan hakim, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya faham Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di sinilah saya hendak tunjukkan bahawa bukan apa-apa undang-undang atau mana-mana agama yang boleh menyelesaikan masalah seperti ini. Kalau *we take away* agama, *we just* pandang dari perspektif kemanusiaan. Saya rasa kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada orang tidak akan buat begini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya fahamlah. Dalam saya punya jawapan tadi pun saya sebut saya kata

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau boleh faham macam ini, apakah yang boleh dibuat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kata ini soal emosi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apakah yang boleh buat untuk kes ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi dalam hal masa yang sama dalam kes Yang Berhormat sebut sebentar tadi, dia memanglah maknanya ada kesukaran di sini. Tetapi kita juga kena ingat maknanya dalam kes Nyonya Tahir apabila dibawa ke Mahkamah Syariah dan telah pun ditunjukkan bukti akhirnya Nyonya Tahir telah pun diserahkan kepada keluarga dia kerana dia tidak pernah mengamalkan agama Islam walaupun dia seorang etnik Melayu Islam.

■ 1620

Juga macam kes A. Rayapan apabila dilihat iaitu bahawa mengikut pendaftaran kad pengenalannya, dia bukan seorang Islam maka serah balik. Sebab itu saya kata ada kes yang memihak, ada yang tidak memihak. Jadi ini merupakan bukan satu perkara yang mudah untuk kita atasi. Sebab itu kita menunggu keputusan daripada Peguam Negara untuk buat keputusan dalam perkara ini dan saya percaya dengan keputusan yang dibuat nanti, apa juga cadangan dibawa ke jemaah menteri dan jemaah menteri terdiri daripada berbilang kaum dan agama dan terdiri daripada orang Islam yang juga sederhana yang memahami tentang keadilan Islam, saya percaya satu keputusan yang akan diambil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada 10 minit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Jadi saya pergi kepada perkara yang lain. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat membangkit isu pelantikan Ketua Pendaftar Kehakiman yang baru. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan seseorang individu ke

jawatan Ketua Pendaftar adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Ia dilantik berasaskan merit dan keupayaan seseorang individu untuk memegang jawatan tersebut.

Dalam kes Puan Zabariah, beliau telah memegang jawatan sebagai Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dan bukannya sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Manakala Encik Ahmad Tharirudin bin Mohd. Salim menjalankan tugas-tugas Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Pertukaran Puan Zabariah sebagai Hakim Sesyen di Mahkamah Sesyen Shah Alam adalah sebagai Hakim Kanan di Mahkamah tersebut dan berada di gred yang sama iaitu Jusa C. Proses pertukaran pegawai-pegawai adalah merupakan perkara biasa dalam perkhidmatan kehakiman.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan isu berkaitan undang-undang sivil dan syariah dan menggesa kerajaan mewujudkan kaedah agar isu pertindihan perundangan antara sivil dan syariah dapat diselesaikan dengan secara harmoni dan adil.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengarahkan Jabatan Peguam Negara untuk menjalankan kajian berkenaan dengan isu...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawablah. Minta maaf, Yang Berhormat. Tinggal beberapa minit sahaja lagi ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk menjalankan kajian berkenaan dengan isu yang berbangkit daripada penceraian pasangan bukan Islam apabila salah seorang daripada mereka memeluk agama Islam. Jabatan itu telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah segera untuk membentuk satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada beberapa orang tokoh perundangan sivil dan syariah, para mufti dan wakil daripada agensi kerajaan, badan berkanun, parti politik serta pertubuhan bukan kerajaan untuk sama-sama membincangkannya.

Antara agensi kerajaan dan badan berkanun yang terlibat ialah JAKIM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, manakala pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat dalam jawatankuasa ini ialah Muafakat, Movement For A Just World (JUST), Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh dan Muslim Professional Forum Berhad.

Jabatan Peguam Negara telah mengkaji pandangan dan maklum balas yang diberikan oleh anggota-anggota jawatankuasa tersebut. Setelah hasil kajian tersebut dimuktamadkan,

pindaan kepada Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan Dan Penceraian 1976, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 telah disediakan.

Tujuan pindaan ini adalah bagi memastikan kepentingan pihak-pihak yang memeluk agama Islam dan bukan Islam terjamin dari segi undang-undang dan isu mengenai pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Sivil dapat ditangani secara harmonis dan adil.

Berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bahawa kes mahkamah yang melibatkan R. Subashini dan A. Rayapan di mana orang bukan Islam dirujuk ke Mahkamah Syariah sebagai tanda-tanda pertama *extent Islamic Law to non muslim*, saya ingin menyatakan dengan jelas iaitu bahawa penghakiman bagi kes R. Subashini dan A. Rayapan bukanlah bermaksud untuk meluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah ke atas bukan Islam. Jauh sekali ya. Kita tidak akan benarkan perkara itu berlaku.

Berhubung dakwaan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bahawa wujud campur tangan politik yang melampau dalam kes Rayapan dan mempersoalkan kenapa jemaah menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan Peguam Negara menentukan agamanya, suka saya menjelaskan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar. Ketika mengarahkan Peguam Negara untuk mengkaji kes tersebut, faktor penting yang dipertimbangkan oleh jemaah menteri ialah satu penyelesaian kes yang segera tanpa mengetepikan prinsip-prinsip keadilan.

Keputusan menarik balik permohonan tuntutan jenazah yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor adalah berasaskan kepada fakta-fakta tambahan yang dikumpulkan. Selepas tuntutan itu difailkan, didapati bahawa si mati lebih menjurus kepada bukan beragama Islam. Tindakan yang diambil oleh MAIS melalui proses Mahkamah Syariah dan peruntukan undang-undang untuk menarik balik permohonan tersebut jelas menunjukkan Peguam Negara dan MAIS tidak pernah membelakangi Sistem Kehakiman Syariah negara ini.

Sememangnya kerajaan memandang berat isu ini. Sehubungan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan Peguam Negara untuk mengkaji masalah ini kali ketiga tersebut dengan terperinci, dengan penekanan kepada memberi keadilan kepada semua pihak termasuk keadilan kepada si mati.

Dalam kes Rayapan ini jelas menunjukkan iaitu bahawa dalam kad pengenalan dia, dia bukan Islam dan kad pengenalan itu sebenarnya ialah mengenal pasti siapa kita kerana dengan kad pengenalan itu kita boleh dapat pasport. Jadi kalau pasport boleh diterima oleh seluruh dunia, maka di Malaysia kita kena terimalah kad pengenalan. Kalau kad pengenalan itu kata dia bukan Islam, maka tidak ada sepatutnya pertikaian berlaku kerana sememangnya dia bukan Islam.

Sebab itu dalam kes A. Rayapan ini, tidak perlu pergi ke mahkamah. Ianya boleh diselesaikan dengan bukti-bukti yang ada. Sebab itu Perdana Menteri kata minta Peguam

Negara selesai dengan bukti-bukti yang ada dan bukti yang ada menunjukkan dia bukan Islam. Sebab itulah dalam hal ini, kes A. Rayapan, dia telah dikembalikan kepada keluarganya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, sedikit mengenai...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak habis ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah dengan jelas ini menunjukkan bahawa sesiapa yang memegang IC yang menunjukkan dia itu bukan beragama Islam...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, melainkan kalau sekiranya ada bukti yang lain...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Okay, that is fool proof.* Dengan itu, itu boleh diguna pakai untuk...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya nampak dalam kes Rayapan ini yang digunakan ialah kerana dalam kad pengenalannya mengatakan bahawa dia bukan Islam dan kemudian ada surat daripada tindakan yang diambil oleh JPN, surat daripada Rayapan sendiri yang mengatakan bahawa dia sudah keluar daripada Islam dan dia tidak mahu disebutkan dalam itu sebagai bukan Islam. Jadi kita tidak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi ini adalah satu kriteria yang boleh diguna pakai.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah. Itu sebab hendak tukar IC ini pun bukan mudah, bukan senang kerana IC ini mendapatkan kita pasport dan pasport diterima di seluruh dunia. Jadi kita gunakan apa kriteria yang ada di dalam IC *and we must reduce the anguish of the family.* Kalau dia kata dia bukan Islam, bukan Islamlah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa tidak mengizinkan, saya ingin menghabiskan dan saya akan memberikan jawapan yang lain yang tidak dijawab secara bertulis. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, saya punya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya masih tunggu jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata akan diberi secara bertulis. Yang Berhormat Menteri dari kawasan Besut sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Macam mana ini? Boleh saya tunggu satu hari. Sampai sekarang Yang Berhormat Menteri, dia sudah janji akan jawab saya di Dewan Rakyat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya janji tetapi kawan-kawan Yang Berhormat tanya banyak soalan dan saya minta maaf.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yalah, tetapi isu saya sama-sama penting dengan yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pun tunggu satu hari juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, Yang Berhormat Menteri jawab.

4.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja, khususnya menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam, sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Titah Diraja ini ada beberapa isu berkaitan agama Islam yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang ditimbulkan. Antaranya isu pertama, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah menimbulkan iaitu beliau ingin mengetahui bagaimana gagasan Islam Hadhari yang lahir daripada sistem sekular menurut beliau dapat dipraktikkan. Beliau menegaskan bahawa gagasan Islam Hadhari tidak dapat dilaksanakan kerana asas teorinya tidak mantap dan hanya retorik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja.

■ 1630

Tuan Yang di-Pertua, Islam Hadhari bukan anak kelahiran sistem sekular. Bahkan ia suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh berdasarkan kepada perspektif Tamadun Islam berasaskan kepada Al-Quran dan Sunah. Prinsip pertama pendekatan Islam Hadhari iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T sebagai teras utama kepada seseorang Islam dan kepercayaan kepada Tuhan dalam prinsip Rukun Negara kepada yang bukan Islam. Sekarang ini kerajaan telah melaksanakan Rancangan Strategik 5 Tahun pendekatan Islam Hadhari 2006 – 2010 yang telah disediakan oleh semua kementerian dan juga kerajaan negeri.

Pelaksanaan juga dapat dilihat menerusi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, pelaksanaan Program J-QAF di sekolah-sekolah kebangsaan untuk orang Islam, pelaksanaan Kempen Budi Bahasa dan juga lain-lain. Isu kedua yang juga telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Petra Jaya iaitu beliau menyatakan rakyat terutamanya wanita menaruh harapan ke atas pelaksanaan Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan yang

telah diluluskan oleh Parlimen. Sehubungan ini, beliau ingin mengetahui sama ada rang undang-undang tersebut sudah digazet dan bila ia akan dikuatkuasakan.

Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan pindaan 2005 telah dibentangkan dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 2005 dan Dewan Negara pada 22 Disember 2005. Dan rang undang-undang tersebut telah diwartakan pada 2 Februari 2006. Walau bagaimanapun, berikutan pandangan oleh banyak pihak yang mencadangkan penambahbaikan, maka Jabatan Peguam Negara telah diminta mengkaji semula akta tersebut. Setelah penambahbaikan terhadap akta tersebut dimuktamadkan, ia akan dibentangkan semula di Dewan yang mulia ini.

Isu ketiga iaitu Yang Berhormat daripada Ampang telah menimbulkan ataupun telah membangkitkan isu berkaitan penguatkuasaan perintah nafkah oleh bapa yang tidak bertanggungjawab. Penguatkuasaan yang tidak tegas menyebabkan bapa yang ingkar diambil tindakan hingga membebaskan bekas isteri yang ditinggalkan. Sehubungan ini, beliau mencadangkan agar ditubuhkan agensi penguatkuasaan khas nafkah anak oleh Kerajaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat daripada Ampang agar ditubuhkan agensi penguatkuasaan khas nafkah anak merupakan suatu cadangan yang baik. Namun begitu, kajian lebih mendalam perlu dibuat agar penubuhan agensi tersebut tepat dan berfungsi dengan betul. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sedang menjalankan satu kajian mengenai penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di seluruh negara iaitu kajian untuk tempoh 5 tahun 2001 sehingga 2005. Kajian ini telah bermula pada tahun 2006 dan dijangka siap pada akhir tahun ini.

Yang Berhormat daripada Ampang juga telah mencadangkan apabila sesuatu kes tuntutan yang boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah hendaklah dikeluarkan perintah memotong gaji ataupun pencen, membekukan wang KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), Tabung Pencen bagi pembiayaan nafkah isteri dan anak. Berkenaan dengan cadangan perintah pembayaran nafkah dibuat melalui potongan gaji, pencen dan lain-lain, Mahkamah Syariah telah pun melaksanakannya. Namun begitu, ia bergantung pada permohonan pihak-pihak yang terlibat. Isu keempat yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Petra Jaya, beliau mencadangkan agar JAKIM dapat mempergiatkan kursus seminar dan bengkel motivasi dengan memberi penekanan kepada konsep ibadah secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Petra Jaya. Pentingnya penekanan kepada ibadah secara menyeluruh kerana ia nya merupakan asas dalam agama Islam. Tugas atau kewajipan melaksanakan Islam secara syumul adalah kewajipan bersama semua pihak, termasuk kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi serta individu. Walau bagaimanapun, JAKIM telah melaksanakan ataupun memainkan peranannya sebagai agensi utama dalam mengepalai usaha tersebut dengan mempergiatkan kursus, seminar dan juga bengkel dengan penekanan kepada konsep ibadah

secara menyeluruh dalam Islam yang menekankan aktiviti dalaman dan luaran iaitu yang berbentuk fizikal dan spiritual.

Antara program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh JAKIM seperti Perkhemahan Ibadah dan juga Jati Diri, Kursus Bina Takwa, Dakwah Bilhal dan sebagainya. Seterusnya Yang Berhormat daripada Tanah Merah telah menimbulkan untuk mendapat penjelasan bahawa pendekatan baru yang harus diambil agar masjid tidak dilihat sebagai tempat ibadah sahaja sebaliknya beliau mencadangkan agar institusi masjid dijadikan sebagai tempat menuntut ilmu, pusat tuisyen atau pusat kegiatan ekonomi. Beliau turut mencadangkan agar dibina gerai, kedai dan sebagainya untuk memasarkan hasil-hasil orang Islam dan untuk pasaran barangan halal. Dengan ini masjid dapat memperoleh pendapatan dan sewaan ruang-ruang tersebut untuk tabung pengurusan masjid. Beliau turut mencadangkan agar masjid juga dijadikan sebagai pusat sosial dan kemasyarakatan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan dan cadangan Yang Berhormat dari Tanah Merah ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memartabatkan fungsi sebenar sesebuah masjid melalui pihak berkuasa agama negeri. Malah cadangan agar masjid dijadikan tempat menuntut ilmu dan program berbentuk kemasyarakatan telah pun wujud dan begitu mendapat sambutan ramai seperti penubuhan pusat pembangunan keluarga Islam, pusat pembangunan sosial, pusat tuisyen, pusat komputer, perpustakaan, pusat zakat dan sebagainya di sekitar kawasan masjid dan Insya Allah dari semasa ke semasa, ia akan diperhalusi serta dipertingkatkan lagi. Kerajaan melalui JAKIM juga sedang berusaha untuk menjadikan masjid pusat pembelajaran sepanjang hayat. Program perintis ini akan disediakan ataupun diadakan di Masjid Negara, Masjid Putrajaya dan Masjid Wilayah Persekutuan dengan kerjasama pihak Universiti Terbuka Malaysia.

Dato' Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Isu keenam yang telah dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat, pertama dari Larut dan juga daripada Petra Jaya.

Dato' Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ok.

Dato' Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan atas pandangan saya semasa perbahasan. Dan di sini, saya nampak tadi daripada jawapan menampakkan kesungguhan kerajaan dan saya nak tahu peranan JAKIM di dalam mempertingkatkan lagi kegunaan masjid dan daripada jawapan tadi, dikatakan bahawa tanggungjawab ini akan diserahkan kepada Majlis Agama Negeri masing-masing dan saya minta supaya pihak JAKIM iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia supaya mengambil perhatian yang sebaik mungkin supaya tidak diserahkan 100% kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan

cadangan-cadangan yang telah dibuat tadi dan mungkin peruntukan dan juga apa-apa bantuan daripada kerajaan pusat, boleh disalurkan kepada kerajaan negeri ataupun melalui institusi ataupun Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan di kawasan masing-masing. Apakah pihak JAKIM boleh mengambil pendekatan ini untuk memberi lebih lagi ramai lagi orang yang boleh membantu untuk merealisasikan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah beri ucapan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]: Merealisasikan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tanah Merah yang telah pun memberi satu reaksi yang baik terhadap apa yang telah saya sebut dalam penggulungan ini terhadap isu yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan mengimarahkan masjid.

■ 1640

Jadi dalam pengimarahkan masjid ini sebenarnya ada suatu - pernah suatu ketika dahulu dalam dua ke tiga bulan yang lepas diadakan suatu seminar ataupun persidangan untuk menghadharikan masjid-masjid dan Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan saya dalam mesyuarat Kabinet supaya cadangan-cadangan daripada persidangan tersebut dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan ataupun Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Di antaranya yang saya rasa hasil daripada apa yang telah pun diarahkan oleh Timbalan Perdana Menteri kepada saya iaitu untuk mewujudkan macam pengajian secara terbuka di masjid selain daripada pengajian biasa. Biasa adalah fardu ain yang diajar ataupun kelas-kelas yang telah diadakan di masjid-masjid dan selain daripada itu kita biasa juga dengan kelas-kelas seperti kuliah-kuliah subuh, kuliah maghrib dan macam-macam kuliah lagi diperkenalkan di masjid iaitu cara lebih serius lagi iaitu JAKIM telah mengadakan pertemuan dengan Naib Canselor Universiti Terbuka Malaysia supaya program-programnya dapat diadakan di masjid-masjid.

Sebagai perintis, iaitu kita telah kenal pasti tiga buah masjid iaitu Masjid Negara, Masjid Putrajaya dan juga Masjid Wilayah Persekutuan. Kita adakan kelas-kelas pada peringkat awal ini iaitu kelas-kelas Bahasa Inggeris bagi imam-imam, sebab imam-imam kita kalau hendak berkhotbah terpaksa juga menuturkan kalimah-kalimah atau beberapa kalimah atau istilah dalam Bahasa Inggeris takut nanti diketawakan oleh para jemaah. Maka dituturkan biarlah dengan menuturkan dengan betul.

Itu sebagai permulaan dan seterusnya kita akan adakan di peringkat yang lebih serius sedikit iaitu kursus pengurusan masjid bagi ...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti saya habiskan jawapan dahulu kemudian saya beri kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Kursus Pengurusan Masjid bagi pengerusi-pengerusi dan juga ahli jawatankuasa masjid. Kita akan adakan peluang bagi mereka bagaimana untuk menguruskan masjid supaya masjid dapat berfungsi dengan baik dalam masyarakat. Selepas itu dia mencadangkan sekiranya ada nanti sambutan yang baik, kita boleh adakan kursus-kursus di peringkat diploma atau ijazah dengan *Open University* ini.

Aktiviti masjid akan berfungsi dengan baik dan tujuan kerajaan untuk mengimarahkan masjid dan menghadharikan masjid itu dapat berjalan seperti direncanakan. Silakan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan pembelajaran yang telah dikatakan tadi bahawa masjid mengimarahkan ini sangat baik dan sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia tetapi terdapat masjid-masjid ini disalahgunakan

Umpamanya dari segi parti politik itu sendiri sehingga diwarnakan dengan warna hijau, lambang dan pagi-pagi lagi boleh menghimpit. Apakah tindakan oleh pihak kementerian terhadap masjid-masjid sebegini kerana terdapat salah guna kepada rakyat sehingga hendak masuk sembahyang pun dikatakan ini tempat politik bukannya masjid. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya pentadbiran masjid selain daripada Masjid Negara, atau tiga masjid besar di Wilayah Persekutuan ini letaknya di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam negeri-negeri, pada umumnya di bawah Majlis Agama Islam negeri-negeri dan dia ada enakmen, ada peraturan yang telah ditetapkan misalnya di antara perkara yang boleh saya sebut ialah bagaimana hendak membangunkan sesebuah masjid.

Dia ada peraturan dia, kena minta dengan majlis agama baru dapat kelulusan baru boleh didirikan masjid. Kemudian ada syarat-syarat dan ada peraturan-peraturan bagaimana pentadbiran dan pengurusan sesebuah masjid. Kuasa agama sebagaimana yang kita ketahui adalah kuasa kerajaan negeri.

Dalam perkara ini kita mintalah maknanya kalau ada sekiranya diamalkan sedemikian itu, kita boleh mendapat maklumat secara lebih terperinci dan tindakan sewajarnya boleh kita fikirkan untuk mereka. Sebab kita jadikan suatu dasar iaitu menjadikan masjid adalah zon yang aman untuk mereka daripada parti politik.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyebut di sini tentang dalam usaha hendak memastikan dan menjadikan konsep Hadhari itu global maka saya ingin menyebut dan mencadangkan sekali lagi di sini supaya institusi-institusi tempatan kita itu dapat diadakan program sebagaimana yang disebutkan sebagai *twinning* ataupun *link up*.

Misal kata, institusi-institusi pondok ataupun institusi-institusi keagamaan kita, kita ada hubungkan. Misal kata di Kota Paris, sudah ada institusi-institusi pengajian Islam yang sekarang ini dapat menarik kaum-kaum lain iaitu yang bersifat *multicultural* dan dapat mengait dan menarik penganut-penganut dan bangsa-bangsa dari keturunan yang bukan Islam.

Sekiranya sudah sampai ketikanya supaya kita dapat memasarkan, membuat promosi konsep Islam Hadhari ini di peringkat yang lebih global.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya setuju. Sebenarnya perluasan aktiviti pengimarahkan masjid itu perlu diperluaskan. Saya sebut tadi sebagai contoh sahaja beberapa aktiviti yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan dan saya rasa sudah tentu banyak sekali kalau kita lihat fungsi masjid dalam sejarah maknanya cukup hebat bagaimana Masjid Nabawi didirikan sebagai *centre* kegiatan orang Islam.

Begitu juga dilanjutkan dengan masjid-masjid yang lain dalam sejarah tamadun Islam. Tetapi walau bagaimanapun kerana perkembangan sejarah tamadun Islam itu kita katakan sejak zaman Abbasiyah wujudnya universiti secara berasingan daripada masjid, maka dikembangkan lah institusi itu secara berasingan.

Tetapi walau bagaimanapun beberapa ilmu yang tertentu saya rasa sangat wajar difikirkan supaya ia dapat dikembangkan dengan masjid. Ini berlaku sebenarnya dalam sejarah tamadun Islam seperti Masjid Amawi di Damsyik atau di 'Muscuss' di mana ia adalah merupakan pusat kegiatan dalam sejarah tamadun Islam ilmu-ilmu Islam berkembang di masjid tersebut.

Di Al-Azhar sebelum adanya universiti cara berasingan, Masjid Al-Azhar sebagai *centre* sebagai pusat kegiatan aktiviti-aktiviti keilmuan, bukan sahaja ilmu agama tetapi juga termasuk ilmu-ilmu sains dan juga teknologi. Saya rasa boleh kita perluaskan melihat sahajalah kepada kesesuaian masjid itu tetapi kalau masjidnya dalam serba kedaifan dan tidak sesuai prasarananya, saya rasa baik tak usahlah. Maknanya diadakan kalau saya rasa saya melihat di Wilayah Persekutuan banyak sekali masjid-masjid yang sesuai dan di negeri-negeri saya rasa masjid negeri sangat sesuai diperkembangkan aktiviti-aktiviti yang lebih menyeluruh dalam mengimarahkan terutama dalam mengembangkan ilmu pengetahuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Larut dan juga Petra Jaya telah menimbulkan dan juga telah membangkitkan isu berkenaan "Pameran Jin dan Syaitan" baru-baru ini di mana ia boleh menimbulkan kekeliruan dari segi agama. Seterusnya memohon agar kerajaan dan JAKIM mengambil tindakan proaktif untuk menanganinya agar rakyat di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan pameran-pameran yang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, JAKIM telah mengambil langkah proaktif dalam usaha mengambil tindakan ke atas pameran yang dimaksudkan dan beberapa pameran yang seumpamanya yang telah diadakan.

Sehubungan dengan itu muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 25 hingga 27 Julai 2006 di Sabah telah mengambil maklum dengan isu pameran ini dan memutuskan supaya kertas kajian yang jelas dan lebih terperinci dikemukakan untuk pertimbangan jawatankuasa fatwa. Biasanya dalam jawatankuasa fatwa dibincangkan isu-isu yang telah pun dibincangkan terlebih dahulu dalam kajian akidah.

■ 1650

Dia ada dua panel kajian di JAKIM. Pertama kajian akidah, yang kedua kajian syariah. Jadi biasanya apabila diputuskan dalam panel-panel tersebut maka kertas dibawa kepada jawatankuasa fatwa untuk diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JAKIM telah pun menyiapkan kertas mengenai pameran tersebut dan akan dibincangkan dalam mesyuarat fatwa yang akan diadakan di Terengganu pada 10 April 2007 ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay, silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya khusus berkaitan dengan pameran jin dan hantu itu. Sebenarnya sewaktu dipamerkan di Muzium Shah Alam paling ramai orang datang. Saya hanya hendak bertanya, Jawatankuasa Fatwa ini ada atau tidak dalam panel penapisan filem umpamanya. Saya tengok filem-filem di negara kita banyak yang menayangkan hal-hal berkaitan dengan hantu dan jin ini. Contohnya Puntianak Harum Sundal Malam, sangat popular dan ini saya lihat diikuti dengan penerbitan-penerbitan buku picisan yang ada dalam pasaran yang banyak mengisahkan dan menceritakan mengenai perkara-perkara ini dan menimbulkan minat yang begitu mendalam. Ada atau tidak pihak JAKIM ataupun pihak kementerian sendiri bahagian agama dalam panel ini yang seharusnya cuba bersama-sama memastikan unsur ini harus dikurangkan dan akhirnya harus ditiadakan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Sebenarnya JAKIM ada menganggotai jawatankuasa di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri iaitu badan penapis filem-filem dan sebagainya. Jadi beberapa garis panduan saya difahamkan diambil kira dalam perbincangannya ialah sejauh mana isu-isu ataupun filem-filem yang menayangkan khurafat ini, tahyul ataupun benda-benda yang boleh mengelirukan ini

disogokkan dalam filem-filem tersebut. Kalau sampai kepada satu tahap yang berbahaya itu mungkin tidak dibenarkan untuk tayangan umum.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Selain daripada itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Isu yang sama juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Samakah?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya, mengenai pameran. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ini mengenai pameran jin dan hantu di Negeri Sembilan ini. Saya tak tahu sejauh mana ia boleh memberi satu kesedaran dan kefahaman yang kita kaitkan dengan Islam Hadhari. Tetapi pada malam tadi saya ke Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan Labu kerana masalah yang tak selesai-selesai ini dan kebetulan mungkin di tahap yang memuncak saya melihat satu sekolah diserang histeria. Jangkitan daripada mungkin apa masalah pun saya tak tahu. Tapi mungkin tidak ada guru di sekolah ini yang tidak memahami makhluk-makhluk halus ini maka dikaitkan dengan semangat budak-budak ini lemah, budak ini dibawa dari kampung dengan berbagai-bagai latar belakang dan sebagainya.

Saya percaya mungkin unsur-unsur ini juga perlu ada kesedaran di antara masyarakat kita ini tentang adanya makhluk-makhluk halus tetapi sampai tidak membawa kepada unsur-unsur syirik. Terima kasih. Apa komen Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Cuma apa yang telah saya sebut tadi memberi jawapan terhadap apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Petra Jaya dan juga Yang Berhormat bagi Sabak Bernam iaitu satu isu yang ada kaitan juga dengan jawapan saya dalam penggulungan ini iaitu pandangan dan tindakan JAKIM terhadap perkara yang telah ditimbulkan iaitu pameran jin dan syaitan ini. Tapi saya tidak berbincang dari sudut pandangan Islam terhadapnya.

Saya minta apabila diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa nanti kita akan edarkan keputusan dalam jawatankuasa fatwa itu dan sebelum itu terserah kepada negeri-negeri untuk menggazetnya untuk menguatkuasakan apa yang diputuskan itu merupakan persetujuan bersama mufti-mufti di peringkat kebangsaan. Maka terserah kepada negeri-negeri untuk menguatkuasakan. Jadi negeri bawa balik kepada jawatankuasa fatwa negeri masing-masing. Kemudian selepas itu kalau sekiranya difikirkan untuk dikuatkuasakan maka dikuatkuasakan maka dilarang untuk negeri tersebut mengadakan pameran-pameran tersebut.

Jadi perbincangan tentang hantu dan syaitan ini pun saya rasa cukup menarik. Kalau cukup menarik saya rasa baik nanti apabila keputusan daripada jawatankuasa fatwa itu kita akan sebarkan kepada orang ramai dan saya rasa bolehlah menjadi kalau negeri-negeri yang memilih untuk menguatkuasakan sudah menjadi peraturan yang terpaksa ditangguh saya rasa tidak ada

lagi negeri yang menganjurkan pameran-pameran hantu seperti ini. Saya rasa pandangan awal saya terhadap pameran begini saya rasa ada lebih banyak keburukan. Itu pandangan saya secara peribadi daripada kebajikannya. Tapi walau bagaimanapun, ilmu dan pandangan Islam terhadap jin dan syaitan ini perlu diperjelaskan dengan cara yang lebih jelas.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas dalam isu yang ketujuh, tak ada ya. Beliau menggesa kerajaan agar bacaan khutbah di masjid-masjid tidak terlalu bergantung kepada teks-teks yang disediakan. Sebaliknya para pengkhutbah ataupun khatib seharusnya melibatkan para pemimpin masyarakat dan orang-orang yang berilmu untuk membaca khutbah. Dengan ini khutbah lebih menarik dan dapat menarik para pendengar untuk menghayatinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerajaan khususnya JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri iaitu JAIN sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme imam terutama teknik penyampaian khutbah secara berkualiti melalui kursus-kursus yang diadakan dari semasa ke semasa. Berhubung cadangan supaya khatib dipilih daripada para pemimpin masyarakat dan orang-orang yang berilmu bagi menarik minat para pendengar untuk lebih menghayati khutbah telah pun dilaksanakan cuma tidak secara menyeluruh. Hal ini dapat dilihat beberapa masjid yang mengundang tokoh-tokoh agama, pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua agensi kerajaan sebagai khatib menyampaikan khutbah.

Begitu juga pihak kerajaan melalui JAKIM berusaha ke arah mempelbagaikan golongan yang mampu menjadi khatib yang berkualiti melalui kempen menggalakkan masyarakat Islam menceburi bidang tertentu seperti bidang sains dan teknologi. Dalam mencapai tujuan ini JAKIM akan mengadakan kursus melatih para saintis yang mempunyai latar belakang pengajian agama Islam untuk menjadi khatib dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dengan terlaksananya apa yang telah dirancangkan itu dalam sedikit masa lagi diharapkan penyampaian khutbah pada masa akan datang lebih menarik lagi dalam berbagai-bagai bidang.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh iaitu isu yang kelapan, beliau telah menggesa agar akta logo halal segera dilaksanakan kerana rakyat sedang menantikannya. Tambahan pula kerajaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai *hub* halal serantau. Beliau turut menggesa supaya penggunaan logo halal dapat diseragamkan agar dapat memudahkan usaha domestik dan diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk menggubal akta khusus mengenai halal. Walau bagaimanapun, pindaan sedang dibuat terhadap Akta Perihal Dagangan 1972 bagi memberi kuasa yang lebih kepada JAKIM untuk menangani isu-isu berkaitan halal. Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri pada dasarnya telah bersetuju untuk menggunakan logo halal yang seragam di seluruh negara mulai 1 Januari 2008.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah menimbulkan isu yang kesembilan iaitu.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila kita hendak melaksanakan akta ini barangkali mengambil masa.

■ 1700

Oleh kerana *lead agency* dalam negara ini ialah JAKIM mengenai hal ehwal Islam, kita minta berunding dengan Akta Perihal Dagangan dalam negeri supaya lebih banyak menurunkan banyak kuasa kepada negeri-negeri melalui Jabatan Agama untuk menguatkuasakan kerana dia boleh menurun kuasa ini. Sebab masih ada keraguan banyak penyembelihan ayam terutamanya yang diragui di asrama-asrama sekolah dan sebagainya. Sebab itu saya minta supaya kuat kuasa (*enforcement*) diperhebat sebelum akta kita laksanakan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya bukan hendak memberi kuasa kepada kerajaan ataupun kepada agensi negeri iaitu Majlis Agama Islam ataupun Jabatan Agama Islam negeri. Sekarang ini isunya Perdana Menteri telah pun mengarahkan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang lepas, beliau telah meminta ataupun mengarahkan supaya menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri ini menyerahkan kuasa kepada pihak JAKIM untuk menyeragamkan logo halal.

Sebab sekarang ini yang berlaku ialah logo halal itu serupa. Tetapi adanya kod dalam misalnya kalau negeri Kelantan di dalamnya itu adanya kod nombor. Kemudian menimbulkan semacam keraguan daripada pihak pengguna. Ada yang tidak pakai kod kalau sekiranya dikeluarkan oleh JAKIM secara terus. Jadi perkara ini saya rasa telah pun dipersetujui oleh menteri-menteri besar kemudian melalui agensi Jabatan Agama dan Majlis Agama telah pun berusaha untuk menyerahkan dalam proses sekarang ini. Insya-Allah kalau segala-galanya berjalan, 1 Januari 2008, akan menggunakan satu logo sahaja iaitu logo halal JAKIM.

Cuma dari segi penguatkuasaan sebagaimana yang telah ditimbulkan tadi adalah penguatkuasaan ada pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kerjasama sama cukup erat iaitu pegawai-pegawai penguat kuasa ada sebahagian ada pada JAKIM telah diberi tambahan pegawai penguat kuasa dan JAKIM juga ditempatkan di negeri-negeri.

Kemudian Akta Perihal Dagangan ini sedang dipinda dan sedang diperhalusi oleh pihak peguam negara. Jadi untuk kalau sekarang ini, ini timbul masalah. Sekarang ini sesiapa boleh menggunakan logo halal. Kalau dia tiru logo halal JAKIM, boleh didakwa kerana pemalsuan. Tetapi kalau tulis logo halal sendiri, tidak boleh didakwa kalau sekiranya barang-barang yang disediakan itu halal. Kalau tidak halal, merupakan penipuan boleh didakwa di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Tetapi kita minta dalam pindaan semula Akta Perihal Dagangan yang

ada di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, hanya JAKIM mengeluarkan sijil halal. Orang lain tidak boleh. Jadi itu dipersetujui dalam Mesyuarat Ketua-ketua Menteri dan akan cuba diperhalusi kemudian akan dibawa pindaannya ke dalam Dewan Rakyat ini dan akan diluluskan, insya-Allah setelah kita berbincang.

Jadi supaya adanya semacam keselarasan. Maknanya JAKIM adalah satu-satunya agensi yang dibenarkan, tiba-tiba orang lain makna boleh juga mengeluarkan. Jadi ini akan bertambah baik lagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, mengenai logo halal ini, kita sudah bangkitkan beberapa kali dalam Dewan. Tetapi kita nampak logo halal ini masih lagi dijual di *supermarket*. Jadi kita sudah cadangkan dulu mungkin Jabatan Perdana Menteri atau JAKIM yang mengeluarkan logo halal. Sebab di Kuala Lumpur, di Sabah atau di tempat-tempat negeri lain pun kita nampak ada logo halal. Tetapi bila kita masuk, macam-macam dia jual. Kalau ada logo halal, sepatutnya benda-benda yang haram tidak ada seperti arak dan benda-benda yang memabukkan.

Jadi persoalannya sekarang, arak ini memang ditegah sebab ia memabukkan. Tetapi kalau tuak atau tapai di Sabah, belum nampak kita tahu benda ini diharamkan kerana belum tahu benda ini haram. Sebab orang kata ini belum lagi termasuk dalam kategori haram. Jadi kita minta kalau kita buat kajian halal haram termasuk benda-benda yang dibuat daripada umbut kelapa dan lain-lain yang memabukkan, ini memang haram. Benda yang memabukkan adalah haram.

Jadi kita minta supaya logo halal ini dikeluarkan oleh satu agensi. Kalau JAKIM, JAKIMlah. Bukanlah kita boleh beli di *supermarket* logo-logo ini sepertimana yang kita nampak sekarang. Di Kuala Lumpur ini banyak, kalau kita keliling tempat-tempat makanan Thai, dia ada logo halal. Tetapi di dalam sana, mungkin benda yang dijual benda yang halal tetapi apabila ia bukan disembelih oleh orang bukan Islam, ia bukan halal. Jadi kita minta JAKIM mungkin mempercepatkan supaya logo-logo ini dikeluarkan oleh satu agensi kerajaan sahaja. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Insya-Allah saya sudah berjanji tadi dan dengan kerjasama yang erat daripada negeri-negeri, 1 Januari 2008, hanya logo halal JAKIM sahaja dipakai jika dibandingkan dengan sekarang ini, logo halal negeri-negeri juga dipakai seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, logo-logo halal selain daripada jabatan-jabatan agama boleh juga dipakai kecuali apabila pindaan Akta Perihal Dagangan 1972 dibawa ke Parlimen dan dipersetujui nanti. Insya-Allah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tadi mendengar tentang logo halal ini tetapi

rasa saya pelik juga dalam sebuah negara Islam, kita terpaksa meletakkan logo halal untuk makan. Sepatutnya kita letak semuanya halal kecuali yang ada logo tidak halal.

Kalau di negara bukan Islam patutlah. Jadi kita seolah-olah mengurung diri kita sendiri kerana logo halal ini. Jadi kita mengongkong diri kita sendiri. Sepatutnya semua benda yang tidak halal pun kita letak logo tidak halal. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Penggunaan logo halal yang telah pun dilaksanakan sekarang ini adalah merupakan pilihan sahaja dan tidak diwajibkan. Tetapi kebanyakan syarikat-syarikat yang besar telah memohon untuk mendapatkan sijil halal JAKIM ataupun jabatan ataupun Majlis Agama Islam negeri-negeri kerana perniagaan untuk mendapatkan pelanggan-pelanggan ataupun untuk melariskan jualan, produk dan sebagainya.

Soal tidak mahu letak dan letak itu saya rasa sekarang ini adalah dalam batas dalam pilihan sahaja sama ada kalau tidak mahu pakai pun boleh. Tetapi takut nanti berebut-berebut premis-premis perniagaan ini untuk mendapat sijil halal, saya dimaklumkan sedemikian.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, sebenarnya bagi saya soal letak atau tidak letak, pilihan itu tidak bermain di kepala saya. Tetapi yang bermain di kepala saya ialah kenapa kita dalam sebuah negara Islam terpaksa mengongkong dan mewaswasakan diri kita terpaksa meletakkan logo halal. Sepatutnya semuanya halal, kalau kedai makan itu semua halal kecuali ditulis tidak halal. Sepatutnya kita memaksa logo tidak halal, bukan logo halal. Contohnya macam sekarang kasut, mungkin di kedai-kedai ada tulis. Semuanya tidak ada masalah kecuali ditulis '*pig's lining*', barulah betul. Itulah yang bermain di kepala saya. Mungkin atas sebab perniagaan tetapi kita telah mengongkong diri kita dalam satu keadaan di mana kita terpaksa pula menghalalkan dan menidakhalalkan. Itu yang bermain di kepala saya. Pilihan tidak ada masalah kerana kita negara Islam. Kalau di New York dan di Thailand patutlah kita ada logo halal sebab kita waswas. Kalau yang tidak ada di Indonesia dan sebagainya, tetapi kita di Malaysia dan kita mengatakan negara ini negara Islam. Minta pandangan Yang Berhormat.

■ 1710

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, terima kasih. Satu pandangan yang baik cuma saya menimbulkan masih menganggap ianya adalah penting kerana Malaysia hendak dijadikan sebagai hab halal antarabangsa. Jadi kita hendak mengeluarkan produk-produk kita ini ke peringkat antarabangsa. Saya rasa perlu diwujudkan sedemikian dan masih dalam peringkat pilihan lagi. Itu keputusan daripada Perdana Menteri dia kata tidak ada paksaan, sama ada hendak guna ke, tidak guna ke? Tetapi kebanyakan premis tempat-tempat mengeluarkan produk-produk ini memilih untuk mendapat status tadi.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Penjelasan. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat bagi Lipis itu ada kebenarannya sebab di kebanyakan negara-negara Islam tidak ada tanda halal ini. Jadi, sepatutnya tanda halal ini hanya kita letakkan di

produk-produk yang kita hendak eksport sahaja. Di Malaysia saya rasa tidak perlu kecuali tanda tidak halal diletakkan di kedai-kedai yang tidak halal. Jadi, seeloknya difikirkan jawatankuasa memikirkan perkara ini. Sebab lebih logik lagi. Sebab untuk keperluan eksport sahaja kita letak tanda halal. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tetapi, saya rasa masing-masing itu ada hujah, ada pandangan saya rasa boleh diperbincangkan lagi, mungkin dalam seminar dan sebagainya. Tetapi, saya tetap merasakan bahawa kedudukan Malaysia sebenarnya Malaysia mendahului negara-negara Islam lain dalam soal halal ini. Kalau kita pergi negara Arab dia tidak tahu pun macam kita pergi ke Syria, baru-baru ini dengan Perdana Menteri. Apabila Perdana Menteri hendak memperkenalkan produk halal ini, dia pun tercengang.

Dia pun tidak tahu maknanya macam mana. Sebab ini merupakan tradisional sahaja di sekitar negara-negara Arab, tetapi banyak negara Islam di dunia ini memuji langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia iaitu untuk memperkenalkan produk-produk halal ini dan Malaysia sebagai negara contoh maknanya dipuji di peringkat persidangan-persidangan. Pada bulan 6 nanti, Majma al-Fiqh al-Islami iaitu Akademi Fiqh Islam daripada macam Majlis Muzakarah Fatwa OIC negara OIC yang berpusat di Jeddah akan bermesyuarat selama lima hari di Kuala Lumpur dan mereka memilih Kuala Lumpur dan kita akan memberi taklimat kepada mereka bagaimana standard halal Malaysia yang telah pun diperkenalkan.

Selain daripada itu beberapa isu-isu yang lain berkaitan dengan penyembelihan sama ada dengan menggunakan *electrical stunning* ataupun *air stunning* dan juga lain-lain cuba diperkenalkan kepada mereka. Jadi, saya rasa lebih baik dikekalkan keadaan tadi jika dibandingkan dengan negara Arab, sebab negara Arab kebanyakannya bermazhab dengan lain daripada Mazhab Shafie. Kalau di negara kita soal makan ini Mazhab Shafie, agak lebih *reservanya* tinggi dan lebih menggunakan "*ikhhtiarti*" ataupun reservasinya terhadap penyembelihan. Jadi, kriteria yang dipakai oleh Malaysia itu biasanya dipakai oleh negara-negara Timur Tengah.

Jadi, saya berpandangan, tetapi perkara itu masih boleh dibincangkan lagilah. Tetapi kita menganggap bahawa ianya baik terutama Yang Berhormat tadi pun setuju untuk produk-produk yang dihantar di peringkat antarabangsa tetapi kita sudah biasa dengan lumrah dengan keadaan halal atau tidak halal itu saya rasa lebih baiklah dipakaikan terus makna keadaan tadi tidak timbul semacam kekalutan dalam pemikiran kita, masuk sendiri halal ke tidak halal.

Tetapi ada ayat Quran ke tidak ada ayat Quran ke ada macam-macam simbol-simbol, jadi lebih baik simbol yang kita sama-sama persetujui untuk memakainya di Malaysia supaya memudahkan orang dalam kita untuk... itu saya rasa pandangan secara.... Tuan Yang di-Pertua, isu yang kesembilan iaitu telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah, beliau mencadangkan supaya mewujudkan pusat tahfiz di seluruh negara di mana setiap kawasan Parlimen yang mempunyai Ahli Parlimen beragama Islam, di wujudkan sebuah pusat tahfiz.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini semua negeri di seluruh Malaysia telah mempunyai pusat tahfiz sendiri sama ada dikelolakan oleh pihak negeri atau pihak persendirian. Manakala di peringkat pusat, hanya terdapat satu pusat tahfiz iaitu Darul Quran di bawah JAKIM.

Penubuhan pusat tahfiz adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri. mana-mana orang atau pertubuhan yang ingin menubuhkan pusat tersebut hendaklah memohon melalui Jabatan Majlis Agama Islam negeri-negeri berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JAKIM telah menyelaras beberapa pusat tahfiz di negeri-negeri dalam usaha untuk menyeragamkan dari segi sukatan pelajaran, aktiviti pengajaran dan juga pembelajaran serta peperiksaan di pusat tahfiz di seluruh negara. Yang Berhormat bagi Gerik telah...

Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang diperkatakan tadi saya dapati JAKIM hanya menyelaras pusat-pusat tahfiz yang ada di setiap negeri. Hari ini saya rasa JAKIM kena mainkan peranan sebagaimana ia ditubuhkan Darul Quran yang sangat berjaya, yang sangat banyak mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar seluruh negara. Hari ini di bawah Kerajaan Persekutuan saya rasa di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia perlu diperkembangkan lagi pusat tahfiz ini secara terus ke negeri-negeri walaupun pada peringkat awalnya di setiap negeri mungkin saya cadangkan satu untuk setiap negeri untuk sebagaimana Darul Quran yang dibuat di Kuala Kubu. Saya berpendapat bahawa kita perlu imbangi masalah yang ada di dalam negara kita seperti masalah gejala sosial.

Hari ini pusat serenti ada 28, sedangkan Darul Quran ada satu sahaja daripada Kerajaan pusat. Di negeri-negeri di bawah kelolaan Kerajaan Negeri ada 15 pusat tahfiz yang didaftarkan dan saya rasa perlu kita perbanyakkan lagi untuk mengimbangi belia-belia supaya lebih menumpu kepada pelajaran agama dan juga memberi pendedahan kepada mereka ini supaya mengelakkan melakukan perkara-perkara yang negatif dan sudah pasti merosakkan diri, merosakkan masyarakat dan juga negara. Saya cadangkan kepada JAKIM, buat pendekatan supaya mewujudkan Darul Quran ini setiap negeri pada peringkat awal sebelum dipertimbangkan kepada setiap kawasan Parlimen, sekian terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Cadangan itu saya rasa boleh dipertimbangkan, boleh dibincangkan dan akan dikaji dari segi pelaksanaannya. Cuma suka saya menyatakan di sini sebagai maklumat tambahan, bukan maahad tahfiz sahaja berfungsi di negeri-negeri, selain daripada itu ada lagi sekolah-sekolah menengah agama. Kalau pihak Kementerian Pelajaran ada mempunyai SMKA yang juga mendapat sambutan baik daripada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka, sebab yang dididik di sekolah menengah kebangsaan agama ini diharapkan suatu masa nanti mereka akan dapat menjadi teknokrat yang baik ataupun ada beberapa konsep yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri untuk melahirkan *Ulul Albab* misalnya orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup sama ada di bidang profesional, sains dan teknologi. Selain daripada itu mereka juga mempunyai kemahiran dalam ilmu-ilmu

agama terutama Al-Quran. Jadi JAKIM telah mengambil satu inisiatif yang saya rasa telah mendahului negara-negara Islam yang lain iaitu mereka yang telah pun dipilih untuk mengikuti matrikulasi di UIAM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Mereka diberi peluang sebelum meneruskan pengajian mereka di peringkat matrikulasi. Mereka ditempatkan setahun atau setahun setengah di JAKIM Kuala Kubu untuk mereka menghafal al-Quran.

■ 1720

Mereka ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang sangat cerdas, yang mempunyai keputusan peperiksaan di peringkat SPM yang sangat baik. Jadi, mereka dilatih dan saya rasa sudah tiga, empat, lima peringkat telah pun tamat dan mereka diharapkan nanti akan menjadi profesional. Selain daripada itu mereka 'hufaz', mereka akan terus menghafal al-Quran.

Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Seperkara lagi saya hendak tahu, apakah peranan JAKIM untuk membantu pusat-pusat tahfiz persendirian kerana apa yang dilihat kebanyakan pusat-pusat tahfiz persendirian ini amatlah uzur dari segi kemudahannya, dari segi *syllabus* mungkin dan juga dari segi apa-apa keperluan yang sepatutnya. Sebagai negara Islam, kita kena letak pusat-pusat pengajian Islam ini di satu tahap yang tertinggi dan saya rasa JAKIM perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkembangkan agama Islam di negara kita. Bahkan sudah pasti akan memberi manfaat kepada negara kita apabila rakyatnya mempunyai ilmu, mempunyai keperibadian yang tinggi, menghafal al-Quran dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada lagi 8 minit.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ada satu isu sahaja lagi. Saya suka menyatakan di sini bahawa JAKIM ada bahagian khas, iaitu ada LEPAI bagi menangani, bagi membantu lembaga untuk membantu pendidikan Islam, iaitu sekolah-sekolah menengah agama rakyat, jadi kita bantu mereka dan termasuk juga maahad-maahad tahfiz ini. Kalau dikategorikan mereka menyenaraikan, mereka sebagai sekolah menengah agama rakyat kalau sekiranya mereka berdaftar dengan Majlis Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

Selain daripada itu, kalau hendak ikut sistem JAKIM ini kena ada SRP, kena ada PMR dan juga SPM, sebab mereka ini akan diiktiraf mempunyai diploma, setara dengan diploma apabila hendak menjawat jawatan kerajaan nanti. Jadi, sebab itulah JAKIM telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan bagi mereka supaya mereka menerima pakai *syllabus* daripada pihak Darul Quran ataupun Maahad Tahfiz JAKIM. Jadi, mereka terpaksa mengambil peperiksaan SPM, kemudian selepas itu barulah mereka meneruskan hafaz al-Quran ataupun sebelum mereka dianugerahkan diploma hafaz al-Quran JAKIM, sijil yang dikeluarkan oleh JAKIM, walaupun mereka belajar di Kelantan, mereka belajar di Terengganu dan juga di lain-lain negeri, mereka akan diberi sebagaimana peperiksaan PMR dan juga SPM.

Jadi, mereka ini diiktiraf sebenarnya dan diiktiraf untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dan untuk menjawat jawatan sebagai imam dan juga pegawai agama Islam di negeri-negeri adalah mempunyai satu skim yang dianggap sebagai skim peringkat diploma. Jadi, yang lain-lain yang tidak memakai sistem kita ini saya rasa dari segi pengiktirafan itu tidak dapat diiktiraf oleh pihak JPA.

Saya rasa boleh saya teruskan yang isu.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nanti sebelum pergi, ada saya hendak tambah sedikit. Pasir Puteh.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik tadi, *twinning exam* yang dibuat oleh JAKIM antara Darul Quran seluruh negara sudah berjaya. Cuma minta pemantauan. Oleh kerana *twinning exam* ini kadang-kadang ia tidak menghalusi kurikulum, ia lebih ke *syllabus* dia lagi. Jadi, kita hendak supaya kualiti itu diberi pengawasan ketat.

Yang keduanya, saya fikir oleh kerana JAKIM ini terlalu lama Darul Quran ini telah pun diberi pengiktirafan diploma oleh kerajaan, kita wujudkan satu lagi anjakan paradigma tetapi memang sudah ada di Darul Quran iaitu Akademik Taranum. Sebab banyak di kalangan OIC berminat hendak antar pada kita. Akademik Taranum yang benar-benar boleh melahirkan para qari, qariah yang boleh semua lagu sampai ke -. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, beliau juga sudah begitu lama di JAKIM dan sebahagiannya saya rasa dia lebih tahu, lebih banyak daripada saya tentang JAKIM sebab itulah dia membuat cadangan-cadangan yang bernas dan kita akan ambil perhatian terhadap taranum ini untuk melahirkan qari dan qariah yang berkualiti semasa majlis Tilawah al-Quran Peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Gerik, itu yang kesepuluh. Beliau telah memuji pengurusan Lembaga Tabung Haji...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ini isu yang terakhirlah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya ringkas sahaja. Beliau telah memuji pengurusan Lembaga Tabung Haji, beliau mencadangkan agar Lembaga Tabung Haji mengeluarkan sijil kepada mereka yang telah menunaikan haji seperti mana sijil yang diberi kepada mereka yang telah menghadiri seminar-seminar lain. Tidak patutlah. Maknanya, kalau Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya sangat menghargai sanjungan tinggi Yang Berhormat bagi Gerik ke atas perkhidmatan Tabung Haji dalam musim haji. Begitu juga cadangan beliau

supaya Tabung Haji mengeluarkan sijil selepas ibadah haji adalah satu cadangan yang positif dan wajar dipertimbangkan. Insya-Allah saya akan cuba mengarahkan Lembaga Tabung Haji supaya mengeluarkan pada haji yang lepaslah, maknanya haji-haji yang berikutnya tidak payahlah. Kena pergi semulalah.

Jadi, haji yang lepas kalau boleh dipersetujui kita akan cuba mengirim sijil-sijil mereka. Sebab hujah daripada Ahli Yang Berhormat bagi Gerik, katanya seminar pergi sehari pun dapat sijil. Ini pergi 40 hari pun tidak dapat apa-apa. Jadi, sekurang-kurangnya dia boleh gantung juga di rumahnya. Ini baru diperakui. Tetapi kita tidak tahu siapa yang tandatangani. *[Ketawa]* Menteri tandatangani. Tidak tahulah, kita tengok nanti dari segi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh tanya sikit. Saya hendak tambah sedikit apabila Yang Berhormat sebut.....

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ... berkenaan dengan Tabung Haji mereka yang hendak ke Mekah, menunaikan haji. Sama ada masalah yang timbul berhubung dengan mendapatkan visa. Sudah dilihat dan dalam penghantaran jemaah haji kita, bakal haji kita di musim yang akan datang. Ini kerana berlaku banyak kali orang hendak buat kenduri, sudah hendak pergi, sudah hantar, tiba-tiba tidak boleh hendak pergi.

Sebab yang terbaru ini, itu yang sudah berlaku Yang Berhormat, pengalaman. Ada orang mengadu pada kita. Kita faham ini adalah tanggungjawab kerajaan Arab Saudi. Tetapi yang terbaru ini, yang hendak ke Umrah sekarang pun sudah timbul masalah. 1,000 terkandas mungkin barangkali lebih. Saya difahamkan termasuk kakitangan TV3. Kakitangan TV3 baru-baru ini saya difahamkan hendak menunaikan Umrah melalui *TH Travel*, anak syarikat Tabung Haji dan barangkali juga ejen-ejen lain menghadapi masalah untuk mendapatkan visa dan saya rasa ini pertama kali berlaku.

Jadi, di dalam pujian yang diberikan tadi, saya pun bersetujulah kerana pengurusan Tabung Haji, kita tidak nafikan, telah mengambil langkah-langkah terbaru dengan pengalaman yang kita alami ini untuk kita pastikan masalah ini tidak berulang balik untuk musim haji yang akan datang. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat bagi Larut yang telah menimbulkan isu yang saya rasa sangat hangat dibicarakan dalam akhbar dua, tiga hari yang lepas sehinggalah pagi tadi Perdana Menteri telah mengarahkan saya untuk selesaikan masalah ini secepat mungkin. Dan, alhamdulillah telah selesai, maknanya suka saya menyatakan di sini perkara ini telah pun selesai dan Insya-Allah akan berjalan seperti biasa, cuma perlu dijelaskan di sini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa urusan Umrah, urusan Haji memang tugas Lembaga Tabung Haji, urusan umrah Lembaga Urusan Tabung Haji tidak menguruskannya. Cuma kita kebetulan ada TH, ia bagi peluang berniaga tetapi diuruskan oleh Kementerian Pelancongan sebenarnya.

Tetapi kerana sudah sebut haji dan umrah, nampak Tabung Haji, tidak apalah. Maknanya kita pun mengambil tanggungjawab sekiranya ada masalah. Kalau tidak ada masalah teruslah Kementerian Pelancongan yang mendaftar sekarang ini di sekitar 25 *travel agent* yang menguruskan soal umrah.

Di antara, satu, Tabung Haji pun ada *TH travel*.

■ 1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Boleh gulung?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh. Sikit sahaja hendak jelaskan takut tersangkut nanti, salah faham pula. Dia kata tidak selesai kes ini. Kes ini kes yang terakhir, boleh seminit dua lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kemudian, masalah umrah ini kerana apa yang telah ditimbulkan oleh surat-surat khabar mengatakan soal keselamatan di Mekah diperketat. Sebenarnya apabila pegawai saya tadi pergi berjumpa dengan duta - saya arahkan dia supaya pergi jumpa dengan TYT Duta Besar Arab Saudi di Malaysia, beliau begitu kesal sekali.

Sebenarnya kesnya ialah ada satu syarikat di Malaysia yang telah menggunakan kesempatan untuk dikenakan bayarannya lebih dulu iaitu dia telah mendahului orang lain. Ia baru dibuka mulai 1 Rabiulawal, Maulud baru-baru ini sehinggalah sampai 15 Ramadhan. Tetapi syarikat ini telah mengenakan suatu perkara yang tidak baik iaitu dikenakan RM160 sehingga RM180. Kalau hendak mesti melalui dia. Dia ada kodnya yang tertentu, maknanya dia boleh *direct* dengan Kedutaan Besar Arab Saudi ke Malaysia. Tetapi ternyata apabila semua 25 agensi yang melalui dia, angkanya meletup sehinggalah sampai 5,797 permohonan daripada satu syarikat saja sebab dia jual. Maknanya RM160 sehingga RM180 dikenakan sedangkan visa haji adalah percuma.

Jadi ini adalah suatu yang tidak betul, maka telah dapat diperbetulkan. Jadi semua syarikat tadi boleh secara *online* menghubungi Kedutaan Arab Saudi untuk memohon visa menurut peruntukan yang telah ditetapkan iaitu ada 25 syarikat, maka diagihkan secara yang adil. Ini disebabkan syarikat ini - tidak tahulah, ini kepandaian manusia ini kadang-kadang di luar kawalan. Dia telah menggunakan kesempatan itu, orang lain tidak boleh, hanya melalui dia sahaja. Itu wallahualam di mana sekarang ini Kedutaan Arab Saudi sedang menyiasat di mana, apa sebabnya, siapa orang yang terlibat, adakah satu sindiket atau sebagainya. Jadi kita akan tunggulah bagaimana jawapan sebenarnya. Ia tidak ada kaitan langsung dengan keselamatan.

Suka saya menyatakan beliau telah memberitahu wakil saya, dia kata beritahu orang ramai keadaan di Jeddah, Mekah dan Madinah adalah aman untuk mengerjakan umrah dan dia sangat mengalu-alukan. Lebih ramai adalah lebih baik kita mengerjakan umrah. Tetapi begitulah

hakikat sebenar, apa yang berlaku sekarang ini, berlaku semacam ada sindiket untuk mengumpulkan sejumlah wang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih terhadap kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat berbincang dan juga menimbulkan perkara-perkara tadi. Mana-mana yang tidak sempat untuk dijawab mungkin kita sudah catatkan dan kita akan mengambil tindakan. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat selesai sudah semua jawapan daripada semua kementerian terhadap perbincangan Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat itu.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bersang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang.